

*Naskhah ini belum disemak*

**PARLIMEN KEDUABELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 3**

**Selasa**

**31 Mac 2009**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
*[YB Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik]*

(Halaman 27)



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****SELASA, 31 Mac 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Kewangan menyatakan, bagaimanakah kerajaan memastikan rakyat jelata nampak kesan-kesan yang ketara usaha kerajaan untuk merangsang ekonomi negara dan seterusnya mengukuhkan keyakinan mereka terhadap ekonomi negara.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang bersama-sama dengan enam soalan lain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Dato' Haji Ahmad Rusli bin bin Haji Iberahim yang dijadualkan pada hari ini dan dari Datuk Sim Kheng Hui, Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin dan Tuan Osman bin Bungsu yang dijadualkan dijawab pada 1, dan 6 April 2009 kerana semua soalan yang dikemukakan menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

**Dato' Kong Cho Ha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menangani krisis ekonomi global semasa kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama berjumlah RM7 bilion yang dapat memberi kesan berganda yang tinggi yang mana dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara. Antara langkah dalam pakej pertama adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan rumah kos rendah dan sederhana;
- (ii) menaik taraf dan menyelenggarakan balai dan kuarters polis serta kem dan kuarters tentera, jalan kampung, sekolah dan hospital;
- (iii) melaksanakan program latihan kemahiran;
- (iv) memantapkan sistem pengangkutan awam;
- (v) menubuhkan dana pelaburan;
- (vi) membenarkan pekerja untuk mengurangkan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja selama dua tahun; dan
- (vii) meningkatkan had kelayakan pinjaman kereta bagi penjawat awam dan melanjutkan tempoh pinjaman perumahan.

Sehingga kini RM6.5 bilion telah diagihkan kepada kementerian dan agensi yang berkaitan. Daripada jumlah tersebut, 14,255 projek berjumlah RM1.584 bilion sedang

dilaksanakan. Ini termasuk 6,621 projek di bawah Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), 2,118 projek oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 1,594 projek oleh Kementerian Pelajaran, 2,125 projek oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan 1,322 projek oleh Kementerian Kesihatan.

Adalah dijangka menjelang bulan Jun 2009, jumlah keseluruhan kerja yang dapat ditawarkan serta dilaksanakan bagi memenuhi sasaran pakej rangsangan ekonomi pertama bernilai RM5.2 bilion. Bagi mengelakkan ekonomi negara mengalami kemelesetan yang lebih serius, kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Kedua berjumlah RM60 bilion pada 10 Mac 2009. Pakej ini adalah lebih menyeluruh dan bersaiz besar yang menjangkau lebih banyak sektor ekonomi dan kumpulan sasaran yang memastikan negara terselamat daripada kemelesetan ekonomi global yang melanda ekonomi domestik.

Dalam pakej kedua ini, kerajaan amat prihatin dengan masalah pemberhentian pekerjaan dan pengangguran yang semakin meningkat. Pakej ini dapat meringankan keperitan rakyat terutama golongan yang mudah terjejas. Ini termasuk pekerja, pengguna, pelabur, peniaga kecil dan sederhana, pengeksport dan graduan menganggur. Di antara langkah dalam Pakej Rangsangan Kedua adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan sebanyak 163,000 peluang latihan dan pekerjaan;
- (ii) menyediakan galakan cukai untuk menggalakkan majikan mengambil pekerja yang diberhentikan serta menggalakkan entiti perniagaan membuat pelaburan dan kerja-kerja ubah suai dan baik pulih ke atas premis-premis perniagaan;
- (iii) menampung kos yuran pengajian bagi pelajar di peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah. Melalui inisiatif ini sebanyak 10,000 tempat di peringkat sarjana dan 500 tempat di peringkat kedoktoran falsafah akan ditawarkan kepada semua warganegara Malaysia berdasarkan merit;
- (iv) mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan memberi keutamaan kepada pekerja tempatan;

■1010

- (v) menyediakan subsidi untuk mengelakkan kenaikan harga gula, roti dan gandum serta kadar tol;
- (vi) menyediakan peruntukan untuk program mikro kredit;
- (vii) menubuhkan Skim Jaminan Modal Kerja untuk perusahaan kecil dan sederhana serta dana jaminan penstrukturan semula industri untuk menggalakkan industri meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah;
- (viii) mengurangkan kos kendalian perniagaan menerusi pengurangan kadar bayaran levi oleh majikan kepada kumpulan wang pembangunan sumber manusia selama dua tahun;

- (ix) membina lebih banyak rumah mesra rakyat dan menambah baik infrastruktur awam dan kemudahan asas di luar bandar serta Sabah dan Sarawak;
- (x) menggalakkan pelaburan swasta tempatan menerusi peruntukan dana pelaburan kepada Khazanah; dan
- (xi) pelaksanaan Projek *One-Off Budget* termasuk pembinaan terminal kos rendah di lapangan terbang antarabangsa Kuala Lumpur serta pelaksanaan projek melalui inisiatif pembiayaan swasta.

Selain itu, di antara langkah-langkah pakej rangsangan kerajaan adalah untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi negara kepada sektor luar. Seterusnya dapat menjana serta memastikan ekonomi negara lebih berdaya tahan dan menjamin pertumbuhan lebih mampan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suku ketiga dan keempat tahun 2008 ekonomi negara telah berkembang pada kadar 4.7% dan 0.1% berbanding dengan 6.7% dan 7.3% pada suku yang sama pada tahun 2007. Dengan usaha dan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan kesan penguncupan ekonomi global ke atas ekonomi negara, pertumbuhan KDNK negara dijangka berkembang perlahan di dalam lingkungan -1% dan 1% bagi tahun 2009. Prestasi penurunan jelas dilihat melalui petunjuk-petunjuk ekonomi domestik seperti nilai eksport, indeks pengeluaran perindustrian, kemasukan pelaburan asing dan pasaran saham negara. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Khoo Soo Seang dan selepas itu Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah seperti kata pepatah bahasa Inggeris, "*To see is to believe*". Maka sekarang rata-rata rakyat mengatakan mereka tidak tahu di mana wang yang di bawah stimulasi pakej rangsangan yang pertama dan yang kedua itu pergi. Jadi, bagaimanakah kerajaan hendak pastikan bahawa usaha kerajaan mendapat publisiti dan juga perhatian rakyat jelata yang seluas-luasnya? Adakah kerajaan bercadang hendak menyenaraikan kemajuan projek itu di dalam laman-laman web kerajaan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Terima kasih, Yang Berhormat Khoo Soo Seang. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita semua faham bahawa rakyat memang berminat untuk memantau dan mengikuti perkembangan kesan pakej-pakej rangsangan yang telah diumumkan dan telah dilancarkan oleh kerajaan. Oleh kerana itu, kerajaan di bawah Kementerian Kewangan telah pun merancang untuk mengadakan satu laman web khas bagi memaparkan maklumat mengenai program dan Projek Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua serta kemajuan pelaksanaan kedua-dua pakej tersebut.

Laman web ini akan membolehkan orang ramai dan pihak yang berkepentingan melayari dan mengetahui akan perkembangan terkini mengenai status dan tahap perbelanjaan dan peringkat pembangunan projek-projek yang telah diluluskan. Ia juga akan mengandungi butiran

inisiatif dan program-program serta bagaimana peruntukan telah disalurkan secara telus. Ini meliputi maklumat seperti jumlah peruntukan yang telah diagih dan dibelanjakan. Jumlah projek dilaksanakan dan kemajuan tiap-tiap projek itu. Laman web ataupun *website* ini telah pun kita rancangan dan siapkan dan dijangka akan dilancarkan pada minggu hadapan. Alamat Laman web itu adalah [www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my](http://www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my). Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Profesor Datuk Dr. Ismail.

**Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dalam ekonomi menghadapi krisis yang begitu getir ini rangsangan yang hendak dijalankan itu hendaklah menepati sekurang-kurangnya tiga kriteria asas. Pertama, saiz pakej tersebut hendaklah cukup besar. Kedua, ia mempunyai pengganda yang besar dan yang lebih penting ialah pelaksanaannya hendaklah disegerakan dalam satu *speed* yang cepat.

Kalau kita lihat daripada pengalaman kita pada pakej rangsangan yang pertama itu. Kita dapati bahawa pakej ini telah pun diumumkan pada bulan November 2008. Sehingga hari ini sejumlah wang yang baru meresap dalam ekonomi kita hanyalah melebihi RM1 bilion sahaja daripada RM7 bilion itu. Ini menunjukkan berapa lama kah kita *take time* untuk melaksanakan sesuatu projek.

Tadi ada Yang Berhormat Menteri sebutkan juga yang beliau menjangkakan RM5.2 bilion itu hanya akan selesai pada bulan Jun ini. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diberi penekanan oleh *Treasury* tentang *speed-off this* rangsangan itu tadi. Kalau tidak kita tidak akan melihat impaknya, terutamanya sedang kita melihat bahawa kesannya terhadap pertumbuhan telah pun dirasakan sekarang ini dan bagi kuota yang pertama ini saya jangka ia semestinya akan menjadi negatif.

*Point* kedua yang hendak saya sentuh tadi ialah kerajaan menjanjikan RM60 bilion dalam pakej yang kedua. Kita perlu jelaskan bahawa sebenarnya daripada RM60 bilion ini hanyalah RM15 bilion datangnya daripada dasar fiskal dan yang lain-lain itu merupakan gerenti, cukai dan lain-lain lagi. Di mana impak bagi aspek yang kedua iaitu gerenti cukai itu akan mengambil masa yang begitu panjang. Fiskal yang sebanyak RM15 bilion itu pun sebagaimana yang dinyatakan dalam mini bajet itu, hanyalah RM10 bilion untuk tahun ini dan RM5 bilion lagi untuk tahun hadapan. Kalaulah *the first* RM7 bilion pun kita tidak empat habis, *when can we expect this...* Bilakah kita boleh jangkakan yang *the next* RM10 bilion akan dibelanjakan?

▪ 1020

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apakah persoalan Yang Berhormat ini?

**Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh:** Persoalannya saya rasa yang penting dalam apa-apa yang kita lakukan ini ialah pelaksanaannya itu. Kalaulah pelaksanaannya itu tidak mantap, saya jangkakan kita *may miss the point* untuk menjadikan pakej ini sebagai rangsangan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya nak sentuh juga, daripada pakej RM60

bilion ini kalau kita lihat sebenarnya sasaran utama pakej tersebut ialah *on the supply side of the economy*, iaitu mengadakan latihan, menyediakan kredit dan lain-lain lagi.

Walhalnya apa yang sedang dihadapi oleh ekonomi sekarang ini ialah kekurangan *demand, demand* yang *contracting* kerana eksport kita, kerana *investment* tak ada. Jadi lebih baik kita tumpukan rancangan rangsangan itu untuk meningkatkan permintaan di kalangan pengguna-pengguna, seperti mana yang pernah dicadangkan iaitu misalnya dengan cara memberi *voucher direct* kepada pengguna, supaya baucar ini boleh digunakan dalam tempoh tertentu, *that we can see the circulation economy* serta-merta. Terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ismail dengan soalan yang panjang lebar ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. Ismail sebentar tadi bahawa program rangsangan ini tak perlu merangkumi tiga kriteria asas iaitu saiz besar, mengandungi propaganda besar dan perlu dilaksanakan dengan cepat. Jadi untuk saiz itu, bagi saya, memang pakej-pakej rangsangan yang diumumkan itu, mengikut keadaan negara kita, saiz negara kita dan bilangan penduduk di negara kita memang besar.

Selain daripada RM7 bilion pakej pertama, RM60 bilion pakej kedua dan kita pada masa sekarang sedang merancang Bajet 2010 di mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga berkata Bajet 2010 akan merangkumi lebih daripada RM200 bilion. Jadi ini bagi saya adalah satu saiz yang besar, dan masalah kita ialah bagaimana kita dapat melaksanakan dan menggunakan wang yang begitu banyak dengan kadar yang cepat. Jadi itu mungkin adalah satu masalah. Oleh sebab itu, apa yang saya katakan tadi, Kementerian Kewangan telah pun mewujudkan laman web, supaya kita dapat memberi tekanan kepada pelaksanaan projek yang telah diluluskan, kerana ini telah melibatkan hampir semua kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan semua perlu giat untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan.

Bagi pakej pertama iaitu hingga masa sekarang sebanyak RM1.684 bilion nilai projek telah pun diluluskan, di tender dan ditawarkan. Kita juga menjangkakan pada bulan Jun sebanyak RM5.2 bilion projek akan dikeluarkan, dan keseluruhan projek rangsangan pertama ini, kita akan habis sebelum hujung tahun 2009 ini. Kita juga faham bahawa untuk merancang dan menawar projek-projek yang ditentukan itu, memang mengambil masa.

Saya juga bersependapat dengan Dr. Ismail bahawa masalah utama krisis ekonomi yang dihadapi dunia sekarang adalah oleh sebab *demand* turun. Bagi saya, *demand* turun ataupun *reduced demand is the mother of all the causes of all economy* pada masa sekarang. Ini kerana bila *demand* itu turun, jadi ia akan menjadi satu masalah rangkaian *it becomes the chain reaction* untuk segala-galanya, misalnya kalau pihak atau pun sektor pembuatan. Kalau *demand* turun, jadi eksport mereka turun, jadi pengeluaran mereka pun turun.

Jadi oleh sebab itu, mereka perlu memberhentikan pekerja mereka dan itu akan menjana dan menimbulkan masalah yang lain seperti masalah keluarga, masalah peningkatan kadar jenayah dan sebagainya. Jadi oleh sebab itu, dalam pakej rangsangan, kerajaan juga menumpukan kepada bagaimana kita boleh melatih lebih banyak pekerja dan mengambil banyak

lagi pekerja di sektor-sektor tertentu, dan kita juga menumpukan kepada pembangunan SME dan sebagainya, supaya SME itu tidak terjejas. Jika SME terjejas, bermakna lebih ramai lagi pekerja akan menganggur, terima kasih.

**2. Datuk Akhbar bin Ali** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, berapa banyak inovasi yang telah dibuat sejak 2004 hingga 2008 dan berapa banyak pula sumbangannya kepada GDP negara.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Datuk Akhbar Ali. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat definisi inovasi itu begitu luas sekali, di mana ia boleh meliputi pelbagai sektor, umpamanya inovasi dalam sektor perkhidmatan, sektor pembuatan, sektor pertanian dan sebagainya.

Jika dilihat dari aspek reka cipta atau hasil penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D, dengan izin, inovasi boleh diterjemahkan dalam bentuk penghasilan harta intelek ataupun IP, pembangunan modal insan, penerbitan saintifik serta anugerah-anugerah sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seperti yang diketahui umum, aktiviti R&D biasanya mengambil masa yang agak lama untuk melihat hasilnya. Melalui dana R&D MOSTI bagi tempoh lima tahun lepas, sebanyak 610 IP telah difailkan, seramai 681 graduan Ph.D, dan 1743 graduan di peringkat sarjana telah dihasilkan. Sebanyak 4594 penerbitan saintifik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah diterbitkan manakala 431 anugerah di peringkat kebangsaan dan 21 anugerah peringkat antarabangsa telah diperolehi oleh penyelidik-penyelidik tempatan dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk mengukur sumbangan inovasi secara terus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu KDNK atau dengan izin, *Gross Domestic Product* atau GDP, tetapi jika kita mengambil kira aplikasi teknologi dalam bidang-bidang tertentu seperti ICT, kita dapati ia telah memberi sumbangan yang signifikan. Sebagai contoh pada tahun 2007, pembekal-pembekal perkhidmatan dalam bidang ICT telah menyumbang sebanyak RM47.9 bilion atau 9.5% kepada KDNK negara.

Ini merupakan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan 2006, manakala bagi industri bioteknologi pula yang ditaksirkan berjumlah RM1.34 bilion pada masa kini, dan dijangka akan menyumbang sebanyak 5% kepada KNDK negara menjelang tahun 2020. Usaha-usaha sedang dibuat bagi melihat sumbangan program R&D ke atas KDNK.

#### ■1030

Bagi maksud ini MOSTI sedang dalam proses menjalankan dua kajian mega iaitu kajian impak ke atas pencapaian program R&D dan kajian inovasi kebangsaan dan bagi tempoh 2005 hingga 2008, hasil-hasil kajian mega ini dijangka akan diperolehi pada akhir tahun ini bagi kajian pertama dan pertengahan 2010 iaitu tahun hadapan bagi kajian kedua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Akbar bin Ali dan selepas itu Datuk Majjol Mahap.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ekonomi kita telah berhijrah dari segi pemacuannya daripada *labour intensive* atau dipacu oleh buruh kepada dipacu oleh modal dan kemudian dipacu oleh produktiviti dan pada masa kini dipacu oleh *knowledge based economy*. Kini seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hari Ahad lepas bahawa kita mahu ekonomi kita dipacu oleh inovasi kali ini. Bermakna kita mahu bergerak, berhijrah dari *tertiary level* kepada *quaternary level*, dengan izin.

Jadi saya difahamkan, Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa sukar mengukur sumbangan inovasi kepada GDP. Saya rasa sebagaimana kita menghadapi kesulitan untuk mengukur sumbangan *knowledge* kepada ekonomi saya ingin sarankan kerana sekarang saya terpaksa tukar soalan saya, ingin sarankan supaya usaha dibuat dengan bersungguh-sungguh untuk mengukur ekonomi kita berdasarkan inovasi dengan berdasarkan perimeter dan kriteria tertentu. Saya mohon supaya usaha ini disegerakan. Kalau tidak, kita tidak akan dapat mengukur kemajuan ekonomi atau sumbangan ekonomi melalui inovasi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sekali lagi Datuk Akbar Ali mengenai sentuhan tadi. Sememangnya penekanan bagi negara kita seperti mana yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah pengkhususan yang lebih serius kepada pembentukan inovasi sebagai landasan pertumbuhan ekonomi dan ini juga adalah satu sifat dan pendekatan sebenarnya kepada negara-negara lain sempena menghadapi krisis kewangan di peringkat global. Kebanyakan negara-negara ini telah memberikan peruntukan yang lebih besar kepada R&D dan untuk juga pembentukan inovasi.

Di peringkat kita di MOSTI kita telah mengambil sahutan itu serta-merta dan untuk tujuan itulah bagi langkah-langkah sedang dibuat untuk memastikan supaya program inovasi diteruskan termasuklah di peringkat akar umbi sampailah ke peringkat tertinggi dalam industri dan sampailah ke peringkat golongan intelek ataupun di peringkat universiti-universiti negara kita.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, pengkhususan kewangan dari segi dana kita sedang bentuk balik supaya lebih banyak dikhususkan untuk program-program pembentukan inovasi. Untuk ini juga kerajaan telah menubuhkan satu Yayasan Inovasi Kebangsaan sebagai landasan untuk masyarakat umum mengambil bahagian di peringkat akar umbi untuk memberi idea-idea yang berkaitan dengan pembentukan inovasi.

Untuk ini juga saya telah umumkan kelmarin bahawa kita dalam proses pembentukan satu idea bank iaitu MOSTI, sesiapa sahaja lapisan masyarakat yang berpelajaran tinggi ataupun orang biasa yang ada idea untuk membentuk inovasi atau pembentukan teknologi boleh mengambil bahagian di dalam bank idea ini dan kita akan telitikan, kita akan tapis yang mana idea-idea yang bagus kita akan serahkan *rights* nya kepada pencadang itu sambil saintis akan mengambil idea itu dan membentuk ke tahap yang berbunyi teknologi dan saintifik.

Begitu juga kita sedang dalam proses penyediaan untuk mencadangkan kepada kerajaan bahawa tahun hadapan kita harus jadikan tahun inovasi dan kreativiti di antaranya fokus-fokus untuk membentuk sifat berinovasi sebagai satu *lifestyle* di kalangan masyarakat kita.

Dari segi kajian, saya telah pun sentuh tadi bahawa dua kajian mega yang melibatkan beberapa buah universiti dan Akademi Sains Malaysia dan universiti-universiti terlibat adalah UPM, Universiti Malaya serta juga Universiti Kebangsaan untuk mengkhususkan supaya satu *framework* yang boleh diterima secara intelektual dapat dibentuk untuk mengkaji dan mengukur sumbangan inovasi serta dana-dana kerajaan dalam proses pertumbuhan ekonomi khususnya sumbangan daripada GDP. Saya berharap seminar-seminar mengenai ini akan dibentuk dalam enam bulan lagi dan hujung tahun fasa pertama boleh disiarkan kepada pihak umum dan pihak golongan intelek dan menjadi dasar panduan kepada kerajaan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Majjol Mahap.

**Datuk Majjol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu kita telah mencipta sejarah apabila angkasawan negara kita telah pergi ke angkasa lepas. Ia telah membuka lembaran baru dan era baru bagi negara kita dalam usaha kita memperkasakan sains dan teknologi.

Pertanyaan tambahan saya ialah apakah bukti-bukti yang ketara bahawa dengan kejayaan dua angkasawan itu kita telah benar-benar menarik minat belia-belia dan pelajar-pelajar dalam sains dan teknologi. Yang kedua ialah, apakah perancangan dan tindakan kementerian untuk melahirkan saintis-saintis negara kerana merekalah golongan yang boleh membuat inovasi yang canggih di negara kita, terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Majjol Mahap. Dia berasal dari kawasan saya Parlimen Kota Marudu. Seperti mana soalan yang telah dimajukan, dari segi program angkasawan yang telah pun disentuh itu sememangnya bagi pandangan kita ini telah membuka lembaran baru dari segi penggalakan, *appreciation* dengan izin, kepada perihal sains dan teknologi.

Dari segi hasil tersebut selain daripada *micro gravity studies* iaitu berasaskan kepada *medical studies* yang dijalankan, ini masih dalam proses dan dalam hal ini sebenarnya tidak kurang dua paten telah difailkan hasil daripada kajian yang telah pun dijalankan dalam misi tersebut dan ini masih berterusan.

Dari segi impaknya kepada generasi muda, kami yakin bahawa itu adalah satu batu loncatan yang penting sekali dan proses-proses untuk kursus motivasi, program motivasi di peringkat sekolah, semuanya itu sedang berjalan dengan sumbangan kedua-dua angkasawan kita. Namun kalau hendak ukur impaknya, tidak bolehlah diukur dalam jangka yang terdekat.

Saya berpendapat bahawa hasilnya itu kita hanya boleh tuai dalam tempoh 10 tahun dari sekarang apabila adik-adik semua, anak-anak kita di peringkat sekolah rendah dan menengah itu menerusi proses peningkatan minat dan akhirnya dengan harapan yang tinggi menjurus kepada bidang-bidang pengajian sains dan teknologi.

Mungkin banyak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini apabila Neil Armstrong, *astronaut* pertama melangkah ke bulan pada Julai 1970 kalau saya tidak silap, apabila dia mengatakan bahawa.. *commentator* dalam televisyen pada waktu itu mengatakan "*one step for*

*man but a giant step for mankind*”, kitalah antara yang jadi saintis hasil daripada peristiwa tersebut. Jadi kita tidak boleh ukur dalam jangka masa yang terdekat.

Pihak MOSTI sedang mengambil langkah-langkah untuk mengkhususkan lagi kemahiran-kemahiran saintis kita dan kami sedang misalnya sedang memberi perhatian yang penting kepada perkara kreativiti di kalangan saintis-saintis kita. Kita sedang menjalankan program *how to be a creative scientist* melalui kursus-kursus motivasi bagi mereka yang telah menjadi *Nobel prize winner* atau bakal *Nobel prize winner* bagi tujuan untuk membentuk saintis-saintis yang lebih dinamik dan mencapai langkah-langkah *milestone* yang negara kita boleh banggakan.

Apa-apa sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam bidang ini, MOSTI sentiasa terbuka untuk menerima input-input. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Sim Kheng Hui** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kemungkinan kerajaan dan pihak pembangkang dapat mengetepikan persaingan politik dan bekerjasama untuk menangani krisis ekonomi seperti mana yang disarankan oleh masyarakat umum menerusi kajian media massa.

■1040

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa perseteruan politik pada waktu ini sememangnya merumitkan lagi usaha untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi yang semakin meruncing yang bukan hanya dihadapi oleh negara Malaysia tetapi di seluruh dunia. Malah, seruan untuk bekerjasama telah pun disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu menyampaikan ucapan pembentangan bajet mini baru-baru ini. Malangnya dan sayangnya, seruan ini tidak disambut oleh Pakatan Pembangkang malah telah ditolak bulat-bulat oleh Pakatan Pembangkang. Mereka cuba untuk menggagalkan mini bajet ini dengan mengalihkan perbincangan mini bajet kepada tuduhan yang dibuat oleh Tuan Gobind Singh Deo iaitu bahawa Menteri Kewangan adalah pembunuh dalam kes Altantuya.

Namun, bagi pihak kerajaan, kita terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi memastikan agar usaha rangsangan ekonomi yang telah diumumkan akan berhasil. Terpujanglah kepada pihak pembangkang sama ada mereka mampu bertindak secara ikhlas demi kemakmuran negara yang kita cintai.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan dengan baik. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, bagi mengetepikan persaingan politik, kerajaan perlu melibatkan ramai rakyat termasuk NGO dan parti pembangkang untuk memberi idea-idea baru bagi tujuan menangani krisis ekonomi. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula MTEN masuk pada peringkat negeri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini, kerajaan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan NGO seperti yang berlaku waktu Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merancang untuk mengadakan bajet mini. Dia membuat hubungan dan berjumpa dengan berbagai-bagai NGO untuk mengatasi masalah yang sedang kita hadapi ini. Namun, oleh kerana beberapa negeri pada ketika ini dikuasai oleh pihak pembangkang, jadi agak sukar untuk kita mengadakan MTEN di peringkat negeri. Masalahnya, kita tahu bahawa pembangkang banyak bermain politik daripada mahu berusaha bersama untuk mengatasi masalah ini. Namun, kalau mereka ikhlas dan tidak seperti apa yang ditunjuk dalam perbahasan di Dewan Rakyat, seperti mana yang telah saya sebut, kerajaan terbuka untuk berbincang dengan mereka.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pertanyaan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi, pertamanya mungkin mengenai istilah lagilah. Negeri dikuasai oleh pembangkang. Saya rasa pembangkang tidak boleh mentadbir negerilah. Yang mentadbir mestilah kerajaan negeri. Jadi bagi saya, pertanyaan tambahannya ialah apabila kita melihat kerajaan juga ada peranan dan pembangkang juga punya peranan dalam negara dan juga dalam negeri sebagai menyumbang saran kepada pentadbiran kerajaan.

Jadi, apakah pada pandangan Yang Berhormat Menteri apabila pembangkang di sesetengah negeri seperti di negeri Kedah, pembangkang yang diiktiraf oleh Kerajaan Pusat sebagai agen untuk membina pembangunan di negeri sedangkan negeri tersebut seharusnya diberikan ataupun ditimbang dan dibincangkan bersama dengan kerajaan yang memerintah di negeri untuk sama-sama kita bangunkan jadi negeri kita. Jadi, minta pandangan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang pertama berkenaan dengan saya sebut Kerajaan Pembangkang. Pertamanya kita ada masalah sebab yang kita tengok kalau di Kelantan, Kerajaan PAS, di Kedah, Kerajaan PAS, di Pulau Pinang, Kerajaan DAP dan juga di Selangor, Kerajaan PKR. Akan tetapi mereka pada hari ini kata mereka Pakatan tetapi ia tidak berdaftar. Jadi untuk saya hendak sebut kerajaan di setiap negeri itu dengan nama-nama DAP, PKR dan PAS itu susah. Sebab itu saya kata oleh kerana di peringkat kebangsaan ini ia pembangkang, saya kata Kerajaan Pembangkanglah. Jadi, daftar dululah Pakatan Rakyat itu. Baru kita boleh sebut.

Kemudian, saya tidak ada halangan sebab saya percaya negeri Kedah kah, negeri yang ditawan oleh pembangkang kah, mereka ada kerajaan negeri dan mereka ada bajet sendiri. Mereka boleh rancang di negeri masing-masing bagaimana untuk mereka mengatasi kegawatan ekonomi di negeri masing-masing sebab mereka memerintah di sana. Jadi kalau ada apa-apa perkara yang mereka fikirkan untuk mengatasi kegawatan ekonomi di negeri berkenaan, yang mereka menjadi kerajaan, saya harap supaya kalau mereka rasa ada peranan Kerajaan Pusat, hubungilah Kerajaan Pusat.

Saya memberi pandangan ini atau jawapan ini berdasarkan dari apa yang berlaku di Dewan Rakyat. Dewan Negara ini bukan *state* tetapi *Federal*, ya. Jadi, perangai pembangkang dalam Dewan Rakyat itu membawa kepada kesimpulan bahawa mereka tidak berniat ikhlas untuk berunding dengan Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi di negara kita.

**4. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sejauh manakah keberkesanan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di IPTA dan IPTS berjaya mendedahkan para siswa universiti membentuk sikap hidup yang terbuka untuk menghargai kepelbagaian budaya, agama dan masyarakat di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop yang memohon jawapan berkaitan dengan pengajian di universiti-universiti kita berkaitan dengan Tamadun Asia Tenggara dan Tamadun Islam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian telah dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia berkaitan keberkesanan kursus-kursus umum universiti berdasarkan kepada persepsi pelajar IPTA dan IPTS. Kajian tersebut menggunakan kaedah soal selidik daripada 1,260 orang pelajar tahun akhir yang berbilang etnik dan juga gender dari Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Multimedia dan juga Universiti Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian ini mendapati kursus-kursus umum seperti TITAS atau singkatan kepada Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik dan Kenegaraan yang diperkenalkan di institusi pengajian tinggi telah memberikan kesan yang positif kepada pelajar-pelajar kita. Aspek-aspek yang menjadi objektif utama kursus-kursus ini seperti pembentukan sikap, penghayatan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, memupuk kesedaran sejarah dan kenegaraan serta sikap positif telah memperlihatkan kesan yang amat memberangsangkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada contoh. Kajian ini mendapati hampir 70% daripada responden menyatakan kursus ini dapat meningkatkan nilai-nilai murni dan sikap hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, 74% responden menyatakan ia dapat memupuk dan membina sikap positif dalam diri di kalangan pelajar-pelajar kita. Justeru itu Yang Berhormat, Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia yang merupakan antara kursus umum dan sememangnya wajib diambil oleh semua pelajar universiti didapati boleh memberikan pendedahan kepada pembentukan kemahiran sikap dan juga pembangunan pengetahuan pelajar-pelajar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya dengan baik. Soalan tambahan saya ialah oleh kerana kedua-dua kursus tersebut iaitu TITAS diperkenalkan pada sekitar tahun 90-an dahulu. Selepas itu ada dua kursus baru lagi iaitu Kursus Hubungan Etnik dan Kenegaraan.

■ **1050**

Kedua-dua kursus baru ini lebih menyeluruh, lebih luas skopnya dan lebih fokus kepada tuntutan semasa rakyat Malaysia khususnya para pelajar di IPTA dan IPTS. Apakah Kementerian Pengajian Tinggi bercadang untuk mengkaji semula kurikulum TITAS tadi serta kemungkinan

menyatukan atau menggabungkan dengan kurikulum dua kursus yang baru tadi iaitu hubungan etnik dan kenegaraan. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat. Nampaknya Yang Berhormat memang mengambil berat tentang kursus-kursus berkaitan dengan pembangunan sivik dan ketatanegaraan di kalangan pelajar kita. Memang ada kursus hubungan etnik, saya pun bawa modul editornya Shamsul Amri Baharuddin, saya sebut namanya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini memang diajar di IPTA dan IPTS kita.

Jadi cadangan Yang Berhormat untuk menyatukan untuk *consolidate syllabus* yang ada di dalam hubungan etnik dan kenegaraan ini dengan TITAS di IPTA kita itu, saya kira adalah satu cadangan yang baik dan telah pun dilakukan oleh kebanyakan IPTS dan juga IPTA di mana kita telah melihat tajuk-tajuk, topik-topik yang ada di dalam kursus kenegaraan dan hubungan etnik berada di dalam TITAS. Kita telah pun meletakkan MQA untuk menilai, *Malaysian Qualification Agency* untuk menilai program-program supaya ianya diberi akreditasi sementara dan juga perakuan akreditasi supaya program ini menjadi satu kursus-kursus yang wajib bagi semua pelajar di IPTA dan IPTS kita dan mereka akan menghayati satu semangat iaitu untuk membina negara bangsa yang mencari persamaan daripada membesarkan perbezaan di antara mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, selain daripada memperkenalkan kursus-kursus yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah langkah-langkah lain yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian ataupun mungkin dalam perancangan pihak kementerian untuk mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan juga mengeratkan hubungan di kalangan para pelajar kita di IPTA dan juga IPTS yang berbilang bangsa ini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan yang begitu objektif, yang saya kira memerlukan jawapan yang juga objektif. Antara saranan-saranan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Yang Berhormat, ialah untuk pelajar-pelajar menyertai persatuan-persatuan yang umum yang tidak berasaskan etnik dan kepercayaan. Persatuan-persatuan umum ini adalah di antara gerakan-gerakan yang juga boleh membangunkan pelajar-pelajar bukan sahaja di dalam konteks pembangunan *soft skills*, insaniah tetapi juga pembangunan kurikulum mereka.

Kita menyarankan pelajar-pelajar supaya melibatkan diri di dalam persatuan-persatuan yang berkaitan dengan alam sekitar, gender dan sebagainya bagi mereka mengenal di antara satu sama lain. Di samping itu juga, kementerian sentiasa menggalakkan universiti-universiti untuk menyertai program-program sambutan hari-hari perayaan di peringkat kebangsaan. Terutamanya Hari Kemerdekaan, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Tionghoa, Deepavali, Thaipusam dan sebagainya di kalangan pelajar-pelajar yang berbilang kaum supaya mereka saling belajar mempelajari di antara satu sama lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Haji Ikhwan Salim.

**5. Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah pihak Perbadanan Putrajaya akan memperbanyakkan lagi kawasan meletak kenderaan di antara Parcel 'A' ke 'E' memandangkan banyaknya kenderaan yang diletakkan di bahu jalan yang mengakibatkan pihak polis terpaksa menyaman mereka kerana ianya menjejaskan imej negara.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Putrajaya sememangnya sedar akan masalah tempat letak kereta yang berlaku di Presint 1, Putrajaya walaupun masalah ini belum sampai ke tahap kritikal. Bagi menyelesaikan masalah ini, Perbadanan Putrajaya telah merancang beberapa langkah untuk menyediakan kemudahan kepada para pengguna yang berurusan dengan pejabat kerajaan di Presint 1 seperti berikut:

- (i) Menyediakan sejumlah 140 tempat letak kereta secara bertingkat di hadapan Kompleks B bagi pengguna ke Kompleks 'B' dan 'C';
- (ii) menyediakan sejumlah 560 petak tempat letak kereta bersebelahan Kompleks 'E' terutamanya bagi pengguna di Kompleks 'D' dan 'E';
- (iii) dan juga menyediakan *park and ride* di Presint 14 dengan ruang letak kereta sebanyak 380 petak; dan
- (iv) kemudahan pengangkutan bas Nadi Putra yang disediakan sebagai pengangkutan awam untuk ke Presint 1.

Kesemua pembangunan kemudahan ini akan dilaksanakan bermula suku ketiga tahun 2009. Di samping itu, Perbadanan Putrajaya juga telah merancang bagi menyediakan satu pintu masuk yang dilengkapi dengan kemudahan laluan berbumbung bagi pengguna yang meletak kenderaan di kawasan tempat letak kereta di belakang Kompleks 'B'. Pihak JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya juga akan membina kemudahan tempat letak kereta di hadapan Kompleks 'D'.

Walau bagaimanapun para pengguna adalah digalakkan untuk menggunakan kemudahan pengangkutan awam yang disediakan iaitu *park and ride* di Presint 1 dan 7 yang masing-masing menyediakan sebanyak 1,000 dan 1,500 tempat letak kereta tiap-tiap satunya. *Park and ride* ini juga turut disediakan kemudahan bas Nadi Putra yang mencukupi untuk kegunaan orang ramai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Ikhwan, selepas itu Datuk Wira Syed Ali.

**Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab perkara sebegini boleh membentuk persepsi rakyat terhadap kerajaan, adakah perkara seperti meletak kereta ini diambil kira secara serius semasa kita merancang sebab kita tahulah di sana memang ramai rakyat setiap hari dan apabila perkara sebegini berlaku, nampak macam kita

tidak merancang dengan betul ataupun ada perancangan yang lebih jauh seperti sistem LRT dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulannya, kerajaan memang serius sebagai kerajaan prihatin, kita memang serius terhadap masalah-masalah seperti ini khususnya melibatkan masalah infrastruktur. Ini bukan sahaja akan menjadi satu masalah tetapi apabila perkara ini berlaku di Putrajaya, ini akan mencacatkan imej negara kita sebagai ibu kota bertaraf antarabangsa. Kerajaan sememangnya serius mengenai isu ini dan ada beberapa rancangan untuk mengatasi masalah ini bukan di peringkat sekarang tetapi pada jangka masa panjang.

Kerajaan berhasrat untuk menjalankan program-program seperti membina penggunaan sistem rel sebagai tulang belakang pengangkutan awam di Putrajaya. Walau bagaimanapun memandangkan kegawatan ekonomi ataupun *economy crisis* yang melanda antarabangsa, kerajaan telah menangguhkan pembinaan sistem *rel* di mana kita akan membina sistem rel lebih kurang 20km di seluruh Putrajaya. Dengan bina sistem rel, kita dapat mengatasi masalah pengangkutan di Putrajaya. Terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkaitan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan tetapi bukan dengan Putrajaya tetapi dengan Kuala Lumpur, berkenaan dengan Kuala Lumpur.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mengenai tempat letak kereta juga?

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Bukan, bangunan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini dah keluar daripada soalan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Perkara ini telah dibangkitkan di penggal yang lalu dan Menteri dah beri jawapan. Kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil kira pandangan saya di Mesyuarat penggal yang lalu yang mana saya telah bangkitkan bahawa beberapa pohon pokok telah tumbuh di bangunan Flat Pekeliling yang saya khuatir kalau tidak diambil tindakan, pokok tersebut akan jatuh dan juga mencacatkan pemandangan di sekitar Jalan Tun Razak.

Yang Berhormat Menteri telah pun berjanji akan mengambil tindakan dan sehingga hari ini, saya lalu masih belum apa-apa tindakan yang diambil. Saya harap perhatian ini diambil kerana ini mencacatkan penglihatan di Bandar Raya Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun saya akan semak balik sama ada tindakan telah diambil atau tidak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akan tetapi pokok itu memang ada lagi Yang Berhormat, pagi tadi saya lalu, saya nampak pokok itu ada tergantung.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Mungkin pokok baru... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Chandrasekar Suppiah.

■1100

**6. Datuk Chandrasekar Suppiah** minta Perdana Menteri menyatakan, senarai projek-projek di bawah PFI dan PPP yang telah diluluskan dan yang sedang dikaji dan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010. Apakah sekitar dan bidang yang akan diberi tumpuan untuk projek dalam kaedah ini dan apa pra syaratnya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek inisiatif pembiayaan swasta ataupun PFI juga dikenali sebagai *public private partnership* ataupun PPP di bawah seliaan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan secara prinsip pada tahun 2008 dan 2009 dan dalam peringkat rundingan merangkumi projek-projek pembangunan 11 kampus UiTM, projek bangunan MITI di Kuala Lumpur serta projek bangunan hospital pengajar pasca siswazah UIM di Nilai.

Projek-projek yang dalam peringkat perancangan pula antaranya ialah Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan dan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Buat masa ini tumpuan diberikan kepada projek-projek PPP yang berasaskan aset yang melibatkan pembinaan fiskal atau perkhidmatan sosial untuk kegunaan kerajaan yang mana pembayaran balik pelaburan oleh pihak swasta adalah berasaskan penggunaan kerajaan.

Antara pra syarat projek PPP ialah nilai minimum permulaan perbelanjaan modal ataupun dengan izin, *initial capital expenditure* adalah sebanyak RM100 juta dan cadangan projek melibatkan pembinaan aset yang mempunyai jangka hayat ekonomi yang panjang dan memerlukan penyelenggaraan yang berterusan sekurang-kurangnya 20 tahun. Syarat-syarat yang lain adalah seperti yang terkandung dalam garis panduan PPP yang akan dikeluarkan dan saya akan kemukakan pada Ahli Yang Berhormat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Chandrasekar.

**Datuk Chandrasekar Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, apakah model projek *fast track* selain model PPP yang boleh dilaksanakan memandangkan model baru PPP mengambil masa hampir setahun atau lebih untuk rundingan sahaja dan kesukaran mendapat pinjaman institusi swasta sekarang? Bagaimanakah krisis ekonomi ditangani jika terdapat model PPP yang kurang efektif atau kurang prioritinya. *Thank you.*

**Tan Sri Amirsham A. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dari segi pelaksanaan PPP kita memang dapati bahawa pelaksanaannya agak perlahan ataupun *slow*, dengan izin. Ini kerana ada kekangan antara harapan daripada pemaju projek dan juga harapan kerajaan untuk melaksanakan projek ini dengan baik. Kita waktu terima permohonan-permohonan kebanyakan daripada projek yang dimajukan kepada EPU atau UPE ialah projek-projek yang berlandaskan ataupun yang berlandaskan secara *deferred payment*. Itu bukan kehendak UPE.

Kadar *deferred payment* adalah kadar *fast track*. Itu kita ada projek-projek di bawah *fast track* di bawah Kementerian Kewangan iaitu peruntukan RM20 bilion melalui pembiayaan melalui EPF dan ditanggung oleh kerajaan. Akan tetapi kita untuk menjalankan satu projek PPP ini untuk dapat kita mendalami lagi suasana pelaburan di negara ini. Kita juga dapat mendalami lagi keadaan perbankan ataupun sistem kewangan negara iaitu dengan dari segi pemohon ataupun pencadang projek dan juga sistem perbankan dapat mengambil risiko untuk menyiapkan projek itu.

Sekarang ini kebanyakan projek yang dimajukan kita dapati kebanyakan pemohon-pemohon tidak sanggup mengambil risiko dari segi menyiapkan projek itu. Itu bukanlah satu inisiatif PPP kita galakkan. Oleh itu kita harap dengan *experience* kita, dengan izin, yang hampir dua tiga tahun ini dapat kita mengurangkan kekangan kefahaman antara PPP yang dicadangkan oleh kerajaan dan juga PPP yang dipohon oleh pemaju-pemaju. Saya harap pada masa hadapan kita dapat menjalankan PPP ini dengan *more efficient* lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Profesor Datuk Dr. Ismail.

**Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat kerana memberi satu jawapan yang agak komprehensif. Saya beranggapan bahawa PPP ini mempunyai ruang yang amat begitu baik dalam konteks ekonomi kita berada sekarang ini. Ini kerana salah satu masalah yang dihadapi oleh kerajaan ialah kekurangan kemasukan modal terutamanya modal asing. Melalui PPP ataupun PFI ini kita dapat menggembelng semula modal swasta ini tanpa bergantung kepada kerajaan.

Di setengah-setengah negara Tuan Yang di-Pertua, PPP merupakan antara 10% hingga ke 15% daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan. Saya rasakan ini adalah satu aspek yang perlu kita galakkan di negara kita kerana sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi bahawasanya PPP itu telah pun mempunyai *build-in mechanism* yang menjaga segala kepentingan kedua-dua pihak.

Aspek yang kedua yang saya hendak sentuh ialah walaupun projek-projek ini telah pun dikenal pasti sebagai projek yang akan dibiayai melalui bajet kerajaan. Saya rasa sungguhpun demikian projek-projek ini masih boleh dikemukakan dalam bentuk PFI. Ini kerana sekiranya projek yang dikemukakan secara PFI itu adalah lebih efisien daripada projek yang dijalankan oleh kerajaan sendiri lebih baik kita mengadakannya dalam bentuk PFI.

Yang ketiga sebagaimana yang kita maklum bahawa *guideline* untuk PPP ini telah pun lama siap dan semua orang sedang menantikan *guideline* dikemukakan oleh pihak EPU dan kerajaan. Saya rasakan ini adalah perlu disegerakan dan kalau boleh satu taklimat yang khusus yang dapat diberikan terutamanya kepada *banker* dan pada *even* Ahli Parlimen tentang *guideline* tersebut. Terima kasih.

**Tan Sri Amirsham A. Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dari segi kebaikan PPP pun memang kita akui. Sebagai kerajaan itulah salah satu cara kita untuk mendapatkan pembangunan dan juga tidak terkongkong kepada defisit perbelanjaan bajet. Itu kita pun telah

setujui. Cadangan supaya ada juga yang projek-projek yang di bawah perbelanjaan pembangunan dapat kita kaji boleh digunakan secara PPP. Itu juga satu cadangan yang baik dan kita akan mengambil maklum cadangan itu.

Akan tetapi seperti saya katakan tadi kematangan pemain-pemain dalam gelanggang PPP ini masih lagi saya rasa belum cukup matang lagi. Dari segi permohonannya, sponsornya, pelaburnya dan juga daripada penyokong kewangan seperti bank dan pasaran modal. Kita telah pun mengambil jalan dan juga terus memberi penerangan kepada *stakeholders*, dengan izin, supaya dapat kita merapatkan lagi fahaman berkenaan dengan PPP ini.

Seperti saya katakan tadi harapan saya ialah kerajaan dengan masa terdekat ini dapat merapatkan *understanding*, dengan izin, PPP ini dan kita dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan melalui PPP dengan lebih berkesan dan lebih cepat. Terima kasih.

#### ■1110

7. **Puan G K Loga Chitra** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat menyatakan, bilangan kes yang didaftarkan di bawah Program Cari mengikut kaum, jantina dan negeri.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mohon izin untuk menjawab sekali pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Rawisandran a/l Narayanan pada 30 Mac 2009 dan Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin pada 2 April 2009 memandangkan ia menyentuh mengenai isu yang sama Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Noriah Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Cari merupakan salah satu Program Perdampingan Sosial yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia ataupun JKM. Bertujuan untuk mengesan kes-kes tercicir dan terpinggir yang memerlukan bantuan selaras dengan hasrat kerajaan melalui peluasan jaringan keselamatan sosial. Sejak projek tersebut dilancarkan pada 17 Julai 2008 dan sehingga 12 Mac 2009 sebanyak 128,944 kes telah berjaya dikesan.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 54,671 kes ataupun 42.4% telah diberikan bantuan. Manakala 27,629 iaitu 21.4% kes tidak diluluskan. Seterusnya, sebanyak 46,644 kes iaitu 36.2% masih dalam siasatan. Jumlah bantuan kewangan bagi kes yang telah diluluskan ini Tuan Yang di-Pertua adalah sebanyak RM12.9 juta. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, bilangan kes yang dikesan oleh JKM ini adalah tinggi berpunca daripada kenaikan kadar kelayakan pendapatan garis kemiskinan ataupun PGK iaitu daripada RM400 kepada sebanyak RM720 di Semenanjung. Sebanyak RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah.

Bilangan kes yang berjaya dikesan di bawah Projek Cari mengikut negeri seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>KES</b>
Perlis	1,373
Kedah	12,606
Pulau Pinang	7,920
Perak	14,441
Selangor	7,629
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4,835
Negeri Sembilan	4,437
Melaka	2,335
Johor	6,372
Pahang	5,464
Terengganu	13,036
Kelantan	7,840
Sabah	15,788
Sarawak	24,540
Wilayah Persekutuan Labuan	328
<b>JUMLAH</b>	<b>128,944</b>

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat kedudukan kes di bawah Projek Cari yang dikesan mengikut pecahan kaum dan jantina pula adalah seperti berikut, kecuali saya mohon maaf kerana pecahan daripada Negeri Selangor, Kedah dan Kelantan yang masih belum dapat saya peroleh.

<b>KAUM/ETNIK</b>	<b>KES</b>
Melayu	44,692
Cina	17,938
India	7,680
Lain-lain	30,559

Manakala pecahan mengikut jantina pula adalah:

<b>JANTINA</b>	<b>KES</b>
Lelaki	40,333
Perempuan	60,536

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah kekurangan sumber manusia kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pegawai yang menjalankan tugas mengesan dan menjalankan siasatan di bawah Projek Cari termasuklah:

- (i) borang yang dikemukakan tidak mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat yang terdapat dalam borang tidak lengkap dan tidak tepat, menyebabkan pegawai sukar mencari rumah bagi menjalankan siasatan dan terpaksa membuat beberapa tindakan susulan;
- (ii) faktor geografi terutama di Sabah dan di Sarawak seperti jarak rumah kes yang berlaku terlalu jauh di pedalaman menyebabkan pegawai Projek Cari mengambil masa yang agak lama untuk mengadakan lawatan dan menjalankan siasatan; dan
- (iii) ramai pemohon yang tidak layak tetapi telah memohon dan ia turut menjejaskan kelancaran kerja pegawai untuk menyiasat kerana semua permohonan harus disiasat.

Di sini kita lihat sebanyak 21.4 kes adalah daripada pemohon yang tidak layak. Jumlah Pegawai Khidmat Singkat Sambilan yang dilantik seramai 884 orang juga masih tidak dapat menampung beban bilangan kes yang bertambah begitu tinggi. Untuk itu Kementerian Kewangan telah meluluskan penambahan Pegawai Khidmat Singkat ini seramai 98 orang lagi untuk membantu kes-kes di Sabah dan Sarawak. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan G K Loga Chitra. Selepas itu, Tuan Rawisandran. Tuan Rawisandran ada juga satu soalan yang dikemukakan semalam yang ada kaitan.

**Puan G K Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi satu jawapan yang komprehensif, tepat dengan statistik. Memandangkan bantuan amat diperlukan dan disegerakan kepada golongan yang memerlukannya seperti dengan izin, *beneficiary* Projek Cari ini iaitu golongan miskin, warga emas, ibu tunggal khususnya pada masa sekarang kegawatan ekonomi. Pertanyaan tambahan saya, apakah keberkesanan Projek Cari pada masa kini? Adakah kementerian menurunkan tanggungjawab mencari golongan sasaran ini kepada pemimpin-pemimpin masyarakat berbilang kaum di peringkat akar umbi? Terima kasih.

**Puan Noriah Kasnon:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Loga Chitra. Bagi makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, pelaksanaan Projek Cari yang dimulakan sejak Julai tahun lepas boleh dianggap berjaya kerana telah dapat membantu mengesan kes-kes baru yang terpinggir dan tercicir tetapi masih memerlukan bantuan. Berpuluh ribu yang saya sebutkan tadi 128,944 kes telah dapat kita kesan dan sebahagian besarnya layak di pertimbangkan untuk mendapatkan bantuan kebajikan berdasarkan paras garis kemiskinan yang baru diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Berdasarkan dengan statistik penerimaan bantuan JKM sehingga bulan Jun 2008. Kalau dahulunya sebanyak 149,483 kes telah diberikan bantuan kewangan tanpa mengira agama dan kaum. Projek Cari yang dimulakan ini telah berjaya meluluskan bantuan kepada lebih 54,000 lagi seperti yang saya katakan tadi. Bermakna jangkauan kepada kumpulan sasar telah dapat kita laksanakan. Selain daripada itu, Projek Cari juga telah berjaya mengenal pasti dan mengesan

masalah-masalah dan keperluan-keperluan lain yang dihadapi oleh masyarakat seperti kita telah ditemui di dalam borang-borang Cari yang kita edarkan.

Kanak-kanak yang tidak ada dokumen, kanak-kanak yang tidak bersekolah, ahli keluarga yang berpenyakit kronik dan memerlukan bantuan segera, ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai kerja tetapi mempunyai tanggungan yang ramai. Justeru, warga emas yang terlantar dan tidak mempunyai waris yang kita boleh hantar ke Rumah-rumah Seri Kenangan atau Rumah Ihsan kita dan juga keadaan rumah yang begitu usang serta terdapat juga beberapa buah rumah yang masih tidak mempunyai kemudahan asas seperti air dan elektrik.

Kes-kes seperti ini telah kita rujukkan terus kepada kementerian dan juga agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta pihak-pihak berkuasa tempatan. Mengenai sama ada kita turunkan kuasa kepada akar umbi, Yang Berhormat dalam Projek Cari ini sememangnya tepat Yang Berhormat. Ini kerana kita tidak mampu untuk bergerak sendiri dengan kekangan sumber manusia kita walaupun kerajaan telah meluluskan seramai 884 orang Pekerja Khidmat Singkat yang insya-Allah dilanjutkan. Sepatutnya tamat tempoh bulan April ini tetapi atas keprihatinan kerajaan telah meluluskan sehingga Disember 2009 dan dengan penambahan seramai 98 orang lagi untuk Sabah Sarawak seperti yang saya nyatakan tadi.

■ 1120

Selain daripada itu, kita juga telah menggunakan pengesanan melalui Unit Khidmat Penyayang iaitu kita ada kenderaan bergerak sebanyak 62 buah di negeri dan daerah-daerah yang turut mengadakan *outreach programme*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga menerima rujukan dari Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri setempat, juga daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan, dan rujukan daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela kebajikan atau pun NGO, sukarelawan-sukarelawan dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat akar umbi sendiri.

Selain itu, ianya turut dibantu dikesan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S17 dan tidak lupa juga kes-kes yang dirujuk melalui talian Nur, melalui media sekiranya kita diberikan maklumat lengkap tetap diambil perhatian Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya, adakah pegawai-pegawai yang mencari tadi dilantik daripada kalangan pemimpin masyarakat yang berbagai kaum. Itu yang ditanya.

**Puan Noriah Kasnon:** Ya Yang Berhormat. Minta maaf saya ingat yang kumpulan sasar pelbagai kaum. Pegawai-pegawai itu memang daripada pelbagai kaum Yang Berhormat daripada Melayu, Cina dan India termasuklah pelbagai peribumi di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Tuan Rawisandran.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat telah menjawab pertanyaan saya. Saya ada sedikit sahaja. Adakah kementerian bercadang melantik pegawai cari-cari ini di semua kawasan Parlimen sama ada diperintah oleh Barisan Nasional ataupun pembangkang.

**Puan Noriah Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Rawisandran. Antara 884 PKS yang telah kita lantik ini Yang Berhormat, memang meliputi semua kawasan Parlimen sebanyak 222 kawasan Parlimen. Perkhidmatan itu walaupun terdapat kawasan Parlimen yang dipegang oleh pembangkang tetapi pegawai khidmat singkat yang telah kita lantik ini, kita telah memberikan garis panduan bahawa kita tidak menafikan hak rakyat yang tidak berideologi atau tidak menyokong Barisan Nasional. Kita tidak nafikan, asal mereka layak, mereka susah, mereka layak memohon menggunakan borang yang telah kita sediakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

**8. Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, mengapa harga barang-barang keperluan asas masih lagi tinggi memandangkan seluruh dunia mengalami deflasi dan harga minyak di paras terendah sejak tahun *Bretton Wood* dibubarkan. Mengapa pihak ketiga/pembekal masih lagi degil untuk tidak menurunkan harga-harga barang asas. Apakah pihak kementerian tidak boleh membuat apa-apa selain retorik.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati yang telah bertanyakan soalan itu tetapi saya agak kecewa kerana Yang Berhormat merasakan bahawa kementerian saya hanya peringkat retorik sahaja. Saya rasa saya ini jenis orang yang tidak suka kepada retorik, saya suka melakukan kerja secara terbaik yang boleh.

Namun demikian, saya rasa pada pandangan saya saat-saat akhir, mungkin saya boleh jelaskan sedikit tentang apa yang telah kementerian lakukan untuk tujuan masuk dalam rekod. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datin Paduka Dato' Nor Hayati bahawa adanya masalah dari segi peranan pihak ketiga atau pun pihak pembekal. Haruslah kita dalam melihat kepada masalah pihak ketiga dan pihak pembekal terutamanya bersetuju tentang definisi barang-barang keperluan asas.

Bagi barang-barang keperluan asas, kerajaan telah menetapkan lapan barang sebagai barang keperluan asas iaitu beras, tepung, gula, minyak masak, roti, petrol dan diesel serta LPG. Insya-Allah, bagi negeri Sarawak dan Sabah khususnya, kementerian bercadang untuk mengisytiharkan minyak tanah sebagai barang keperluan asas yang dikawal harga dan terkawal bekalannya dan juga mendapat subsidi daripada harga pada masa ini, RM1.95 satu liter kepada RM1. Ini kerana kerosin atau minyak tanah walaupun tidaklah digunakan di Semenanjung atau lebih-lebih lagi di kawasan bandar kecuali pada masa hendak menyambut Hari Raya digunakan bagi pelita dan sebagainya. Akan tetapi minyak tanah masih digunakan bagi lampu dan juga memasak bagi kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada lapan barang yang diisytiharkan sebagai barang keperluan asas, bagi setiap barang pun ditentukan tentang gred yang dianggapkan sebagai asas. Maka bagi beras, diletakkan beras hancur 15% yang menjadi makanan asas bagi golongan berpendapatan rendah

diletakkan sebagai barang keperluan asas dan mendapat subsidi daripada kerajaan dan dikawal harga dan bekalan.

Bagi tepung begitu juga, kementerian hanya memberi perhatian kepada tepung kegunaan am. Bagi minyak masak sawit, minyak masak sawit diletakkan sebagai barang kawalan dan bukan minyak masak yang diperkaya dengan vitamin dan minyak masak jenis lain. Seperti mana saya katakan tadi bahawa masalah pihak ketiga dan pembekal ini memanglah satu masalah yang terbit daripada keadaan sistem pemborongan dan pengedaran yang kurang cekap atau pun tidak efektif. Ianya efisien dari segi pengedarannya kerana ia diedarkan kepada kawasan-kawasan di mana permintaan pasaran itu agak tinggi iaitu di kawasan-kawasan bandar seperti Lembah Klang dan sebagainya.

Akan tetapi daripada kajian kita yang membawa kita mengambil tindakan yang agak keras ini, yang tidak pernah dilakukan ialah bahawa di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman, bukan sahaja harga barang keperluan seperti ini harganya tidak dapat dikawal tetapi bekalannya juga terbantut. Maka telah pun dilaksanakan dengan peruntukan di bawah pakej rangsangan yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan, satu program pengedaran barang-barang perlu di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Saya sendiri telah melihat bagaimana di bandar pekan Kapit iaitu empat jam mengikut bot sungai daripada Sibu, harga petrol yang dijual, dijual pada RM2.20 tetapi di bawah skim ataupun program pengedaran yang telah kita lakukan harga petrol dapat diturunkan kepada RM1.80 iaitu penurunan sebanyak 40 sen. Harga petrol di pedalaman Sabah Sarawak juga berbeza hinggalah ada yang RM2.70 ataupun RM2.20 di pedalaman Sarawak dan ia dapat kita turunkan dengan cara kerajaan memberi subsidi pula kepada kos pengangkutan barang-barang bahan api ini dan juga kepada LPG serta bahan-bahan makanan yang lain yang telah dimasukkan di dalam senarai yang dikawal harganya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang masalah pihak ketiga, pihak pembekal merupakan satu masalah yang kita akui dan dengan ulang kaji kita kepada peranan pemborong, insya-Allah dapat kita lakukan perubahan. Keduanya, melalui subsidi kepada kos pengangkutan dan pengedaran ini, dapat kita seragamkan harga di peringkat luar bandar dengan disamakan dengan di bandar. Ini sebagaimana saya sebutkan tadi, dengan cara kerajaan menampung kos pengedaran. Secara demikian, saya percaya bahawa projek ini atau program pengedaran barang-barang perlu ini di luar bandar atau pedalaman akan dapat menentukan golongan berpendapatan rendah yang terdapat di luar bandar dan di pedalaman negara kita ini menikmati harga yang sama, bekalan yang berterusan bagi barang-barang perlu yang dikawal harga bekalan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

■1130

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Datin Paduka Nor Hayati, selepas itu Dato' Wan Nordin.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan saya tadi, lengkap. Walau bagaimanapun,

saya minta maaf kalau Yang Berhormat Menteri terasa dengan pandangan saya tadi cuma saya ingin tahu di dalam keadaan krisis ekonomi yang ada sekarang ini apakah jaminan kementerian yang boleh diberikan kepada kami agar barang-barang keperluan asas ini tidak disorokkan oleh penjual-penjual *hypermarket* ataupun *supermarket* dan apakah hukuman dan tindakan yang boleh dikenakan kepada mereka ini jika tertangkap dengan perbuatan ini. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pemantauan yang dijalankan oleh pihak kementerian yang dilakukan melalui bahagian penguat kuasa dan juga pemantau harga yang dilantik secara kontrak seramai 2,000 orang yang menjadi tambahan kepada keanggotaan 2,000 anggota bahagian penguat kuasa kementerian boleh menentukan agar barang-barang ini tidak disorok kalaulah hendak dilakukan oleh pihak *hypermarket*.

Perkara ini belum lagi berlaku kerana dari segi sistem barang kawalan sekiranya berlaku krisis, apa yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian bukan hanya setakat melihat kepada sistem peruncitan itu atau di peringkat sistem peruncitan kerana itu merupakan peringkat di mana pengguna dan pihak kerajaan akan mengetahui dari segi bekalan yang cukup atau tidak, sama ada dapat dijual kepada pengguna atau tidak tetapi kerana kawalan dan kuasa kementerian juga termasuk untuk melihat kepada bekalan daripada pihak pengeluar itu sendiri dan juga kepada pihak pemborong yang merupakan jaringan pembekalan bagi barang-barang perlu ini ianya dapat dilakukan dengan tindakan sama ada dari segi tindakan undang-undang ataupun tindakan pemantauan yang telah kita lakukan setiap masa.

Pengalaman kementerian sebelum daripada saya sendiri tentulah melihat, bertindak kepada apa sahaja krisis yang berlaku dan ini dapat kita lihat ada kalanya beras 15% umpamanya tidak didapati di setengah-setengah pasar raya ataupun setengah-setengah tempat dan dengan soal beras kementerian bersama-sama dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil tindakan untuk menentukan bahawa bekalan ataupun *supply chain* dan jaringan bekalan itu dapat dilaksanakan dengan baik saya, insya-Allah segala penguat kuasa perundangan yang ada khususnya bagi barang-barang keperluan asas ini kita laksanakan sebaik yang mungkin.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambi kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana prihatin walaupun banyak barang yang naik harga tetapi harga gula masih dikekalkan beberapa tahun yang lalu. Terima kasih... [*Tepuk*]

Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Menteri, salah satu cara kita mengawal harga ialah untuk memecahkan monopoli terhadap barang-barang kawalan keperluan asas ini dan saya ingin hendak tahu sejauh manakah usaha-usaha kementerian bagi ke arah mencapai matlamat memecahkan monopoli syarikat-syarikat tertentu. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi semua barang keperluan memangnya hampir semua dikeluarkan oleh bilangan syarikat yang terhad terutamanya bagi tepung, gula, petrol, diesel, LPG dan kerosin. Hanya beras dari segi pengeluaran beras jenis 15%

dikeluarkan oleh pelbagai pengilang selain daripada Bernas walaupun Bernas mempunyai monopoli dari segi pengimportan beras bagi negara kita.

Bagi tepung dan gula umpamanya, saya telah menjawab soalan ini pada semalam hari tentang soal bagaimana usaha kerajaan untuk mengulang kaji sama ada bagi tepung dan gula boleh juga dibenarkan pengimportan secara yang bebas dan seperti mana yang telah kita lakukan bagi besi keluli dan juga bagi simen, kajian ini sedang dilaksanakan dan saya rasa bahawa sekurang-kurangnya daripada dua bahan makan ini, satu sekurang-kurangnya dapat dilaksanakan secepat mungkin kerana kajian yang telah kita lakukan dan proses dialog dan perbincangan yang telah kita lakukan bagi dua barang ini, satu daripadanya nampaknya ada sambutan daripada pihak pengeluar supaya dapat diuruskan secara pengimportan tanpa kawalan daripada pihak kerajaan. Ini menunjukkan tanda-tanda yang baik di mana dapat kita laksanakan satu keadaan di mana adanya persaingan yang lebih baik, sistem pasaran yang lebih terbuka.

Namun demikian harus kita sedar bahawa kerana subsidi kerajaan harga bagi bahan makan asas ini berada diparas yang rendah daripada harga pasaran berbanding dengan pasaran negara-negara jiran kita. Itu yang pertama. Kedua, kita harus juga menyedari bahawa soal mutu yang sudah biasa diguna oleh rakyat kita berada di satu paras yang agak tinggi.

Saya ambil contoh umpamanya gula pasir. Kalau kita lihat kepada negara jiran kita seperti Thailand, ianya merupakan pengeluar gula mentah yang turut boleh mengeksport hasil tanaman dan hasil pengeluaran mereka. Namun gula pasir bagi harganya di Thailand agak tinggi daripada harga gula pasir di negara kita. Walaupun mutu dan rupa bentuknya agak berbeza iaitu gula yang agak perang sedikit tetapi rakyat Malaysia saya rasa tidak biasa dengan gula perang atau ingin melihat atau ingin membeli dan mengguna gula yang putih bersinar seperti kristal.

Jadi ini merupakan antara perkara yang harus kita perhatikan bahawa selera kita rakyat Malaysia sudah agak berbeza hinggan kita boleh lihat dalam keadaan beras 15% hancur, ketika saya mengambil alih menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya perhatikan bahawa beras 15% hancur ini walaupun ia merupakan jenis beras yang dikawal harga dan bekalannya tetapi tidak ada permintaan bagi beras 15% hancur ini kecuali bagi golongan berpendapatan rendah dan juga bagi warung dan kedai-kedai makan.

Maka hanya apabila berlakunya krisis harga beras itulah barulah rakyat Malaysia ada yang sanggup beralih kepada beras 15% hancur walaupun cara masaknya Tuan Yang di-Pertua tidaklah sama seperti mana biasa kita masak beras jati 5% hancur. Susah sikitlah. Sedikit sahaja, kena kacau lebih sedikit daripada memasak beras 5% hancur. Akan tetapi pokoknya peralihan selera ini boleh kita lakukan dan saya percaya bahawa sambil kerajaan bergerak ke arah lebih menjadikan bekalan barangan ini secara menjadi lebih liberal, tidak adanya monopoli dan lebih cenderung kepada mengutamakan kepentingan rakyat, saya percaya bahawa fahaman kita atau anggapan kita bahawa seolah-olah harga barang-barang ini dibendung atau dikawal atau ditentukan oleh syarikat-syarikat yang terhad bilangannya atau monopoli, oligopoli atau duopoli dapat kita laksanakan dengan cara pendekatan yang lebih kepada pro rakyat. Pendekatan yang

pro rakyat ialah dengan cara kita menentukan harga yang munasabah bagi barang-barang perlu yang terhad itu dan menentukan agar bekalan itu sampai di pihak pengguna walaupun di ceruk mana sekalipun.

■1140

9. **Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (a) apakah kesan kejatuhan harga getah tiruan (*synthetic rubber*) terhadap harga getah asli (*natural rubber*) sejak kebelakangan ini; dan
- (b) bagaimanakah tahap kejayaan negara di pasaran dunia di dalam industri getah.

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/**

**G. Appu]:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Getah tiruan seperti *styrene butadiene rubber* atau *butadiene rubber* adalah diperbuat daripada sumber minyak mentah atau *crude oil*. Oleh yang demikian trend harga getah tiruan dipengaruhi oleh pergerakan harga minyak mentah dunia. Kejatuhan harga minyak mentah akan menyebabkan penurunan harga getah tiruan dan juga harga getah asli. Namun begitu penggantian antara getah tiruan dengan getah asli boleh dilakukan tertakluk kepada had-had tertentu apabila perbezaan harga kedua-duanya tinggi dan menguntungkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (b) Hasil eksport industri getah negara telah berkembang dengan pesat. Nilai eksport getah dan produk getah telah meningkat sebanyak 3.5% iaitu daripada RM17.68 bilion pada tahun 2007 kepada RM18.3 bilion pada tahun 2008. Malaysia adalah merupakan negara pengeksporth utama bagi sarung tangan getah di dunia. Nilai eksport sarung tangan getah yang telah meningkat sebanyak 21.2% iaitu daripada RM5.8 bilion pada tahun 2007 kepada RM7.3 bilion pada tahun 2008. Dari segi jumlah pengeluaran getah asli, Malaysia adalah pengeluar getah asli utama yang ketiga, jika di banding dengan Thailand dan merupakan pengeluar terbesar dengan 3.8 juta tan metrik pada tahun 2008. Manakala Indonesia adalah pengeluar getah asli kedua di dunia dengan 2.8 juta tan metrik pada tahun 2008.

Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram dan selepas itu Dato' Gooi Hoe Hin.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan pertambahan saya, apakah kesan perkembangan industri getah dan juga pengeluaran getah asli

Malaysia ke atas masyarakat yang hidup di sektor perladangan dan juga tenaga pekerja di sektor perkilangan getah terutamanya di saat-saat kegawatan ekonomi sekarang. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kalau kita lihat industri getah merupakan penyelamat terutamanya di saat-saat kegawatan ekonomi. Ini jelas sekali kita boleh lihat di mana walaupun harga barangan lain jatuh dengan begitu mendadak tetapi getah dengan komoditi-komoditi lain memang naik semula ke tahap yang menguntungkan. Kalau kita melihat selain daripada itu bagi industri getah juga di negara kita iaitu pada tahun lalu juga pendapatan negara yang meningkat dengan begitu memberangsangkan. Ini kita boleh lihat bagi industri getah. Jadi industri getah ini sebenarnya bukan dianggap sebagai satu *sunset industry* seperti mana yang diberitahu oleh ramai di Malaysia. Namun ia menjadi satu penyelamat pada ekonomi negara kita begitu juga pada pekebun-pekebun dan penanam-penanam. Sekian.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih. Sejak pokok getah bertapak selama 100 tahun lebih, adakah kementerian sedar bahawa hanya kita dapat kembangkan dua produk sahaja. Satu sarung tangan getah satu lagi sarung yang lain iaitu kondom. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian supaya produk *base* itu tidak bergantung kepada dua produk.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya terdapat lebih banyak produk-produk walaupun 60% hingga 70% daripada getah atau *natural rubber*, getah asli yang kita gunakan ini adalah untuk pengeluaran tayar dan di samping itu sarung-sarung tangan getah juga kita boleh lihat Malaysia menjadi pengeluar utama sarung tangan getah. Di samping itu terdapat begitu banyak namun kementerian masih melihat bagaimana kita boleh menceburi mana-mana bidang industri getah secara berleluasa

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

11.47 pg.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini seterusnya

[Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin **mempengerusikan Mesyuarat**]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas”.

**[30 Mac 2009]**

**Dato’ Hajah Samsiah Binti Samsudin:** Silakan Dato’ Gooi Hoe Hin.

**11.47 pg.**

**Dato’ Gooi Hoe Hin:** Terima kasih, sebagai imbas kembali apa yang saya telah huraikan semasa menyokong usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda, di mana saya menghuraikan dalam peralihan kuasa kepimpinan. Kepimpinan haruslah mesra insan, mesra ilmu dan mesra alam. Tambahan pula saya telah menyatakan betapa pentingnya Perlembagaan Persekutuan patut diajar, dibimbing, dididik bagi generasi rakyat Malaysia ini.

Dengan keizinan Yang Berhormat Dato’ Hajah Saripah Aminah, oh dia lupa apa dia cakap jadi saya sambung. Saya hendak tegaskan bahawa tidak lewat tetapi dengan keazaman yang harus diperlukan bagi melaksanakan usaha yang pada hemat saya adalah murni dan menjadi tunjang bagi negara kita, negara ku Malaysia yang semua kita cintai. Sesungguhnya Perlembagaan Persekutuan bagi saya adalah kontrak sosial utama yang harus difahami sedalam-dalamnya, dihayati serta dihormati. Semalam juga Tengku Sultan Kelantan bertitah sedemikian, tambahan-tambahan pula falsafah negara, Rukun Negara yang diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

■1150

**Dato’ Gooi Hoe Hin:** Pada 31 Ogos 1970 seperti mana yang dinyatakan dalam Titah Ucapan perenggan 22. Rukun Negara hendaklah difahami dan di hayati oleh segenap lapisan. Bagi saya...

**Dato’ Gooi Hoe Hin:** Pasca...

**Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Silakan...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga Rukun Negara. Rukun Negara memang kita tahu difahami oleh semua lapisan masyarakat daripada kanak-kanak di tadika sehinggalah kepada IPTA dan IPTS. Akan tetapi Yang Berhormat juga semalam telah menyentuh bahawa Perlembagaan Persekutuan telah ditafsirkan oleh pihak-pihak mengikut fahaman masing-masing. Seperti mana kita tengok pihak-pihak daripada *AG Chambers* cakap lain yang pihak persatuan peguam-peguam tafsirkan mengikut kehendak diri masing-masing.

Apa pendapat Yang Berhormat jika sekiranya Perlembagaan Persekutuan juga dibuat seperti Rukun Negara. Difahami tafsirannya kalau itu tafsirannya maka ia dipakai semua. Tidak payahlah seorang peguam tafsirkan secara ini, dan seorang lagi peguam tafsirkan perkara ini mengikut kehendak masing-masing. Maka tidak akan ada percanggahan di dalam tafsiran Perlembagaan ini. Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed. Bagi saya buku Perlembagaan Persekutuan ini, bagi saya adalah satu buku yang bernyawa, dengan izin, *it is a living document* mengikut acuan semasa. Untuk mentafsirkan sesuatu perlu kita rujuk kembali kepada asas-asas. Asas-asas yang kita harus fahami dan buat, seperti dikatakan dalam perkara 153 - Hak Istimewa Orang-orang Melayu dan Bumiputera. Bagi saya siapa yang hendak pertikai, hendak cakap mereka tidak faham bahawa di dokumen ini, undang-undang utama ini terdapat dengan izin, *check and balance*.

Semangat sejiwa itu yang termaktub di dalamnya walaupun kalau dirujuk kepada perkara 82 - Kesamarataan. Wujudnya 153 dan hendak hapuskan 153 Yang Berhormat ingat banyak senang kah? Jadi orang tidak faham, tidak tahu atau sengaja tidak mahu faham. Saya baca sedikit sebagai contoh, 153(1) menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut perkara ini.

Jadi orang di luar terjerit-jerit, marilah pergi sembah Tuanku? Hapuskan 153, itu tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong. Saya rujuk kembali lagi satu *check and balance* 38(5) Majlis Raja-Raja. Sembilan Raja-Raja, empat Yang di-Pertua. Majlis Raja-Raja, sembilan Raja-Raja yang mempunyai kebijaksanaan, saya petik 38(5) Majlis Raja-Raja hendaklah berunding sebelum dibuat apa-apa perubahan tentang dasar sahaja yang menyentuh tindakan pentadbiran di bawah perkara 153. Dua, *check and balance*, hendak tukar Perlembagaan lagi, perlukan 2/3. Jadi apa yang mereka kata itu seolah-olah dia Sivaji Rao tahu? Hendak tukar sana, hendak tukar sini, boleh kah?

Jadi rakyat tidak faham. Rakyat tidak faham bahawa Perlembagaan itu sehati dan sejiwa. Saya nyatakan semalam adalah semua orang mendapat sesuatu, tetapi tidak semua orang dapat kesemua yang dia hendak. Ini adalah satu sosial kontrak yang pertama yang begitu bermusyawarah. Bermusyawarah sehingga tercatatnya *living document* ini yang telah diuji dan

memainkan peranan di mana membawa kemakmuran yang kita nikmati sekian lama. Jadi saya tidak khuatir, saya tidak bimbang.

Oleh itu saya cadangkan bahawa supaya anak-anak di bangku sekolah memahami bukannya susah hendak memahami. Saya bukan *lawyer* tetapi saya loyar buruk, tetapi jika fahami asas-asas terbina, terwujudnya negara ini. Saya ingat hendak putar belitkan Majlis Peguam rakyat faham jadi saya menyeru, betul-betul menyeru supaya menjadi wajib. Wajib di sekolah mempelajari Perlembagaan Persekutuan. Jadi yang kedua...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Sedikit...

**Dato' Gooi Hoe Hin:** *Social contract...*

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Sedikit sahaja saya minta penjelasan yang selanjutnya. Adakah maksud Yang Berhormat tadi, saya memang tabiklah Yang Berhormat faham benda itu dan tidak memutar belitkan. Mungkin oleh sebab Yang Berhormat kata tadi loyar buruk bukan *lawyer* yang kita ada di Majlis Peguam itu. Akan tetapi apakah pendapat Yang Berhormat adakah pihak Majlis Peguam ini sengaja memutar-belitkan apa yang termaktub dalam *the living document* seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Saya tidak boleh menafikan apa yang dikatakan oleh Majlis Peguam. Di sini ada banyak peguam, perlu rujuk kepada peguam, saya tidak mahu jawab soalan Majlis Peguam, saya kembali, maafkan. Saya kembali kepada sosial kontrak yang kedua, pasca 13 Mei. Yang mana Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri yang kedua selepas pasca 13 Mei 1967 telah bertungkus lumus secara betul-betul bincang. Bermesyuarat dan akhirnya secara bermesyuarat sekali lagi terciptalah Rukun Negara, sosial kontrak. Saya sangat setuju kita hafal tetapi apa jiwanya dari Rukun Negara itu? Saya kembali baca lagi semuanya telah terkandung sebab itu, selepas itu di isytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Mengapa 31 Ogos 1957 kemerdekaan kita, satu lagi titik sejarah untuk cipta Rukun Negara yang saya fikir juga perlu disemai. Diperlihatkan sejauh mana tergelincir selama ini sejak di isytiharkan. Mungkin kita harus ingat kembali huraian-huraian yang terkandung tentang Rukun Negara. Banyak yang tidak tahu yang prinsip tetapi sebelum prinsip kepercayaan. Apa itu kepercayaan yang termaktub dalam Rukun Negara kepada asas-asasnya, iaitu:

- (i) negara bersatu;
- (ii) masyarakat demokratik;
- (iii) masyarakat adil;
- (iv) masyarakat liberal; dan
- (v) masyarakat progresif.

#### ■1200

Di sana itu termaktub apa definisi negara bersatu, masyarakat demokratik dan lain-lain semuanya telah bincang dan tercipta prinsip Rukun Negara terdiri daripada lima juga tidak perlu saya huraikan untuk memendekkan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah teliti dengan mendalamnya membaca lagi baca, fikir lagi fikir, renung lagi renung dan akhirnya saya berkesimpulan dan membuat kesimpulan Rukun Negara merupakan suatu dokumen yang benar-benar berwawasan. Ianya tercipta kalau saya tidak silap setelah banyak berbincang, banyak tolak ansur dan dipanggil sejarah. Kini lain pula, ada yang menyatakan tetapi hakikatnya asas-asas itu tidak akan terhilang sahaja dengan demikian. Pada hemat saya, betapa perlunya untuk kita sama-sama berikhtiar semula. Bersama-sama berikhtiar semula dan melipat gandakan lagi usaha-usaha kita untuk membina bangsa dan negara. Ini merupakan tanggungjawab kita semua dan tanggungjawab semua rakyat.

Kebelakangan ini, saya kurang faham, saya memang keliru semua pihak mahu pun kerajaan ataupun dari pihak yang lain melaung-laungkan pembaharuan. Jadi saya telah merumuskan falsafah negara, Rukun Negara dan rupa-rupanya dalam fikiran saya berfikir pihak-pihak tertentu yang bertindak mahupun di luar khalayak ramai ataupun di Dewan Parlimen khususnya di Dewan Rakyat, bagi saya amat kecewa. Kita boleh hujah mungkin dengan nada seperti saya, kuat sedikit, tetapi kita tertib, bersopan, bukan berpolitik sehingga bulan dan bintang pun tidak hirau seolah-olah tidak mesra alam, pun diputarbelitkan.

Saya menyatakan pembaharuan yang kini berkehendak, harapan yang kita berkehendak, Malaysia baru yang kita berkehendak yang dilaung-laungkan. Saya kata tak nak! Di Dewan Negara kita tertib, kita sopan, kita hormat-menghormati, tidak perlu Dewan dijadikan macam Dewan yang tiada makna lagi. Cukup sedih. Adakah ini kepimpinan? Adakah itu tanggung dan jawab bahasa Melayu itu cantik? Tanggung dan jawab. Jadi tanggung dan *you* harus jawab. Dalam Inggeris *responsibility*, ia tidak ada makna. Adakah itu tanggungjawab? Dengan jeritan adakah itu kesopanan? Atau tidak perlu saya jelaskan kerana itu tidak senonoh.

Oleh itu, bagi saya falsafah negara Rukun Negara harus kita semua hayati. kalau tidak negara kita, Negaraku, Malaysia kita akan hancur terjerumus dalam politik samseng. Saya berdoa...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Saya berdoa...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat memberi laluan kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tentang Rukun Negara dan Perlembagaan. Memang kita lihat negara jiran kita iaitu Singapura. Kenapa rakyat Singapura boleh menghormati negaranya? Rakyat Singapura sendiri menjaga imej negaranya, kerana apa? Ini kerana undang-undang di Singapura begitu ketat sekali. Kita lihat di negara kita sendiri, semua orang tahu perlembagaan termaktub setiap perkara dalam Perlembagaan. Rukun Negara dan kestabilan politik, kita lihat pada hari ini, ekonomi negara kita tidak begitu stabil dan semua orang perlu tiap-tiap parti politik di negara kita ini patut duduk berbincang bagaimana untuk menjaga kestabilan ekonomi kita.

Bukan kita antara satu sama lain tuduh-menuduh dan kita lihat pada hari ini di negara kita sendiri banyak perkara-perkara yang orang sudah pun menyakiti tiap-tiap kaum. Padahal kalau semua kaum dalam negara ini mengikut Perlembagaan, mengikut Rukun Negara, jaga hati tiap-tiap di dalam negara saya ingat tidak akan ada masalah. Kalau semua orang mahu mengikut, tetapi pada hari ini ada orang mahu jadi jaguh politik sendiri. Sanggup menghancurkan negara sendiri. Ini masalah kita pada hari ini dan saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, adakah kalau Singapura dapat melaksanakan undang-undang mereka sendiri kenapa di Malaysia ini orang tidak mahu menghormati perlembagaan, tidak mahu menghormati Raja-Raja Melayu, tidak mahu menghormati agama di negara ini, tidak mahu Rukun Negara adakah kerana undang-undang di negara kita ini begitu longgar sekali ataupun tidak dapat dilaksanakan dengan begitu baik sekali? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Saya ringkas sahaja. Kita mesti sekat politik samseng ini yang menular ke hati sanubari rakyat kita dan menegakkan kedaulatan undang-undang negara kita, secara ringkas. Saya berdoa agar ini tidak terus berlaku. Saya gunakan bertaubat, bertaubatlah, siapa yang cakap dia juga bertaubatlah. Berbahas, berbincang seperti manusia-manusia insan dan manusia bertamadun. Inilah harapan rakyat jelata. Kini dengan ketidaktentuan dan kemelut ekonomi dunia akibat krisis kewangan dunia, maka saya berpendapat eloknya kerajaan harus melibatkan usaha-usaha untuk meringankan beban-beban rakyat.

Tidak perlu saya ulang tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil melalui Pakej Rangsangan Ekonomi I dan II dan belanjawan tahun hadapan dengan kemungkinan peruntukan RM200,000 juta lagi. Syabas! Syabas dan tahniah! Saya menyeru dan menggesa dalam suasana dan keadaan luar biasa ini kepimpinan baru kerajaan harus berani dan berazam mengambil tindakan yang luar biasa. Itu yang saya harap-harapkan bukan saya sahaja yang lebih penting kepada rakyat jelata menaruh harapan kepada kepimpinan menyelesaikan masalah-masalah yang sangat rumit yang melanda negara kita.

Saya berkeyakinan negara kita boleh menghadapi dan mengatasi kemelut ekonomi seperti terdahulu iaitu, pada tahun 1975, 1976, 1985, 1986, 1997, 1998, dan kini 2008, 2009 kalau kita bersepadu. Jauhkan dari politik songsang dan benar-benar ikhlas. Kita boleh merancang dan kita boleh berusaha. Tiada seorang manusia itu macam kain putih melepak. Tidak mungkin. Kita manusia, kita ada dosa.

#### ■1210

Kita mesti buat silap. Apabila kita buat silap kita bertaubat dan kita tukarkan serta perbetulkan. Sebagai manusia dan insan selalu saya kata tetapi Tuhan yang maha kuasa yang menentukan segala-galanya. Harus kita berdoa bersama-sama semoga negara kita, negara ku Malaysia sentiasa sejahtera. Saya akan memendekkan perbahasan saya agar Yang Berhormat-Yang Berhormat lain di Dewan yang mulia ini juga berpeluang menyertai. Maka saya hanya ingin menyentuh satu perkara spesifik sahaja iaitu mengenai pengisytiharan Bandar Raya Melaka dan Georgetown sebagai warisan dunia UNESCO yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di perenggan ke 18. Saya ingin bertanya sama ada warisan yang diberi taraf ini diikat sana sini dengan pelbagai syarat. Kadangkala saya berpendapat kedaulatan negara seolah-olah tergedai macam berbaur neo-kolonialisme.

UNESCO ada memberi bantuan untuk bandar-bandar ini dipelihara. Erti kata simpan untuk selama-lamanya sama ada kementerian membuat kajian pendapatan yang diterjemahkan dari kemungkinan peningkatan pelancongan boleh dipertikaikan. Namun yang asas dan yang fundamental di sini yang saya ingin bertanyakan kita simpan kita punya bandar raya, *heritage* untuk Mat Saleh datang. Dia bagi kita ada apa-apa kah? Ini seolah-olah saya fikir satu kolonialisme baru, kita telah serahkan kedaulatan untuk lulus ini atau tidak lulus ini semuanya mesti rujuk kembali kepada satu badan dunia yang dipanggil UNESCO. Saya ini tidak bersetuju, saya memang tidak bersetuju.

Akhir kata dalam menyokong usul junjung kasih saya akhiri dengan khidmat bakti Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kita di Dewan Negara amat sanjung tinggi. Pak Lah diberi gelaran harus dinamakan Bapa Pembaharuan.

*Rakyat jelata kenang budi,  
Seorang negarawan dalam hati sanubari,  
Kini Dato' Seri Najib Tun Razak ambil alih kemudi,  
Rakyat jelata sehati sejiwa bersama Najib.*

*Negara Malaysia kita maju ke hadapan,  
Satu Malaysia menjadi wawasan,  
Najib ke hadapan berbunyi semboyan,  
Negara Malaysia terus selamat menikmati kemakmuran.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan yang di-Pertua [Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin]:** Yang Berhormat, oleh sebab semalam Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop bersama dengan Dato' Gooi Hoe Hin maka hari ini dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke Dua Belas pada 16 Februari 2009 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah titah yang menyeluruh yang menggambarkan kepekaan Baginda Tuanku terhadap seluruh persoalan dan permasalahan yang berlaku pada tahun 2009.

Tuanku Yang di-Pertuan Agong telah meletakkan asas-asas penting untuk mencapai perpaduan, pembangunan dan keamanan negara serta sekali gus untuk mencapai kesejahteraan

hidup rakyat. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga adalah lambang perpaduan untuk semua rakyat negara ini. Tuanku adalah yang di-Pertuan rakyat Malaysia maka begitu jugalah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu lain di negara ini. Institusi Yang di-Pertuan Agong dan Institusi Raja-Raja Melayu hendaklah diraikan, dimuliakan dan dipatuhi oleh semua rakyat negara ini. Seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sewaktu negara ini mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, penjajah British telah menyerahkan kembali negara yang dijajah ini kepada Raja-Raja Melayu. Raja-Raja Melayu juga yang menandatangani pengisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos tersebut. Kita juga perlu menginsafi bahawa melalui Raja-Raja Melayu, British cuba mendapatkan tandatangan mereka untuk menubuhkan *Malayan Union* pada tahun 1946. Ini bermakna British mengiktiraf akan pertuanan Raja-Raja Melayu ke atas Tanah Melayu. Oleh kerana itu, sesiapa jua yang ingin menghina dan mempersendakan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu adalah satu tindakan yang amat biadab, mereka adalah rakyat yang buta sejarah dan tidak memahami akan makna sebuah kedaulatan atau ketuanan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2009 adalah tahun yang amat genting lagi getir lantaran krisis ekonomi dunia yang melanda negara kita. Kita menuntut supaya para pemimpin dan para birokrat negara ini hendaklah mengurus negara ini dengan penuh berhemah lagi berhemat agar negara tercinta ini tidak terjerumus ke lembah kehancuran. Kita sudah ada pengalaman dari krisis tahun 1998. Namun, situasi krisis tahun 1998 agak berbeza dari tahun 2009. Pada tahun 1998 ekonomi negara kita hampir dihancurkan oleh penyangak mata wang dan IMF. Namun dengan penuh berani kita dapat menghadapinya. Keberanian tersebut lantaran kebijaksanaan dan hikmah yang dimiliki oleh pemimpin pada masa itu.

Kini seluruh rakyat amat mengharapkan kebijaksanaan dan keberanian juga yang perlu dimiliki oleh pemimpin-pemimpin masa kini yang telah dipilih untuk menerajui negara. Rakyat memang menunggu apakah tindakan kreatif pimpinan baru Malaysia untuk melahirkan tatanan ekonomi dengan izin *economic order* yang sesuai supaya bukan sahaja kita dapat keluar daripada krisis tetapi ekonomi kita terus mampan pada tahun-tahun mendatang. Tatanan ekonomi baru yang hendak dirangka sewajarnya tidak mengabaikan kepentingan rakyat. Rakyat inginkan pekerjaan, inginkan pendapatan yang baik untuk menyara keluarga, inginkan rumah tempat berlindung, inginkan harga makanan dan lain-lain keperluan yang relatif murah untuk seisi keluarga.

#### ■ 1220

Apakah erti pembangunan atau sebuah tatanan ekonomi jika rakyat merana? Tindakan kerajaan mengadakan pakej rangsangan ekonomi dan belanjawan ini adalah usaha berani kerajaan untuk mengurangkan kemelut krisis ekonomi. Untuk keluar dari kemelut ini rakyat diharap untuk terlibat sama berjimat-cermat manakala agensi-agensi kerajaan jangan pula berbelanja boros. Tindakan kerajaan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang lebih kondusif, budaya saing

serta memperkenalkan dasar yang liberal dan telus adalah dipuji. Dasar liberal atas nama deregulasi dan liberalisasi ini telah dilakukan pada 1998.

Rakyat yang majoriti di luar bandar amat mengharap dasar liberal berkenaan tidak akan menghalang segala usaha kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka yang turut aktif di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Barangkali dasar liberal berkenaan akan menguntungkan pelabur asing dan pelabur swasta dalam negara. Namun, rakyat ingin mengetahui apakah keuntungan yang mereka peroleh, adakah sekadar bantuan dan subsidi seandainya dasar liberal dan deregulasi berkenaan dibuka dan dilonggarkan seluas-luasnya. Saya amat khuatir rakyat di luar bandar tidak akan menikmati apa-apa. Yang sudah mewah akan bertambah selesa, rakyat di kampung bertambah derita. Kita juga turut memuji akan usaha menjadikan bidang pertanian sebagai satu industri dan pertanian dikomersialkan.

Kita perlu menyedari bahawa 60% rakyat negara ini terlibat dalam pertanian dan kesemuanya di luar bandar. Seandainya pertanian dan industri makanan berskala besar dan moden dilaksanakan di luar bandar, barangkali rakyat di luar bandar akan bersaing dengan para pemodal dan pengusaha besar ini. Pada zaman penjajahan British, British telah mengambil tanah-tanah seluruh negara dan diserahkan kepada sejumlah besar pengusaha-pengusaha asing untuk membuka ladang getah, ladang kepala sawit dan lain-lain tanaman.

Rakyat yang bertani secara kecil-kecilan berhadapan dan bersaing dengan pengusaha-pengusaha ekonomi dan pertanian moden dan akhirnya rakyat cuma kekal *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*. Secara tidak langsung, rakyat terserap ke dalam sektor perburuhan sahaja. Maka satu kemelut, satu kaedah perlu difikirkan agar tanah milik rakyat tidak terjual atau tergadai kepada para pemodal asing dan swasta atas nama pengeluaran makanan secara moden dan berskala besar.

Kerajaan perlu berhati-hati supaya rakyat tidak mengemis di tanah airnya sendiri. Tidak mati kelaparan di kepok padinya sendiri. Saya ingin mencadangkan RISDA dan FELCRA bertindak proaktif sebagai agensi untuk mengeluarkan hasil makanan secara moden dan berskala tinggi. Di samping itu perlu ditubuhkan perbadanan yang menguruskan tanah-tanah terbiar di dalam bidang industri makanan dan pertanian bekerjasama dengan rakyat.

Perlu diingat, perbadanan seperti ini janganlah pula menjadi kapitalis baru yang membeli tanah rakyat dan kemudian dijual kepada pihak swasta untuk mendapat keuntungan singkat. Jangan biarkan rakyat berputih mata. Pemegang taruh dengan izin, *stakeholders* seperti RISDA dan FELCRA malah FELDA adalah rakyat. Bukannya mereka yang dilantik menduduki lembaga pengarah. Lembaga pengarah adalah pemegang amanah bukannya pemegang taruh, maka perbadanan seperti ini perlu meletakkan kepentingan rakyat mendahului kepentingan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan kempen membeli barang-barang tempatan dan Kempen Bumi Hijau. Kita boleh menyeru rakyat untuk terlibat aktif di dalam kedua-dua kempen tersebut. Namun kita amat mengharap melalui kesedaran kepimpinan melalui teladan, para pemimpin perlu menunjukkan teladan untuk menggunakan segala produk tempatan

seperti pakaian, tekstil, kenderaan, kasut dan lain-lain. Para pemimpin juga tidak perlu menunjuk segala kemewahan. Kita amat kluatir rakyat menilai pemimpin secara berbeza. Seandainya mempamerkan segala lambang-lambang kemewahan sekali gus menggagalkan kempen membeli barang-barang tempatan. Janganlah kita bercakap tidak seperti bikin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong segala usaha kerajaan membantu rakyat dari segi perumahan melalui Program Perumahan Rakyat, Program Bantuan Perumahan, Program Rumah Mesra Rakyat dan lain-lain yang dimajukan oleh kerajaan dan pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi kerajaan yang lain. Kerajaan perlu menyedari bahawa sebahagian besar industri perumahan dimajukan oleh pihak swasta dengan membina rumah mewah dan sederhana yang dijual kepada yang berkemampuan. Untuk kepentingan rakyat terbanyak, saya ingin mencadangkan mulai 2009 dan seterusnya, syarikat perumahan kerajaan, SPK dan yang lain-lainnya hendaklah terus aktif untuk membina rumah sederhana rendah dan kos rendah atau sekarang ini dipanggil rumah mampu milik untuk rakyat yang berpendapatan rendah sama ada di dalam bandar atau di luar bandar. Biarlah pihak swasta memajukan rumah-rumah mewah sahaja untuk yang mampu dan berada. Begitu juga dengan pihak PBT dan GLC-GLC kerajaan yang lain seperti PKNS yang menswastakan projek perumahan perlu mempertimbangkan kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon untuk menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan hak dan keistimewaan rakyat seperti yang dijamin dan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sehubungan dengan itu, segala peruntukan undang-undang lain di samping dengan Undang-undang Tubuh Negeri-negeri di dalam Persekutuan. Saya ingin mengingatkan bahawa Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang perlu dihormati oleh seluruh rakyat tanpa mengira apa juga kedudukan mereka.

Perlembagaan dan undang-undang tidak dimuliakan di bawah pokok atau dijalankan oleh sistem anarki mahupun autokrasi dan kediktatoran. Tatanan sosial dengan izin, *sosial order*, ketenteraman awam dengan izin, *public order*, dan tatanan politik atau *political order*, dengan izin, tertakluk kepada penghormatan kepada Perlembagaan dan undang-undang. Malaysia adalah sebuah negara berdaulat, memiliki sistem susila, adat, agama sebuah negara undang-undang lagi bertamadun. Sepatutnya setiap dari kita yang bernama pemimpin tidak bertindak liar di luar daripada batas perundangan sehingga mengajak para pengikut untuk tidak menghormati Perlembagaan dan undang-undang atas nama demokrasi dan hak asasi manusia. Demokrasi dan hak asasi manusia adalah konsep-konsep ketamadunan peradaban.

#### ■1230

Demokrasi dan hak asasi manusia adalah konsep-konsep ketamadunan dan peradaban. Demokrasi dan hak asasi jangan disalahgunakan untuk mewujudkan ketidakstabilan porak-peranda, kekacauan dan penghinaan terhadap apa jua institusi yang dimuliakan seperti Institusi Raja-Raja Melayu. Kita perlu menyedari akan nilai dan makna "*di mana bumi dipijak, di situ langit*

*dijunjung*”. Kita tidak mahu kerana “*mulut badan binasa, kerana pulut santan binasa*”. Kita perlu juga menolak sesiapa jua atau puak yang menganjurkan anarki dengan bertopengkan demokrasi dan hak asasi manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Silakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

**12.31 tgh.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** *Bismillaahir Rahmaannir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Parlimen Keduabelas, 16 Februari 2009. Setelah mendengar rakan-rakan Ahli Senator yang telah pun memberikan pandangan ucapan, maka saya akan mengambil beberapa perkara yang terdapat di dalam Titah Ucapan Tuanku. Melihat daripada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada tahun 2008 dunia telah dilanda krisis kewangan global yang bermula di Amerika Syarikat kemudiannya merebak ke *Europe* dan kita negara Malaysia telah terlibat sama ataupun tempiasnya datang ke negara kita. Maka itu ekonomi adalah merupakan perkara penting di dalam kita menentukan masa hadapan negara kita.

Maka itulah kita lihat di dalam titah ucapan Tuanku mengandungi 18 perkara yang berkaitan dengan ekonomi. Jadi kita melihat perkara-perkara itu telah melibatkan perkara ekonomi pada tahun ini khususnya ekonomi dijangka lebih mencabar lagi kepada kita. Maka itulah kerajaan telah mengambil sikap, antara langkah-langkah yang diambil ialah melaksanakan pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion. Mengkaji semula strategi pembangunan, mengutamakan projek-projek pembangunan yang membangunkan kesejahteraan rakyat kerana yang penting ialah rakyat pada keseluruhannya. Jadi oleh kerana itu, projek-projek pembangunan ini ialah ditumpukan kepada rakyat yang kita lihat keseluruhannya tidak kira kaum, agama, bangsa dan juga keturunan kerana ini adalah merupakan rakyat Malaysia yang telah bermastautin di sini semenjak ianya dilahirkan.

Jadi oleh kerana itu, ada juga usaha ke arah membawa kepada pelabur-pelabur asing. Kita amat bersetuju dengan adanya membawa pelabur-pelabur asing kita dapat membangunkan negara ini kerana dapat memberikan pekerjaan yang banyak kepada negara. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita haruslah juga melihat supaya pelabur-pelabur asing itu melabur di sini, tetapi janganlah bawa pekerja-pekerja mereka daripada luar. Seperti mana yang disarankan, pelaburan asing termasuklah dari Timur Tengah, Republik Rakyat China, dari India. Jadi biarlah pelabur sahaja yang datang ke negara kita melabur dan membuka kilang-kilang dan apa sahaja perniagaannya, tetapi menggunakan pekerja-pekerja tempatan kerana ini akan memajukan lagi dan memberikan rakyat kita pekerjaan.

Jikalau pekerja-pekerja asing dibawa masuk begitu banyak yang kita ada lebih dari RM3 juta hari ini, ia akan merugikan pekerja-pekerja tempatan dan ini hendaklah kerajaan mengambil iktibar daripada apa yang sedang berlaku hari ini kita lihat pekerja-pekerja asing yang begitu ramai dan menyebabkan beberapa permasalahan berlaku yang tidak perlu saya sebutkan, hari-hari kita tengok peti televisyen, kita tengok akhbar-akhbar, rompak, curi, samun, bunuh dan semua ini berlaku dan melibatkan juga pekerja-pekerja dari luar. Maka itu saya merasakan bahawa perlu kita menghalang kemasukan dari pekerja-pekerja asing ini, mereka ini adalah menggunakan pekerja-pekerja tempatan. Kita memang menggalakkan pelabur-pelabur asing. Dalam masa yang sama kita melihat pelabur-pelabur asing juga ada kalanya yang telah membuka pusat-pusat penjualan seperti Carrefour, kita lihat semua banyak pasar raya-pasar raya yang terbesar ini yang telah sedikit sebanyak juga memberikan himpitan kepada peniaga-peniaga kecil. Orang tidak lagi pergi ke kedai-kedai semua, pergi ke pasar.

Jadi mahunya pasar raya-pasar raya terbesar ini mengambil produk-produk tempatan untuk dijual di pasar raya-pasar raya supaya memberikan suntikan kepada pembuat-pembuat bahan-bahan tempatan. Jadi dari segi sektor perkhidmatan juga amat penting dan kita harus melihat ini juga sebagai satu daripada ekonomi membangunkan negara kita supaya kita dapat menentukan masa hadapan kita. Sektor pelancongan adalah merupakan salah satu daripada juga membangunkan ekonomi negara ini dan kita tahu sektor pelancongan adalah merupakan yang terbesar dan kita lihat seramai 20 juta orang pelancong di negara ini, mempromosi produk-produk pelancongan seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, pelancongan keagamaan, program-program rumah kedua ku.

Saya ingin menyentuh tentang rumah kedua ku. Kita hanya melihat, kita bukan tidak mahu pelancong-pelancong asing datang ke negara kita ini dan juga pelabur-pelabur asing dan apabila kita memberikan tempat, rumah kedua ku dan akhirnya mereka akan tinggal di sini berkekal dan akhirnya rumah-rumah mereka mempunyai peruntukan kewangan yang lebih besar dan mereka akan beli rumah-rumah di sini, tempat di sini, tanah di sini semua dan akhirnya anak-anak tempatan akan kehilangan tempat dan ramailah rumah kedua ku akan meluaskan tempat mereka dan akhirnya kita akan kehilangan hartanah-hartanah yang dibeli.

Maka itu, hendaklah ada satu kawalan walaupun kita menawarkan Malaysia menjadi rumah kedua. Akan tetapi harus ada satu kawalan supaya tidak mereka menguasai seluruh hartanah yang ada di negara kita ini. Ini amat penting kerana kita hendaklah memberi tumpuan kepada rakyat tempatan, rakyat Malaysia yang menguasai hartanah yang ada di seluruh negara bukannya memberi kepada rakyat asing.

Mereka boleh melabur, boleh datang ke sini, boleh menyewa. Akan tetapi akhirnya apa yang akan terjadi, kita lihat kedudukan hari ini, masih ramai lagi anak-anak Malaysia, rakyat Malaysia yang menyewa rumah, masih ramai yang menyewa bukan memilikinya. Jadi kita harap kita akan ada satu usaha untuk rakyat Malaysia tidak menyewa rumah kerana kita rakyat Malaysia lahir di sini, besar di sini, kita memiliki rumah. Bukan menyewa di sana sini. Ini saya fikir lebih

penting kita membina satu masyarakat yang mempunyai rasa kesetiaannya kepada negara ini dengan tidak lagi akan berpindah keluar. Kita tidak ada pilihan. Inilah negara kita, inilah tempat lahir kita, inilah tanah tumpah darah kita. Kita tidak ada tempat lagi untuk berpindah seperti mana yang pernah berlaku satu ketika dahulu, kita dianggap sebagai pelarian tetapi kita tidak ada tempat lagi. Kita hendak lari ke mana? Tidak ada tempat lagi hendak lari. Maka itu jangan berikan rumah-rumah kita kepada orang asing sahaja yang memilikinya di negara kita. Kita tidak ada tempat untuk lari. Hendak lari ke Indonesia, ada tiga juta rakyat Indonesia bekerja di sini, datang ke sini untuk bekerja.

■1240

Kita hendak lari ke *Philippine* pun sama juga, rakyat *Philippine* juga bekerja di sini. Hendak pergi ke Thailand, hendak pergi ke China, hendak pergi ke India, Bangladesh pun ramai di sini. Jadi, tidak ada tempat. Inilah tanah tumpah darah kita, inilah tempat kita, inilah tempat lahir kita, maka itu kita pertahankanlah tanah air kita ini hingga ke titisan darah yang terakhir. Untuk itu, jangan ada di antara mereka yang mempersoalkan tentang kewajaran yang ada pada hari ini. Sukacita kita melihat hari ini perbankan yang ada di negara kita ini juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita dahulunya berada di tingkat 24 kajian laporan bank dunia pada kemudahan menjalankan perniagaan di tingkat 24 dan sekarang ini turun kepada 20. Ini adalah merupakan di antara 181 negara yang ada di sini. Jadi, oleh kerana itu, kita harus melihat bahawa kemajuan negara ini tercapai dari segi ekonominya. Seterunya, ekonomi ini di dalam kita merangsang ekonomi negara kita ini juga. Selain daripada langkah-langkah yang nyata, pihak industri juga, industri kecil, industri sederhana wajarlah diberi tempat dan diberi keistimewaan kepada mereka menghasilkan produk-produk negara seperti mana hari ini kita telah mulakan seperti mana Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah pun membawa produk-produk kraf tangannya ke London, ke Amerika, ke Australia.

Ini adalah usaha kita untuk memajukan lagi kraf negara kita bagi tujuan untuk mereka menjamin bahawa kita mempunyai produk-produk kraf yang boleh kita pasarkan di luar negara telah pun kita lakukan. Ini merupakan usaha kementerian untuk memajukan. Saya amat berterima kasih kepada 'Kementerian Kemajuan, Kesenian dan Warisan' yang mana telah juga membawa filem-filem tempatan keluar negara untuk dipromosikan di England, Australia, di Singapura, Indonesia dan sebagainya. Ini adalah usaha kita untuk memajukan industri perfileman juga adalah penting kerana ia dapat mencerminkan budaya, bahasa, bangsa Malaysia melalui filem.

Ini kerana filem memainkan yang amat penting bagi mempromosikan negara kita di luar. Kerana dengan adanya filem, kita kenal Amerika, kita kenal England, kita kenal Europe dan kita kenal Jepun, kita kenal negeri China. Kita kenal semua melalui filem-filem yang ditayangkan di negara kita. Maka itu, kita juga harus berbuat demikian. Filem-filem tempatan hendaklah disebar luas dan dibawa ke luar negara bagi mempromosikan negara kita ini melalui filem-filem kita. Kita tahu, dahulunya kita hanya menerbitkan filem sebanyak 12, satu tahun dan sekarang kita ada 35

dan sedang dirancang supaya kita menerbitkan 60 buah filem pada 2010 bagi tujuan untuk memasarkan di luar negara. Ini adalah satu usaha ke arah memajukan lagi negara kita. Kita mempromosikan negara ini dan industri filem juga haruslah dipertingkatkan pada teknologi tinggi yang juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Hari ini, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional telah pun menubuhkan sebuah digital studio. Ini adalah pertama kali dalam sejarah Malaysia kita mempunyai sebuah digital rakaman studio yang bernilai RM50 juta baru-baru ini telah pun dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak, di FINAS. Ini adalah merupakan digital studio yang tercanggih di Asia kerana kita yang terbaru. Ini adalah untuk menarik orang asing yang dahulunya terpaksa kita membuat filem dalam *recording digital*. Kita telah ke Hong Kong, kita ke Thailand, kita ke Australia, kita ke Jepun, kita ke India dan banyak lagi negara-negara. Akan tetapi, hari ini kita tidak perlu lagi ke luar negara untuk menyiapkan filem kita, sebuah teknologi yang tertinggi, yang canggih seperti mana yang disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita haruslah berusaha ke arah memajukan lagi teknologi kita.

Ini adalah disambut oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang mana kita telah menubuhkan sebuah *recording studio* yang mengharapkan supaya pembikin-bikin filem daripada Singapura, dari Indonesia, daripada Philippine, daripada Thailand juga dapat datang ke sini untuk menyiapkan filemnya di dalam bentuk digital. Hari ini adalah merupakan satu teknologi yang termoden, kerana filem kita hari ini dibuat dalam bentuk filem atau *celluloid* dengan izin, tetapi telah dibuat dalam bentuk digital. Jadi, oleh kerana itu, kamera dan semua peralatan ini kita pun wujudkan di FINAS kerana peralatan-peralatan canggih ini akan memajukan lagi industri perfileman dan mengharapkan kerajaan akan terus memberikan kesempatan kepada pembikin-pembikin filem tempatan untuk memberi peruntukan yang secukupnya.

Baru-baru ini, kita mempunyai RM50 juta peruntukan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan bagi memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan. Setelah itu, saya telah menyuarakan supaya dinaikkan dan dipertingkatkan lagi peruntukan ini. Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan telah pun mengumumkan memberi RM100 juta peruntukan bagi memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan. Ini adalah satu yang sangat kita berterima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang mana telah memberikan kita satu peruntukan yang besar bagi memajukan industri perfileman...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *[Bangun]*

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Baik, silakan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Bercakap mengenai filem ini, di dalam negara kita, kita lihat mutu filem kita, mutu persembahan filem sudah tiada lagi, tiada langsung kalau hendak dibandingkan bagaimana filem-filem yang dibuat oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Di luar jangkauan kita sama sekali. Filem Allahyarham itu sehingga kanak-kanak sekarang ini begitu meminati. Banyak contoh filem-

filem yang tidak dapat disebutkan di sini yang memberi pengajaran, panduan dalam bentuk hidup berkeluarga atau pun dalam bentuk hidup bernegara, bermasyarakat termasuk politik.

Inilah karya seorang seni yang patut kita beri penghormatan. Saya mohon kerana Yang Berhormat Tan Sri juga merupakan seorang yang terlibat secara langsung dengan filem sekian lama, tidak bolehkah kita melahirkan kembali tokoh-tokoh filem ini yang mana mutu filemnya dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat seperti mana tokoh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan. Saya amat bersetuju, memang kalau kita lihat pada zaman P. Ramlee dahulu, pada zaman itu kita mempunyai *in house strength* dengan izin di dalamnya. Jadi, semua para pelakon, para penulis, para penggubah, para pengarah semuanya dilatih di dalam satu studio yang khusus. Kalau di Singapura dahulu ialah di Jalan Ampas dan juga di *East Coast* dua syarikat yang terbesar. Hanya ada dua sahaja syarikat iaitu Shaw dan Cathay. Memanglah filem-filem yang dibuat dahulu dibincangkan dan dikaji sehinggalah hari ini pun filem-filem itu masih lagi dimainkan dan ditayangkan di stesen-stesen televisyen dan masih lagi digemari oleh para rakyat. Hinggakan P. Ramlee mempunyai ideanya yang sangat ke hadapan.

Kalau kita lihat sebagai contoh P. Ramlee sudah buat sebuah filem mengenai mesyuarat di bawah pokok... [*Ketawa*] Hari ini diikuti oleh Kerajaan Negeri Perak hari itu, mesyuarat bawah pokok. Barangkali, dia mengambil ilham dari filem P. Ramlee iaitu *Laksamana Do Re Mi*. Dia sudah tidak ada negeri, maka itu akhirnya bermesyuaratlah di bawah pokok, maka diambil ilham itu, mereka pun bermesyuarat di bawah pokok.

#### ■ 1230

Begitu juga dalam filem pertama saya berlakon bernama *Panca Delima*, dalam bahasa Inggerisnya, *Five Rubies* dengan izin. *Panca Delima* telah menunjukkan satu teknik, televisyen sudah ada dalam filem *Panca Delima*. Ketika itu tahun 1956, filem itu ditayangkan tahun 1957. Belum ada televisyen pun di negara kita ini. Belum ada, sama ada di Singapura atau di Malaysia, belum ada peti televisyen tetapi P. Ramlee sudah ada televisyen dalam filem *Panca Delima*. Kalau Yang Berhormat semua menonton filem itu, boleh lihat ada peti televisyen di situ yang menggambarkan kisah-kisah lama di *flashback* ataupun di tayang semula. Cerita-cerita yang mengenai apa yang berlaku sebelumnya melalui peti televisyen tetapi dia tak panggil peti TV lah. Dia tekan saja satu butang, keluarlah gambar.

Jadi bererti, beliau sudah memikirkan sesuatu yang lebih. Kemudiannya barulah ada televisyen pada tahun 1963, sebelum itu belum ada. Jadi saya amat bersetujulah P. Ramlee, saya salah seorang daripada muridnya dan kita harap apa yang dikaji oleh P. Ramlee itu, dan saya pernah menyarankan supaya kita menubuhkan sebuah Institut Perfileman P. Ramlee. Jadi ini akan memberikan kita satu galakan...

**Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah:** Boleh minta laluan Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih. Saya terlajak mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Ada tiga perkara kalau boleh minta juga pandangan daripada Tan Sri. Pertama, tentang filem-filem khayalan, filem-filem yang penuh khayal yang membanjiri peti-peti televisyen, yang membanjiri juga barangkali setengah-setengah pawagam sekarang. Apa agaknya akibat daripada filem-filem khayalan seperti ini. Filem-filem yang penuh dengan cerita-cerita hantu yang kalau cerita-cerita hantu itu cerita hantu seperti puntianak di zaman tahun 50an itu tak apa tetapi ini cara filem-filem khayalan itu ditayangkan sekarang apabila dibuat dan ditayangkan saya rasa akan melemahkan semangat dan akan menyebabkan semakin bermaharajalelanya fahaman-fahaman yang selalu minta rujuk kepada bomoh dan ini orang-orang politik, orang-orang apa pun banyak yang menggunakan bomoh sekarang.

Adakah ini barangkali juga kerana pengaruh filem-filem yang penuh khayalan ini? Itu satu. Kemudian, perkara yang kedua walaupun Yang Berhormat Tan Sri tidak lagi di FINAS sekarang, saya rasa patut juga FINAS cuba memantau jenis-jenis filem yang ditayangkan di negara ini. Jenis-jenis filem sama ada jenis filem yang khayal, yang patriotik, yang mempunyai unsur-unsur sains fiksyen dan seumpamanya. Saya rasa maksudnya pemantauan filem-filem yang pelbagai jenisnya itu perlu diadakan dan untuk memandu FINAS menentukan polisi dan memandu juga kerajaan menentukan polisi. Sejauh mana filem-filem ini memberi pengaruh terhadap fikiran rakyat. Selain daripada itu juga bercakap mengenai FINAS, saya teringat kira-kira sepuluh tahun atau 15 tahun yang lalu, saya terlibat dengan FINAS dalam penggubalan Dasar Filem Kebangsaan.

Saya tak tahu kepada siapa soalan ini saya arahkan Tuan Yang di-Pertua, saya nak tahu apa telah jadi dengan Dasar Filem Negara, tak salah saya waktu itu dipengerusikan oleh Tan Sri Ghazali Shafie sewaktu Datuk Zain Hamzah menjadi Pengarah FINAS pada waktu itu. Mesyuarat itu diadakan selama tiga bulan tetapi saya tak tahu apa telah terjadi dengan Dasar Filem Negara itu sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan Dasar Perfileman Negara atau DFM, dan telah pun dibawa ke Dewan ini dan telah pun diperbincangkan dan akhirnya diluluskan di Kabinet dan Dasar Perfileman Negara ialah menjadi satu dasar oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan dasar itu telah pun dilaksanakan dan oleh kerana itulah hari ini kita lihat kita mempunyai dasar daripada FINAS. Semasa itu saya berada di FINAS dan mempunyai dasar iaitu kita harus mengkaji semua filem yang diterbitkan oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan. Setiap orang yang meminjam peruntukan daripada FINAS, mestilah kita pantau dahulu apakah filem yang hendak dibuat. Kita menyarankan supaya, banyakkkan filem-filem patriotik, filem-filem yang boleh memberikan penerangan, memberikan sejarah negara kepada anak-anak muda kita sekarang, membangunkan atau dalam erti kata yang lain kita *educate the audience* dengan izin.

Jadi kalau itu kita dapat lakukan, maka kita telah pun menyarankan supaya pada setiap tahun, sekurang-kurangnya lima buah filem sejarah hendaklah diterbitkan dan kita juga menyarankan dalam beberapa pertemuan supaya setiap negeri di Malaysia ini menerbitkan filem sejarahnya sendiri kerana kita tahu setiap negeri mempunyai sejarah tempatan. Seperti mana yang kita tahu seperti Negeri Perak umpamanya sebagai contoh, Datuk Maharajalela atau *The Assassination of JWW Birch*, pembunuhan JWW Birch, dengan izin, dan ini adalah sejarah perjuangan bangsa menghalau penjajah dan perlu dihayati oleh anak-anak muda. Maka itu filem ini harus dibuat, dalam proses dan belum lagi dapat. Begitu juga kita lihat di Pahang kita ada Datuk Mat Kilau, kita ada di Terengganu Tok Janggut, Datuk Bahaman, Tok Naning dan semuanya di seluruh negara, di Sabah dan Sarawak. Sejarah Negeri Sabah sendiri ada panglima-panglimanya yang telah pun memperjuangkan negeri itu dan ini semua adalah perlu kita adakan dan kita menyarankan. Saya ingin menyarankan supaya setiap negeri menerbitkan filem sejarahnya sendiri.

Jadi dengan itu kita dapat memberikan kefahaman kepada anak-anak muda yang lahir selepas merdeka. Barangkali tidak mengenal sejarah negerinya sendiri. Jadi ini adalah merupakan satu usaha ke arah memajukannya. Seterusnya kita lihat juga di dalam filem-filem kita hari ini banyak seperti mana Yang Berhormat mengatakan tadi banyak telah menggunakan cerita-cerita khayal yang boleh membawa kita kepada sesuatu yang tidak pasti sama ada dia boleh memajukan negara, bangsa dan juga di antaranya juga bertentangan dengan agama. Maka itulah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah menubuhkan satu jawatankuasa khusus. Jawatankuasa ini yang dulunya dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri bagi memantau semua program-program televisyen yang mana semuanya mestilah melalui jawatankuasa ini supaya tidak menerbitkan program-program yang boleh membawa kepada perpecahan kaum dan berbagai-bagai lagi berlaku di dalam filem-filem kita.

Saya juga pernah menyarankan supaya kita menyekat kemasukan filem-filem asing yang terlalu banyak hari ini. Kita hendaklah membanyakkan filem tempatan dan 70% filem yang ditayangkan di seluruh negara termasuk di stesen-stesen televisyen hendaklah mengandungi bahan-bahan tempatan sebanyak 70% dan kita bawa hanya 30% dari luar untuk kita lihat. Itu pun mestilah filem-filem yang mempunyai nilai-nilai tertinggi dan juga memberi kita pengajaran. Bukan filem-filem hanya untuk hiburan semata-mata. Jadi untuk itu, maka saya merasakan bahawa ini adalah satu usaha ke arah memajukan industri perfileman tempatan ini adalah merupakan satu usaha yang perlu kita lihat secara serius kerana kuasa yang tertinggi yang ada di negara kita ini ialah Kementerian Dalam Negeri iaitu Lembaga Penapis Filem.

Jadi setiap filem yang masuk ke negara ini mestilah melalui Lembaga Penapis Filem. Saya pernah menyarankan supaya Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem ini dibanyakkan lagi. Hari ini kita agak kurang kerana kita lihat Lembaga Penapis Filem mempunyai lebih daripada 70 orang anggota dan juga kita ada Lembaga Rayuan mempunyai 18 orang anggota. Jadi oleh kerana itu kerana banyak filem-filem yang ditayangkan di negara ini melalui itu, kadang-kadang ada di

antaranya yang kita lihat filem-filem itu tidak sesuai. Oleh kerana itu, saya pernah menyarankan kepada Kementerian Dalam Negeri supaya kita tambah Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem. Setidaknya hanya tiga atau empat orang setiap filem yang ditonton kerana terlalu banyak filem yang ditonton, ditambah lagi paling kurang pun tujuh orang atau sembilan orang menonton setiap filem dalam berbagai-bagai bidang dan latar belakang mereka. Ini supaya dapat menentukan filem-filem yang diluluskan itu dapat membangunkan negara kita, dapat memberikan sesuatu yang baik daripada segi budaya, daripada segi sejarah, daripada segi ceritanya supaya dapat kita membina bangsa yang bersatu padu. Jadi itulah kuasa yang paling tinggi.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 petang nanti.

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Ya, baik. Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

■1430

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.31 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin untuk menyambung ucapan.

**2.33 ptg.**

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya meneruskan perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Perkara yang ingin saya sentuh juga walaupun sudah disentuh oleh beberapa Ahli Dewan Negara, yang penting ialah kita lihat di sini ialah yang akhir di dalam hal pelancongan berhubung dengan warisan dunia. Warisan dunia ialah Perkara 18, Georgetown dan juga Melaka telah pun dijadikan warisan dunia oleh UNESCO.

Sebenarnya kalau kita buat kajian, kita menyelidik sejarah Melaka, Melaka telah pun menjadi warisan dunia sebelum UNESCO meletakkan warisan dunia Melaka kerana pada zaman itu hampir seluruh Eropah dan juga Timur, semuanya datang ke Melaka berniaga. Jadi Melaka dikenali sebelum kita dikenali sebagai Tanah Melayu dan Malaysia, Melaka telah pun dikenali oleh seluruh dunia, Melaka bukannya Malaysia waktu itu. Ia telah pun menjadi warisan dunia kerana kebanyakan yang datang ke Melaka hinggalah Portugis juga datang ke Melaka pada tahun 1511, menyerang dan mengambil alih Melaka.

Sebenarnya Melaka sudah dikenali sebelum warisan ini diwartakan. Maka itu kita harus mengekalkan Melaka sebagai warisan dunia kerana ia merupakan sejarah negara kita dan kalau kita mengkaji semula sejarah bermulanya negara kita ini ialah *Malacca*. Kalau kita tengok dalam map atau peta-peta dunia yang dahulunya, maka di dalamnya tidak ada Tanah Melayu tetapi yang ada ialah *Malacca*. Jadi oleh itu, amat wajarlah maka Melaka menjadi warisan dunia. Selain

daripada itu Pulau Pinang juga dianggap warisan dunia dan ia akan membawa pelancong-pelancong dari seluruh dunia untuk melawat Melaka dan Melaka haruslah mengadakan beberapa program-program tertentu.

Saya mencadangkan supaya diadakan filem sejarah mengenai Melaka supaya dapat kita pamerkan Melaka sebagai warisan dunia di luar negara untuk menarik ramai lagi pelancong. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, filem seperti mana yang saya sebutkan tadi merupakan suatu yang amat penting. Jadi filem sejarah seluruh negara kita hendaklah dipamerkan seperti mana yang juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, isu perkauman. Jadi isu perkauman ini juga boleh kita dapat mengatasinya dengan membuat filem-filem perpaduan kerana filem itu amat penting.

Untuk itu kami baru-baru ini, sebelum ini Menteri Penerangan sebelum ini telah pun merancang dan membuat filem sejarah kemerdekaan yang diberi tajuk "*Merdeka! Merdeka! Merdeka!*" Filem ini berpunca daripada sebuah teater yang telah pun dipersembahkan di Istana Budaya selama 18 malam berturut-turut. Kebetulan saya terlibat sebagai pengarah teater itu, mempamerkan dan menceritakan kisah perjuangan bangsa menentang penjajah bermula daripada menentang *Malayan Union* hinggalah tertubuhnya Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia.

Oleh kerana filem ini telah pun dibuat dalam bentuk teater dan selama lima jam dipersembahkan di Istana Budaya selama 18 malam berturut-turut, diundangkan semua pihak untuk menyaksikan ini untuk memperingatkan kita kepada sejarah perjuangan negara. Anak-anak muda atau generasi muda merupakan aset kita yang termahal. Selain daripada harta benda, emas yang berbongkah, tanah berelung, bangunan yang indah, selain daripada itu saya merasakan bahawa anak-anak muda, generasi muda ialah merupakan aset yang termahal untuk negara kerana mereka inilah yang akan menjadi pemimpin negara masa depan.

Untuk itu mereka hendaklah diberikan kefahaman tentang perjuangan bangsa, bagaimana kita dapat memperhebatkan cerita-cerita yang menumpukan kepada perjuangan kemerdekaan dan filem ini saya mengharapkan supaya Kementerian Penerangan meneruskan pembikinan filem ini sebanyak 30 episod, saya terlibat secara langsung menyiapkan skrip dan sebagainya dan dihentikan di atas sebab-sebab yang tertentu dan oleh kerana itu filem ini amat penting kepada saya kerana ia bermula daripada penentangan penjajahan dari awal lagi iaitu *Malayan Union* sehinggalah kita menubuhkan Tanah Melayu dan kita mencapai kemerdekaan dan kemudiannya ditubuhkan Malaysia dan ini ada lebih kurang 30 episod termasuk Sabah, Sarawak dan seluruh negara.

Kita telah mengadakan beberapa pertemuan dengan semua tokoh sejarah di seluruh negara dan menyiapkannya termasuklah dari Sabah dan Sarawak. Untuk itu saya merasakan ini amat penting bagi kita menyedarkan anak-anak muda kita supaya memahami tentang prinsip-prinsip sejarah kita dan juga seterusnya juga mengenai Rukun Negara yang telah pun disentuh oleh Yang Berhormat sahabat kita tadi..., prinsip-prinsip Rukun Negara hendaklah difahami dan

dihayati. Semua ini tercatat dan ada di dalam sejarah filem yang akan dibuat ini iaitu 30 episod termasuk Rukun Negara, termasuk juga *social contract* yang ada di dalamnya, bagaimana *social contract* ini dijanjikan, bagaimana perjanjian itu dibuat semasa pertemuan Tuanku Abdul Rahman dengan Tan Cheng Lock dan juga Tun Sambanthan.

#### ■1440

Ini adalah merupakan suatu yang penting kepada kita bagi membawa semula sejarah ini memberi kefahaman kepada anak-anak muda. Kalau kita lihat dalam Rukun Negara kita sendiri perkara kedua ialah Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Perkara pertama yang kita semua sedia maklum, kita tahu iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan; kedua ialah Kesetiaan Kepada Raja dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-undang; dan Kesopanan dan Kesusilaan.

Saya ingin menyebut perkara kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara kerana isu ini sekarang menjadi satu isu yang menentang Raja. Ini kerana Rajalah yang menjadi tunggak negara kita. Kalau kita lihat pada waktu dahulu pun semua orang datang ke Melaka berjumpa dengan Raja untuk mendapat tempat, tanah, pekerjaan dan perniagaan. Maka itu Raja telah bermula daripada Melaka lagi dan selepas itu disebar luas ke seluruh negara. Oleh kerana itu, jangan kita menentang Raja. Seperti mana yang saya sebut semalam, siapa yang menentang Raja pada zaman itu hukumnya ialah pancung. Dalam filem-filem lama kita ada di *view*.

Oleh sebab itu seperti mana yang saya sebutkan semalam juga, saya ulangi sekali lagi bahawa di Perak kita ada seorang yang bergelar "Maharajalela". Datuk Maharajalela diberi gelaran "Pancung Tidak Bertanya". Maksudnya siapa sahaja yang menentang Raja maka Datuk Maharajalela berhak pergi tangkap dan pancung tanpa bertanya kerana menentang Raja. Maka hari ini kita tidaklah akan menggunakan pancung. Barangkali kita sudah ada undang-undang negara dan ada cara lain yang boleh kita lakukan. Satu daripada caranya yang kita lakukan kita ada ISA, masukkan dia ke dalam ISA itu. Jadi, tidaklah dia bising-bising di luar. Kedua, mungkin kita boleh menggubal satu undang-undang. Siapa yang menentang Raja dia digugurkan daripada kerakyatan Malaysia. Dia tidak boleh menjadi rakyat Malaysia kerana Raja ialah tunggak negara. Kalau kita menentang Raja bagaimana kita mengaku yang kita rakyat Malaysia? Ini boleh kita fikirkan bersama.

Saya harap jugalah perkara seperti ini dan saya juga telah menyarankan dan mengusulkan supaya kita menunjukkan teladan yang baik. Seperti dalam Rukun Negara perkara kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Kita jangan hanya bercakap tetapi kita hendaklah cakap tidak serupa bikin. Kita cakap dan bikin. Maksud saya marilah kita bermula daripada Dewan Negara ini, saya mengusulkan supaya apabila kita bersidang setiap pagi, setelah kita membaca doa, kita nyanyikan bersama lagu "Negaraku". Ini kerana itu adalah kesetiaan kepada raja dan negara di mana dalam liriknya ada terdapat.

Oleh kerana itu, saya mengesyorkan mencadangkan supaya kita bermula di Dewan Negara ini dan dipanjangkan ke Dewan Rakyat supaya semua Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, setelah membaca doa kita bangun menyanyikan lagu "Negaraku" bersama-sama bagi

menunjukkan kesetiaan kita kepada raja dan negara. Itu cadangan dan pandangan saya supaya ia diteruskan. Saya telah buat syor ini dalam usul saya dan insya-Allah kita akan dapat bersama-sama. Kalau ada yang bersetuju, katakanlah bersetuju. Kalau tidak katakanlah tidak... [Ketawa]

Kita juga haruslah melihat bahawa hari ini kita mempunyai pelbagai jenayah yang berlaku dalam negara ini. Oleh kerana itu kita lihat setiap hari, setiap malam di peti televisyen bermacam-macam jenayah seperti mengimport ganja, dadahlah, minuman keras, *smuggle* senjata api, bunuh, rompak, ragut sehingga membunuh. Ini semua boleh kita lihat dalam filem-filem yang dibawa masuk dan ditayangkan dalam negara kita. Oleh kerana itu, kita hendaklah mengkaji semula filem-filem yang ditayangkan dalam negara kita sama ada ia sesuai dengan keadaan negara kita ataupun tidak.

Maka itu *Censorship Board* hendaklah lebih efektif supaya melihat filem-filem seperti ini tidak digalakkan kerana filem memainkan peranan yang penting. Seperti mana yang saya katakan pada awal tadi filem selalunya mempengaruhi anak-anak muda. Kita lihat hari ini anak-anak sekolah pun sudah jadi gengster. Dia pukul kawan dia, ada yang sampai mati terbunuh dan sebagainya. Ini semua dilihat daripada filem-filem ganas yang ditayangkan di peti-peti televisyen. Maka itu filem-filem ini hendaklah dikaji semula.

Oleh kerana itulah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah menubuhkan satu jawatankuasa mengkaji program-program televisyen. Saya tidak tahu setakat mana...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah pada masa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih. Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Tan Sri supaya filem-filem yang memaparkan keganasan dan jenayah-jenayah yang keterlaluan itu dikaji semula. Kita sedar Yang Berhormat Tan Sri pun ada sebut bahawa kita ada badan ataupun Lembaga Penapis Filem. Saya rasa adalah lebih baik kita kaji peranan Lembaga itu sendiri. Kita kaji siapa yang duduk dalam Lembaga itu. Kita hendak salahkan filem itu diluluskan, saya rasa ia tidak kena sebab yang meluluskan itu ialah Ahli-ahli Lembaga yang kita lantik. Di mana tidak kenanya? Saya rasa di situ yang tidak kenanya. Mungkin peranan ataupun terma-terma yang kita berikan kepada Lembaga Penapis Filem itu tidak begitu tegas atau norma-norma yang kita tentukan itu tidak dipegang sebaik-baiknya.

Jadi, hendaklah kita halusi perkara ini. Saya rasa ini memainkan peranan yang penting terutama sekali apabila kita berhadapan dengan filem-filem daripada luar. Ini belum lagi kita bercakap berhubung dengan adegan seks, adegan di ranjang dan sebagainya yang sedikit sebanyak amat mempengaruhi penonton-penonton. Jadi, saya pohon pandangan Yang Berhormat Tan Sri, di mana salahnya? Filem itu yang salah kah ataupun Lembaga Penapis Filem kah ataupun Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem itu sendiri yang orang yang melantiknya itu tidak tapis. Itu jadinya. Sepatutnya kita tapis dahulu Ahli-ahli Lembaga yang sepatutnya duduk dalam

Lembaga Penapisan Filem barulah selesai kerja kita, mudah-mudahan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, saya amat bersetuju kerana saya pernah menyuarakan supaya Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem ada dua. Satu ialah Lembaga Penapis Filem dan satu lagi ialah Lembaga Rayuan. Kebetulan saya berada di Lembaga Rayuan. Oleh kerana itu Lembaga Penapis Filem, biasanya oleh kerana terlalu banyak filem yang hendak ditapis maka itu kadang-kadang terpaksa hanya dua, tiga orang sahaja yang dapat menonton satu-satu filem. Kelulusan diberi di atas tugas tiga atau empat orang ini sahaja untuk mewakili penduduk Malaysia yang seramai 26 juta.

Jadi, saya berpendapat bahawa Ahli Lembaga Penapis Filem hendaklah diperbanyakkan dan ditambahkan lagi. Paling kurang pun sebuah filem mestilah ditonton oleh sekurang-kurangnya sembilan Ahli Lembaga dalam pelbagai latar belakang bagi tujuan untuk mereka dapat menapis filem-filem yang boleh menjejaskan imej negara kita. Kita tahu hari ini, saya ingin menyebut sekali lagi...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Sekejap sahaja. Satu lagi perkara ialah ada sebuah stesen televisyen yang tidak perlu saya sebutkan lagi yang tidak ada Lembaga Penapis Filem. Filem mereka tidak dihantar kepada Lembaga Penapis filem. Jadi, ini adalah satu perkara yang harus kita kaji semula kerana lesen yang telah diberikan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bahawa kelulusan itu diberi mereka tidak perlu menghantar filemnya ke Lembaga Penapis Filem yang ditayangkan di stesen TV.

Kadang-kadang kita tengok program-program yang ditayangkan itu amatlah bertentangan dengan nilai-nilai kita. Jadi, oleh kerana itu kerajaan iaitu Kementerian Dalam Negeri hendaklah mengambil kira dan mengkaji semula lesen yang diterbitkan oleh sebuah stesen TV itu yang tidak memberikan penapisan filem. Kalau pun ia tidak menghantar mesti ada satu kumpulan yang dihantar dan Ahli-ahli Lembaga Penapis Filem hendaklah diletakkan di stesen itu untuk mengkaji semua dan melihat semua filem-filem yang hendak ditayangkan. Itu boleh mengatasi masalah ini.

Oleh kerana itu saya merasakan bahawa sekarang ini kita lihat Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasilah yang bertanggungjawab kerana lesen stesen televisyen ini diterbitkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Oleh kerana itu, mereka bertanggungjawab untuk melihat dan mengkaji semula syarat-syarat lesen itu. Ini supaya setiap filem yang diterbitkan ataupun ditayangkan di negara ini mestilah ditapis terlebih dahulu untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi sekarang. Seheinggakan ada satu yang saya hendak buktikan bahawa ada satu filem yang dahulunya bertajuk "*The Day They Robbed the Bank of England*".

#### ■1450

Filem itu bagaimana dia merompak Bank England, dan cerita yang sama berlaku di Malaysia, *the day they rob the bank Malayan Banking* di negara kita. Dia ikut *exactly* dengan izin, *exactly* bagaimana dalam filem itu, dia gali lubang, dia ikut saluran-saluran paip bawah, dia ikut

*exactly the same* dan kita lihat akhirnya memang dia berjaya merompak Malayan Banking, saya masih ingat itu.

Jadi bererti filem ini mempengaruhi mereka. Dia tengok filem, ha, ini bagus, dia ikut. Kita haruslah mengkaji semula supaya filem-filem yang demikian tidak patut ditayangkan di negara ini kerana ianya boleh membawa panduan kepada mereka yang ingin melakukan kejahatan sedemikian. Begitu juga dengan filem-filem seperti mana yang telah kita dengar bersama tadi Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kadang-kadang anak-anak muda kita terikut-ikut dengan perangai dan juga perlakuan yang berlaku di dalam filem-filem yang di bawa masuk dari luar negara, malah ada juga filem-filem tempatan yang mengikuti program-program seperti itu.

Oleh sebab itu, kita haruslah mengadakan satu kajian semula mengenai program yang mana satu yang boleh kita berikan kesempatan untuk ditayangkan di stesen-stesen televisyen, kerana televisyen mempunyai pengaruh yang lebih kuat daripada panggung wayang atau pawagam. Ini kerana dia masuk ke rumah-rumah dan setiap rumah mempunyai kadang-kadang sampai dua tiga peti televisyen, semua *channel* dia buka dalam satu ketika. Jadi anak-anak kecil pun dapat melihat semua program-program yang demikian. Kadang-kadang ada juga program yang tidak sesuai dengan anak-anak. Akan tetapi oleh kerana ia tidak melalui *Censorship Board*, maka ia ditayangkan. Jadi oleh sebab itu, saya berikan kesempatan kepada Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah pun bincang tentang perkara-perkara iaitu Lembaga Penapisan Filem di negara kita ini, dan juga Lembaga Rayuan. Kita hari ini nak salahkan televisyen memang tak boleh, sebab mereka ini nak melariskan siaran mereka. Jadi sepatutnya yang bertanggungjawab ini adalah kementerian. Kementerian ini kadang-kadang ada kuasa, tak mahu guna kuasa, tak mahu melaksanakan. Inilah masalah kita di negara kita pada hari ini.

Kita takut nak gunakan kuasa yang ada pada kita, sebab kita lihat Ahli Lembaga Penapisan Filem, kalau tak cukup, tambah atau lantik. Kalau kita Ahli Dewan Negara bercakap, Ahli Dewan Rakyat bercakap tak cukup, lantik daripada Dewan Negara, lantik daripada Dewan Rakyat. Kita sanggup duduk dalam Lembaga Pengarah Penapisan Filem, setuju tak Yang Berhormat semua? Terima kasih, ini maknanya boleh sebab kita yang bercakap, kita tahu mana filem yang patut ditayangkan dan mana filem yang tak patut ditayangkan. Akan tetapi kalau kita bercakap dalam Dewan ini, kementerian sendiri tak mahu ambil tindakan, siapa yang boleh melakukan? Siapa yang boleh melaksanakan undang-undang yang ada di negara kita ini, kementerian.

Jadi saya berharaplah kementerian, kita dah bercakap. Saya daripada mula angkat sumpah sebagai ahli Dewan Negara, tahun depan ini tahun akhir dah, rambut daripada hitam jadi putih tapi masih lagi undang-undang ini tidak boleh dilaksanakan. Saya minta kepada kementerian tolong laksanakan undang-undang ini, terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju kita boleh mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil beberapa orang Ahli

Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang nak pencen, kerana kebanyakan ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem adalah *pensioner*. Kebanyakan mereka adalah *pensioner*. Maka sesuaiilah Ahli-ahli Dewan Negara yang telah pencen boleh duduk di sana kerana mereka memahami tindakan itu.

Saya kebetulan ahli Lembaga Rayuan, Lembaga Penapis Filem, saya ahli Lembaga Rayuan. Jadi boleh saya bawa isu ini dan insya-Allah kita kemukakan kepada kementerian dan kepada Menteri untuk memikirkan dan memberikan kesempatan kepada Ahli-ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat yang telah bersara, mungkin boleh menjadi ahli, saya bersetuju sangat, terima kasih.

Seterusnya perkara yang akan saya teruskan sikit lagi iaitu mengenai modal insan. Modal insan adalah amat perlu di dalam kita menaja generasi akan datang yang berilmu, kerana ilmu sahaja yang akan menentukan masa depan kita, yang akan jadi pemimpin negara anak-anak muda nanti ialah orang-orang yang berilmu. Kita harus melihat bahawa ini supaya anak-anak muda tidak terlibat di dalam gejala-gejala sosial yang boleh membawa mereka kepada satu perkara yang tidak diingini. Kita hari ini tahu ada kerajaan telah menubuhkan 20 universiti di seluruh negara yang ditubuhkan oleh kerajaan dan lebih ratusan universiti yang dibina oleh pihak swasta untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pendidikan serantau.

Akan tetapi dalam masa yang sama kita ada 29 pusat serenti, 29 pusat serenti yang ditubuhkan bagi mengatasi masalah ketagihan dadah di negara. Lebih ramai lagi yang duduk di pusat serenti, 29 buah yang ditubuhkan oleh kerajaan, 20 buah universiti, 29 buah pusat serenti kerana menampung mereka, itu pun tidak cukup. Jadi ini perkara-perkara yang harus kita lihat. Untuk mengatasi perkara ini, kita hendaklah memberikan ilmu pengetahuan yang secukupnya terutama sekali ilmu-ilmu agama.

Anak-anak kita di sekolah hendaklah ada satu kurikulum yang khusus tentang agama supaya dengan adanya penerapan agama sahaja yang boleh menghindarkan mereka dari terlibat dalam gejala-gejala sosial, khususnya penagihan dadah kerana ia boleh membawa anak-anak kita kepada masa depan yang kabur dan hancurlah pemimpin kita masa depan. Adakah kita mahu pemimpin kita datang daripada anak-anak penagih dadah? Ini perkara-perkara yang harus kita kaji sebagai negara yang bebas.

Kita lihat setiap kali kita menonton peti televisyen dalam berita-berita, kita melihat banyak yang membawa masuk dadah, pengedar dadah ditangkap, esok ditangkap lagi dan esok ada lagi, minggu depan ada lagi. Jadi bererti tidak selesai, benda ini ditangkap, didenda tapi ada lagi. Bagaimanakah kerajaan untuk mengatasi perkara ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian yang terlibat untuk mengatasi pengedaran dadah yang dibawa masuk dan juga dibuat dalam negara ini.

Ini adalah suatu yang boleh menghancurkan anak-anak muda kita yang sekarang ini terlibat dalam berbagai-bagai gejala yang tidak sihat. Kita mahu anak-anak muda ini hendaklah diberi penjelasan, keterangan dan ilmu pengetahuan sahajalah yang akan dapat mengatasi

mereka daripada terlibat dalam gejala ini. Maka itu, modal insan ini adalah amat penting bagi kita untuk memulakan modal insan daripada tadika. Dari tadika lagi kita mula modal insan ini, memberikan ilmu pengetahuan sehinggalah ke peringkat universiti.

Maka itulah kerajaan menawarkan, belajarlah hingga ke akhir hayat. Jadi ini merupakan satu usaha, kerajaan telah membelanjakan *sky high*, dengan izin, untuk menjadikan pendidikan ini sebagai satu daripada perkara yang amat penting bagi menentukan masa depan anak-anak kita berilmu. Ini kerana tanpa ilmu pengetahuan, tidak mungkin kita boleh melaksanakan negara kita menjadi sebuah negara yang maju, aman, damai dan terkeluar daripada segala gejala-gejala yang tidak diingini. Maka, modal insan yang juga disarankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapannya amatlah berkesan dan kita harus melihat ini sebagai satu usaha yang boleh digunakan. Ada lebih kurang lima perkara yang disebut dalam ini, daripada perkara 28, 29, 30, 31, 27 sehinggalah 31, ada lima perkara yang berhubung dengan modal insan.

Jadi ini perkara yang harus kita lihat, modal insan juga hendaklah kita lihat anak-anak bukan saja di bandar tapi juga di luar bandar. Hari ini kita lihat penagihan dadah juga telah merebak di Rancangan FELDA. Setiap masa kita tengok anak-anak peneroka FELDA pun sudah terlibat dalam penagihan dadah. Saya banyak mengikuti perkara ini kerana saya selalu pergi berceramah di FELDA dan terdapat ramai anak FELDA juga peneroka telah terlibat dalam penagihan dadah. Kita juga harus mengawal, ia bukan pergi ke bandar sahaja tetapi sudah mula masuk kampung.

Siapakah yang bertanggungjawab ini. Mereka ini juga ada di antara pengedar dadah ialah anak negeri, rakyat Malaysia sendiri. Dia sendiri yang menghancurkan bangsanya sendiri. Jadi oleh sebab itu, kita lihat perkara ini adalah serius, dan marilah kita sama-sama mengatasi perkara ini dengan memberikan ilmu pengetahuan yang secukupnya kepada anak-anak kita supaya tidak terlibat dalam gejala-gejala yang sangat merosakkan dan menghancurkan negara kita.

#### ■1500

Jadi ini juga satu perkara yang amat penting kita lihat modal insan dan kita harus juga dalam masa yang sama juga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyentuh berhubung dengan soal kesihatan fizikal dan mental. Jadi bererti fizikal dan mental ini juga melibatkan ini, kesihatan ini juga kalau kita lihat penagih dadah tentunya mereka ini terlibat dalam kesihatan juga, tidak sihatlah kalau sudah jadi penagih dadah itu.

Jadi apabila sudah menjadi penagih dadah, sukar untuk kita atasi. Jadi bererti saya pernah menyarankan dahulunya adakan sebuah kampung khusus, satu kampung umpamanya satu pulau atau satu daerah kita buat tempat itu sahaja, siapa sahaja yang terlibat dalam penagihan dadah kita letakkan di situ untuk mengatasi supaya tidak ada lagi perkara ini berlaku dan di situ kita bina segala-galanya. Kita buat *factory*, kita buat masjid, kita buat segala-galanya, kita buat sekolah-sekolah agama, sekolah itu dan buat berbagai-bagai gudang dan sebagainya, pertanian dan sebagainya.

Jadi semua penagih dadah ini apabila kita letak di situ mereka diberi tugas, diberi kerja, diberi tempat. Kalau yang pandai dari segi mekanikal, kita buat *workshop* di situ, ada pertanian, kita adakan pertanian, yang membuat *furniture*, kita boleh jadikan mereka ini membuat *furniture* dan berbagai-bagai-bagai lagi kita adakan di situ.

Kalau perlu kita adakan juga pasang kereta pun boleh buat di situ. Akhirnya mereka akan mempunyai ilmu pengetahuan. Itulah modal insan kita juga dari segi itu. Jadi kalau kita dapat melakukan ini, maka tidak ada lagi penagih dadah yang duduk di pusat serenti kerana tutup sahaja pusat serenti. Kita adakan satu pusat sahaja yang menampung semua penagih dadah dan dalam masa yang terdekat saya yakin mereka ini akan bertukar dan tidak lagi dan semua yang menagih dadah kita hantar ke sana, mereka akan berubah. Itulah modal insan yang hendak kita bina.

Saya berpendapat ini adalah satu cara yang terbaik untuk kita mengatasinya, bukan di pusat serenti pun kadang-kadang ada dadah masuk ke pusat serenti pun ada. Jadi kalau satu perkampungan, satu pulau kah, kampung kah, kita panggillah kampung serenti, kalau kita hendak itu dan tidak ada lagi..., masuk ke sana dia akan bertukar menjadi anak-anak yang berilmu. Kita beri dia jadi modal insan kita. Anak-anak penagih dadah juga boleh kita jadikan dia berilmu kalau kita rancang perkara ini dengan baik.

Jadi kalau kita biarkan ini, apabila dia menagih dadah, kita hantar pusat serenti, dia keluar dan dari pusat serenti, dia menagih lagi tetapi kalau ke sana kita adakan pekerjaan kepada mereka, dilatih dalam berbagai-bagai-bagai bidang dan akhirnya mereka keluar, mereka boleh bekerja dan tidak lagi menghisap dadah.

Itu perkara yang amat penting kepada kita, modal insan ini perlu di kalangan anak-anak muda kerana mereka inilah yang akan menjadi pemimpin negara dan di dalam kesihatan juga kita lihat dalam dua perkara di sini, 32 dan 33, Yang di-Pertuan Agong menyentuh tentang kesihatan dan kita haruslah sihat penglihatan, moral dan fizikal, rohani dan fizikal.

Perkara ini juga disentuh juga tentang kesihatan alam sekitar. Kalau kita biarkan alam sekitar kita dicemari oleh berbagai-bagai hal seperti mana yang berlaku baru-baru ini di Hulu Klang, semua tanah runtuh, rumah runtuh, semua itu alam sekitar yang tidak dipelihara kerana kita tahu bahawa bukit itu adalah kalau dalam bahasa kita yang memahami tentang budaya kita, kita panggil bukit dan gunung ialah tunggak yang mempertahankan negara kita, dia macam boleh tahan. Kalau tidak ada bukit semua runtuh, tanah kita habis.

Jadi bukit telah runtuh, apa telah jadi, dengan rumah-rumah sekali hanyut dan tanah itu hanyut masuk ke sungai dan sungai pula ini dan terjadilah banjir-banjir kilat berlaku. Jadi oleh kerana itu alam sekitar juga amat penting kita memeliharanya kerana ia merupakan satu daripada pembangunan negara dan ia juga adalah terlibat dalam hal-hal yang bersangkutan dengan kesihatan.

Oleh kerana itu perkara yang seterusnya ialah tentang polis di negara kita kerana banyak jenayah, maka itu anak-anak kita juga bolehlah menjadi Rakan Cop kerana Rakan Cop ini dapat

membantu di mana sahaja ada terlibatnya jenayah, maka mereka akan terus menjadi kakitangan kerajaan atau polis untuk menyampaikan maklumat-maklumat berlaku di kampung masing-masing.

Seterusnya mengenai rasuah, seperti mana yang kita semua sedia maklum kita telah menubuhkan Suruhanjaya Rasuah Malaysia. Ini merupakan satu daripada perkara yang amat penting di dalam negara kita kerana kita hendaklah menghapuskan rasuah kerana rasuah boleh menghancurkan sesebuah negara, kerana rasuah itulah yang akan membawa kita kepada keruntuhan moral, akhlak dan sebagainya.

Hanya dapat di atasi rasuah ini ialah dengan memperkukuhkan diri kita berpegang kepada agama kerana semua agama mengajar kita menjadi baik, tidak ada agama suruh buat jahat terutama sekali agama Islam melarang kita melakukan sesuatu yang tidak baik. Jadi oleh kerana itu rasuah itu adalah bertentangan dengan nilai kerana setiap yang kita makan daripada wang rasuah itu mengalir dalam tubuh badan kita dan darah yang mengalir itu akan turun kepada anak-anak kita dan anak kita akan turun kepada cucu-cicit kita dan seluruh keluarga kita adalah darah yang mengalir di dalam tubuhnya yang kita makan itu adalah darah yang haram.

Dalam Islam haram kita memakan wang rasuah. Jadi oleh kerana itu kita hendaklah menghindarkan rasuah ini daripada berlaku kepada keluarga kita ataupun sahabat kita, kawan kita dan kita hendaklah melihat ini sebagai satu yang sangat penting kita perang rasuah. Sebab itu kerajaan telah mengumumkan kita perang rasuah habis-habisan. Jadi perang ini maksudnya kita tidak boleh melakukannya kerana apabila perang tentulah kita boleh bunuh dan lima perkara-perkara seperti ini hendaklah kita lihat.

Akhir sekali, tadi kita telah lihat semuanya telah pun di itu..., kita lihat akhir sekali ialah perkara yang saya ingin sentuh. Baru-baru ini kita lihat bagaimana hubungan kita dengan luar negara. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melawat negara-negara seperti Kemboja, Laos, Kuwait dan sebagainya untuk menjalinkan hubungan mesra dengan negara-negara jiran untuk tujuan menjadikan negara-negara ini bersahabat dengan kita supaya tidak bertentangan di antara rantau supaya dapat kita menjalankan ekonomi kita di seluruh negara terutamanya di negara-negara ASEAN supaya kita dapat berhubung dan juga berniaga di antara satu sama lain.

Jadi ini adalah satu usaha yang sangat baik kalau kita lihat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membawa satu daripada usaha untuk menjadikan negara ini bersahabat di seluruhnya. Kita jangan cari musuh tetapi kita cari sahabat, kawan, kerana kawan itu dapat memajukan negara kita.

Jadi akhir sekali ialah mengenai perubahan kuasa yang juga disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kita semua tahu, kepada semua sebelum itu, isteri Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberikan kita nasihat, pandangan bahawa ingin meninggalkan sekali lagi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menunjukkan perilaku terpuji dalam di Dewan yang mulia ini.

Jadi bererti Dewan yang mulia ini Dewan Negara dan Dewan Rakyat, perilaku yang terpuji telah pun diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi sebelum saya dan ini adalah merupakan pesanan dan juga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong amat prihatin tentang apa yang berlaku di dalam Dewan Rakyat khususnya sentiasa menggunakan bahasa-bahasa yang boleh mencemarkan nama baik kita. Kita selalu tengok di negara-negara lain dalam Parlimen berbagai-bagai janganlah kita ikut mereka.

Kita adalah sebuah negara yang istimewa kerana kita mempunyai berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang keturunan, berbilang agama, berbilang budaya tetapi kita masih boleh hidup dalam keadaan yang aman damai, makmur. Maka kita hendaklah pelihara itu, jangan menggunakan bahasa-bahasa yang boleh memperkecilkan hati rakan-rakan kita dan kaum-kaum yang lain. Kita hendaklah bersahabat dan bersaudara walaupun kita berlainan pandangan, berlainan pendapat, berlainan ideologi politik tetapi kita hendaklah rakyat Malaysia mestilah bersatu padu. Dengan adanya perpaduan rakyat ini, kita dapat meneruskan perjuangan kita kerana kita hendaklah memikirkan masa depan anak-anak cucu kita. Hari ini kita barangkali kita sudah mewah. Kita sudah berada dalam keadaan yang cukup mewah dan senang-lenang tapi bolehkan kita jamin 50 tahun lagi anak-anak kita akan terus merasai nikmat yang ada hari ini kalau kita hari ini bergaduh, bertengkar, berperang di antara satu sama lain dan kita mempersoalkan tentang Raja, mempersoalkan tentang kaum, mempersoalkan hak-hak istimewa dan sebagainya. Ini sepatutnya kita duduk bersama dan berbincang.

#### ■1510

Tujuannya kita mengadakan Parlimen ini. Saya baru-baru ini telah membuat sebuah filem bernama Parlimen Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan sudah pun diedarkan dan saya harap barangkali kementerian dapat mengedarkan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya melihat tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen dan fungsi Parlimen itu telah saya buat. Filem itu saya buat dan telah pun diedarkan dan saya harap mereka akan menonton filem dokumentari itu mengenai Parlimen Malaysia. Bermula ditubuhkan sehinggalah hari ini, apakah fungsi Parlimen. Ini penting. Jadi, Parlimen bukannya untuk kita datang bergaduh. Parlimen ialah untuk kita memberikan pandangan, cadangan dan saranan. Walaupun datang daripada pihak pembangkang, tetapi pembangkang juga bertanggungjawab kepada negara ini. Bukan memecahbelahkan. Bukannya Parlimen dijadikan tempat *birthday party*, dengan izin. Bukan Parlimen untuk dijadikan tempat yang mereka datang berdemonstrasi.

Parlimen untuk kita berbincang dan untuk kita duduk bersama memberi pandangan, cadangan dan saranan walaupun datang daripada pihak pembangkang ataupun pihak kerajaan. Inilah tugas dan fungsi Parlimen. Saya telah dipertanggungjawabkan membuat filem itu, telah pun siap dan telah pun diedarkan dan saya harap mereka akan dapat melihat fungsi Parlimen.

Filem kedua yang sedang saya rancang ialah Sosial Kontrak dan insya-Allah akan siap dalam masa terdekat. Filem itu juga akan memberikan gambaran kepada kita apakah sebenarnya

yang berlaku dalam Sosial Kontrak semasa Tunku Abdul Rahman berbincang dengan Tan Cheng Lock dan V T Sambanthan pada ketika itu. Pada ketika itu kita telah berbincang dan itu akan kita jadikan satu filem dokumentari supaya anak-anak muda memahami dan juga pihak-pihak yang bertentangan.

Hari ini kita lihat pihak-pihak pembangkang ada juga yang baik. Bukan semua yang tidak baik. Ada yang baik dan ada juga yang tidak baik. Jadi mari kita buat semuanya kalau boleh biarlah yang baik semua. Barulah kita menuju kepada satu negara yang bersatu padu.

Untuk itu maka saya dengan ini akan mengakhirinya apabila kita semua sedia maklum bahawa Perdana Menteri kita dan di dalam ini pun ada diumumkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perubahan kuasa akan berlaku. Perdana Menteri akan menyerahkan kuasa kepada Timbalannya yang akan menjadi Perdana Menteri. Dalam masa terdekat ini juga telah pun disuarakan dan kita semua telah pun membaca akhbar dan juga berita bahawa pada 2 hari bulan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan bertemu dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menyampaikan hasratnya untuk menyerahkan kuasa kepada Timbalannya yang akan meneruskan perjuangan sebagai Perdana Menteri.

Insya-Allah kita semua akan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi. Hendaklah kita menyokong siapa yang telah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bersetuju ini. Maka, itu adalah merupakan satu yang perlu kita ambil kira dan kita hendaklah memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang akan menjadi Perdana Menteri yang keenam. Insya-Allah, ini semua akan berlaku dalam masa yang terdekat. Maka dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, Datuk Akbar bin Ali.

**3.15 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjunjung kasih turut membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun disampaikan pada 16 Februari lalu. Saya dapati 45 para yang terkandung dalam ucapan baginda amat padat, mantap dan meliputi semua lapisan rakyat yang muda, belia, OKU dan sebagainya. Ia juga merangkumi semua bidang ekonomi sama ada pelancongan, pertanian dan lain-lain serta merentasi dalam dan luar negara.

Sebelum saya meneruskan perbahasan ini, dengan rendah diri saya menyusun jari memohon maaf kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekiranya terlanjur kata dan terkasar bahasa.

*Pergi ke kota membeli suasa,  
Suasa dari Kuala Sedeli;  
Terlangsung kata terkasar bahasa,  
Menyusun jari menjunjung Duli.*

Sebelum saya teruskan perbahasan ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada semua sahabat saya di dalam Dewan ini yang telah pun berjaya di dalam pemilihan yang baru-baru ini yang diadakan semasa Mesyuarat Agung UMNO pada minggu lepas. Kita nampak pasukan wanita begitu berjaya dan syabas. Bagi sahabat baik kita Datuk Wira Syed Ali dan Tan Sri Jins, seperti mana yang dikatakan oleh Datuk Seri Mohd Ali, 'hari belum kiamat' dan meminjam filem Tan Sri, saya ubah sikit, *Esok Masih Ada*.

Bagi perkara yang agak kecil tapi penting bagi saya, sebelum saya pergi mungkin kepada perkara yang lebih besar, saya mohonlah pada pegawai-pegawai kerajaan yang menulis jawapan bertulis bagi jawapan lisan yang tidak sempat dibangkitkan, tolonglah menulis jawapan dengan lebih bernas lagi seperti sesetengah jawapan yang saya terima, kerana demi menjaga nama baik Menteri tuan-tuan dan puan-puan dan juga menjaga nama baik pegawai yang menyediakannya. Jadi haruslah jawapan itu cukup bernas dan mantap. Kalau tidak dia boleh memberikan tafsiran seolah-olah ia hanya melepaskan batuk di tangga.

Kita harapkan, tolonglah jangan *underrate* kami kerana di dalam Dewan ini sekurang-kurangnya kita ada dua profesor, kita ada *lawyer* dan kita ada doktor. Bagi mereka yang mungkin tidak ada *degree* atau ijazah berjela-jela tetapi pengalamannya cukup luas. Macam Tan Sri Jins, Dato' Abdul Rashid bin Ngah. Ini semua orang yang berpengalaman dan mengharapkan jawapan yang cukup baik daripada Menteri.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya ganggu?

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya cukup hormat Dato'.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih. Disebabkan dia sebut nama saya, saya bangun. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, daripada apa Yang Berhormat terangkan tadi, adakah ini bermakna jawapan-jawapan bertulis yang disampaikan kepada kita tidak terlebih dahulu diedit oleh Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan. Kalau sudah diedit, maksudnya tanggungjawab yang terakhir terletak pada menteri atau timbalan menteri. Pohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Saya berpegang kepada pendirian Roosevelt, *the bucks stop here*. So, kalau Menteri itu berpegang kepada prinsip yang sama, saya rasa saya berkongsi semangat Dato' lah. Namun, saya rasa untuk berlaku adil kepada menteri berkenaan, mungkin Menteri berkenaan terlalu sibuk, satu. Yang kedua Menteri berkenaan mungkin menyimpan harapan yang tinggi dan keyakinan yang cukup mantap terhadap pegawainya. Jadi demi menjaga keyakinan tersebut dan demi menjaga nama baik Menteri berkenaan, sama-samalah melaksanakan tugas masing-masing sebaik mungkin.

#### ■ 1520

Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak perkara yang dibincangkan dan telah diulang-ulang antara lain ialah berkenaan perpaduan negara. Saya rasa inilah teras kehidupan di Malaysia. Seri

Paduka Baginda telah melahirkan rasa dukacita tentang api perkauman yang ditiupkan oleh pihak-pihak tertentu. Kita tahu dan saya juga sedar, *I'm risking*, dengan izin, *...of repeating the same thing*, tetapi izinkan saya juga melahirkan *frustration* berkenaan perkara yang sama berkongsi dengan kawan-kawan yang lain.

Kita semua sedar bahawa api perkauman ini boleh merosakkan perpaduan yang menjadi paksi kemakmuran negara, yang menjadi tiang seri kepada keselamatan negara. Namun kita tidak faham kenapa masih ramai juga mahu meniupkan api kemarahan ini yang akhirnya terbakar kita semua. Jadi kita haraplah api perkauman ini sebelum bersemarak, dapat dipadamkan dengan segera. Kita sedar ia tidak semudah yang diperkatakan kerana polarisasi kaum nampaknya semakin ketara sama ada di universiti, di IPT, sama ada di tempat kerja bahkan minta maaf kalau saya kata di kafeteria Dewan Negara ini pun kita boleh lihat polarisasi.

Mungkin perumpamaan bahasa Inggeris ini masih *valid* lagi, dengan izin, apa yang dikatakan *the ornithological specimen of congruent plumage congregate in close proximity*. Jadi nampaknya perumpamaan bahasa Inggeris ini masih lagi dapat kita lihat manifestasinya di Malaysia. Kalau perumpamaan Melayu yang hampir sama dengan perumpamaan ini saya rasa, *air sama air, sampah ke tepi juga*. Saya jangka dan ramai orang jangka, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cukup sedar dan insaf tentang perkara ini. Itu sebab antara lain awal-awal lagi beliau telah pun mencipta ataupun mereka satu ungkapan, boleh jadi satu slogan yang diharap dapat mengikat semua rakyat Malaysia. Apa yang beliau panggil Satu Malaysia atau *One Malaysia*. Dengan harapan semua kaum dapat berfikir walaupun dalam budaya yang berlainan sebagai satu bangsa, bangsa Malaysia.

Diharap walaupun kita berlainan tradisi tetapi boleh berkongsi satu jiwa macam Dato' Gooi pernah bercakap pagi ini. Walaupun kita tidur berlainan bantal tetapi kita boleh berkongsi mimpi yang sama. Walaupun kita berlainan tangkai tetapi mungkin kita mempunyai bau wangi yang sama. Jadi kalau boleh saya ulangi apa yang telah saya katakan pada 11 Disember lalu bahawa sekarang sudah nampaknya hampir apabila sudah dicipta *One Malaysia*. Maka apakah salahnya kita angkat ke tahap setingkat lagi lebih tinggi dengan merangka satu dasar induk dan ianya cukup dekat dengan hati saya dan kalau ada peluang saya akan terus kemukakan dan ketengahkan perkara ini.

Hari ini, petang ini, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sudah sampai masanya Malaysia dengan adanya *One Malaysia* ini kita merangka apa yang dipanggil *mother policy*, dengan izin ataupun dasar induk negara. Kalau saya boleh imbas kembali pada bulan Disember lalu, saya katakan Singapura, Israel, Switzerland mempunyai pelan induk atau dasar induk negara dan dasar induk negara mereka berpaksikan keselamatan negara. Semua dasar, semua tindakan selari dengan dasar induk itu. Bagi Malaysia, antara *total security* dengan perpaduan negara, mungkin perpaduan negara mengambil presiden yang lebih tinggi berbanding dengan *total security* kerana keselamatan kita sendiri berpaksikan perpaduan negara.

Jadi seperti apa yang dikatakan oleh Dato' Gooi pagi tadi tentang perlunya mengajar Perlembagaan Malaysia di peringkat rendah lagi, memang saya sokong kerana perkara yang sama telah saya timbulkan pada 11 Disember lalu. Saya juga turut mencadangkan supaya Sejarah kalau masa saya dulu Tuan Yang di-Pertua ialah Tawarikh, diajar di sekolah supaya kita kenal siapa kita, siapa negara kita. Dengan adanya dasar induk ini, sama seperti Perlembagaan Malaysia di mana semua undang-undang mesti selari dengan Perlembagaan Malaysia dan mana-mana yang tidak selari setakat yang ia tidak selari itu adalah terbatal.

Maka dengan adanya *mother policy* ini, maka semua dasar sama ada dasar ekonomi, dasar pelajaran, termasuklah yang kita tengah rancak bincangkan ini, PPSMI, *medium of instruction*, dasar guna tenaga, dasar saing yang kadang-kadang dijadikan topeng untuk mengukuhkan satu-satu *argument* dan begitu juga *affirmative policy*. Semua ini mestilah selari dengan dasar induk tadi. Saya sedar bahawa perkara sebesar ini tidak boleh diselesaikan oleh Dewan Negara yang mulia ini dalam masa sehari ataupun setengah jam. Saya ingin cadangkan dan saya harap perkara ini ditulis betul-betul supaya Menteri yang berkenaan akan menjawab, memberi respons tidak seperti bulan Disember lalu, perkara yang sepeenting ini tidak pun disentuh oleh mana-mana Menteri.

Untuk mengupas isu yang sebesar ini, saya harap dapat ditubuhkan satu majlis ala Majlis Perundingan Negara seperti yang wujud selepas pasca 1969 dulu. Dengan dada yang lapang, dengan otak yang dingin, kita yakin suatu yang baik akan dapat dihasilkan. Buat masa terdekat, saya haraplah suatu yang lebih mudah dapat dilaksanakan. Contohnya kalau boleh dimulakan dengan Menteri-menteri sendiri Tuan Yang di-Pertua, contohnya Menteri Pelajaran, sekiranya dia hendak meluluskan peruntukan bagi sekolah Cina. Oleh sebab Menteri Pelajaran itu sekarang Melayu, maka dia yang mengumumkan peruntukan untuk sekolah Cina itu. Bukan sekarang, kalau sekolah Cina, Timbalan Menteri Cina yang mengumumkan. Timbalan Menteri Cina pula boleh mengumumkan peruntukan untuk sekolah Melayu.

Jadi kita kena buat sesuatu yang lain daripada yang biasa dibuat supaya ia tidak dilihat masih lagi berasaskan perkauman. Begitu juga tanpa menyeru orang lain, mungkin kita dalam UMNO dan Barisan, mungkin perlu memperbanyakkan aktiviti di mana lebih banyak interaksi antara orang UMNO, orang MCA, PPP, MIC dan sebagainya di peringkat bahagian dan di peringkat cawangan. Dengan harapan ini, maka akan wujud pula satu platform di mana melalui NGO dan sebagainya, maka kawan kita dari PAS, dari PKR akan dapat *converge*, dengan izin, akan dapat bersama di mana apa yang dikatakan, se padang sepermainan, seperigi sepermandian, se dulang se pinggan. Dengan adanya usaha-usaha seperti ini maka kita haraplah perpaduan itu akan lebih mudah diwujudkan.

Sebagai salah satu pra syarat untuk mewujudkan perpaduan untuk memastikan *the CSF*, dengan izin, *critical success factor*. Untuk memastikan ia lebih mudah dicapai, maka pra syaratnya ialah kesamarataan. Terdapat aspirasi rakyat sekarang yang mahukan kesamarataan.

## ■1530

Mungkin kefahaman berbeza-beza. Apa itu sama rata? Akan tetapi hendak mudah kalau Tuan Yang di-Pertua ada seorang isteri saya juga dapat seorang isteri dan Tuan Yang di-Pertua juga dapat seorang isteri. Jadi satu untuk aku, satu untuk engkau, dua untuk aku, dua untuk Datuk Abdul Rahman macam dalam cerita Nujum Pak Belalang. Kalau inilah yang dimaksudkan maka semua rakyat 28 juta di Malaysia ini akan dapat agihan dan faedah tersebut. Di kalangan 28 juta ini, 67% rakyat ya bukan penduduk saya cakap rakyat. 67% atau *to be exact* 66.6% adalah Melayu, 26% Cina dan 27% adalah India.

Ini bermakna dalam konteks 100 maka kita hendaklah agihkan supaya adil. Berdasar komposisi ras ini 67% dibahagi kepada Melayu, 26% kepada Cina dan tujuh peratus kepada India dan inilah yang telah pun diminta oleh orang India, betul? Inilah yang menjadi aspirasi rakyat. Jadi saya rasa benda ini sudah dibuat dan cuma perlu ditegaskan sahaja dan dia mesti dipahatkan di dalam dasar induk ini. Kini mestilah menjadi prinsip salah satu prinsip dalam dasar induk yang berteraskan perpaduan tadi.

Untuk menjayakan pula kesamarataan itu salah satu pra syaratnya ialah padang permainan yang sama rata, *the level playing field*. Itu adalah salah satu pra syarat CSF untuk menjayakan kesamarataan. Kita tidak boleh sama rata dahulu sebelum padang itu rata terlebih dahulu. Kita kena duduk dahulu sebelum berlunjur. Yang demikian dengan duduk dahulu sebelum berlunjur, dengan meratakan padang permainan apa yang kita maksudkan. Kalau seseorang itu berlari dengan 30 kilometer sejam dan seorang lagi berlari 100 kilometer sejam atau 100 meter sejam.

Oh! Tidak boleh terlalu *racing*. Katakanlah dengan mudah 30 kilometer membawa keretalah sejam dan seorang lagi bawa 100 kilometer sejam keretanya, kita bukan mahukan yang 100 kilometer sejam itu memperlahankan keretanya. Kita mahu bantu yang membawa kereta 30 kilometer sejam itu lebih cepat. Ini memerlukan langkah yang drastik dan dia memerlukan apa yang dipanggil mudah cakap mungkin susah buat, BOS atau *the blue ocean strategy*. Ini bermakna kumpulan yang tertinggal ini tanpa mengira kaum kita mesti membina upaya dia, kita bina kompetensi dia, kita bina kemahirannya dan kita mesti asuh keusahawanannya.

Ini bermakna selaras dengan dasar perpaduan tadi kita mesti ada *affirmative policy*, dengan izin, yang mana mestilah membantu yang lemah dan miskin ini tanpa mengira kaum. Ini bermakna kita bukan menjadi Robin Hood. Bukan satu lesen untuk menjadi Robin Hood mencuri yang kaya dan memberikan kepada yang miskin. Kita harus dengar apa yang Reagan cakap saya ulang sekali lagi, "Kita tidak perlu membunuh orang kaya untuk menolong orang miskin" Ini bermakna semangat Dasar Ekonomi Baru yang terpahat di bawah Teras III Misi Nasional itu hendaklah diteruskan sehingga kita mencapai padang permainan yang sama rata.

Sesungguhnya walaupun dicemuh kita kena akui bahawa Dasar Ekonomi Baru ini telah dapat mengurangkan kemiskinan yang banyak yang sungguh ketara yang diakui oleh *World Bank* atau Bank Dunia. Daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.6% pada tahun 2007 dan Dasar

Ekonomi Baru tidak menyekat pertumbuhan ekonomi. Setiap sepuluh dekad daripada 1970 kadar pertumbuhan ekonomi tidak pernah secara purata bawah lima peratus dan ada *single year* tahun yang bersendirian mencapai 9% dan mencecah 10%. So, kita tidak boleh gunakan argumen dasar ekonomi baru boleh menyekat daya saing, boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi seperti yang pernah di *argue* oleh setengah pihak.

Pendapatan semua kaum meningkat. Jadi di sini *the next move*, langkah seterusnya kita ialah mesti menghapuskan kemiskinan dan merapatkan jurang ketidakseimbangan. Sekali lagi kita harus akui bahawa kerajaan berjaya dan kita harus puji kejayaan tersebut. Tadi saya katakan bahawa kadar kemiskinan telah jatuh dengan ketaranya daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.6% pada tahun 2007. Bagi tempoh 1995 – 2007 pendapatan orang Melayu meningkat 97%. Pendapatan orang Cina meningkat 68% manakala pendapatan orang India, 78%.

Kalau kita lihat daripada kenaikan peratus ini, ini menunjukkan bahawa dasar ini cukup betul dari segi dasar dan pelaksanaannya. Ini kerana orang yang miskin peratus kenaikan dia lebih pantas daripada yang kaya. Ada 97% orang Melayu, 78% orang India namun yang paling kaya kaum Cina pendapatannya tidak ditarik, dituntun ke belakang. Pendapatannya juga meningkat pada kadar yang cukup baik 68%. Ini bermakna apabila orang yang kaya ini dia terus ke depan tetapi oleh kerana *speed* orang yang miskin ini lebih pantas maka jurang itu akan menjadi lebih rapat lagi.

Namun begitu dengan izin, *we have to fight the bullets*. Kita mesti menerima dan mengakui kenyataan. Apa kenyataannya? Kenyataannya ialah kadar kemiskinan orang Melayu dua kali ganda lebih tinggi daripada kadar kemiskinan orang India pada tahun 2007. Kadar kemiskinan orang Melayu lapan kali ganda lebih tinggi daripada kadar kemiskinan orang Cina. Bilangan isi rumah orang Melayu yang miskin 21 kali ganda daripada bilangan kemiskinan bilangan isi rumah miskin orang Cina. Bilangan isi rumah orang miskin Melayu 15 kali ganda dari bilangan isi rumah miskin orang India.

Ini adalah realiti. Jadi kemiskinan ini mestilah dihapuskan. Kalau tidak kesamarataan tidak akan dicapai. Lebih-lebih lagi pendapatan isi rumah orang Melayu adalah 65% lebih rendah daripada pendapatan isi rumah orang Cina. Bermakna kalau pendapatan isi rumah orang Cina RM100 pendapatan isi rumah orang Melayu RM60 sebulan dan 83% daripada pendapatan orang India. Begitu juga ketidakseimbangan ekuiti dan pemilikan aset. Bukan sahaja orang Melayu tetapi juga orang India.

Orang Melayu memiliki ekuiti 19.4% manakala orang India hanyalah 1.1% dan orang Cina kawan kita lebih bernasib baik tetapi kita tidak perlu iri hati adalah 42.4%. Manakala pemilikan aset orang Melayu hanyalah 15% dan orang India 3.8% dan orang Cina 76.1%. Jadi sekali lagi saya hendak katakan kita tidak boleh iri hati dengan mana-mana kaum. Silakan.

#### ■1540

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya mohon Yang Berhormat yang berucap kalau boleh bagilah angka daripada

bumiputera Sarawak juga dan Sabah juga. Kadang-kadang istilah Melayu itu adakah ia merangkumi Melayu di Sarawak dan juga peribumi yang lain seperti Iban, Kadayan, Dusun, Kenyah, Kelabit, Melanau, Bidayah macam-macam. Saya rasalah kalau boleh Yang Berhormat bagi angka yang menyeluruh seluruh Malaysia supaya tidak ada perasaan yang terpinggir. Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Okey. Terima kasih di atas ingatan itu Yang Berhormat. Silap saya. Kalau bahasa Inggeris kata, *slip of the tongue, not slip of the mind*. Sebenarnya apabila saya kata Melayu itu dalam buku ini maksudnya bumiputera. Kalau dikatakan 15% itu ialah bumiputera....

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Angka ini angka rasmi. So lain kali kalau saya tercakup Melayu maksudnya bumiputeralah, merangkumi. Seterusnya, tadi saya sudah kata pemilikan aset dan ekuiti. Saya tidak boleh cakap dan ia melanggar apa yang saya sarankan kalau saya cakap hanya untuk bumiputera. Orang India itu juga tadi yang masih rendah harus juga diberikan perhatian. Seterusnya, saya mohonlah kepada kerajaan bilangan miskin tegar hanyalah 38,400 isi rumah.

Mengapalah kita hendak tunggu sehingga tahun 2010 untuk menghapuskannya. Pada saya ia cukup mudah dibuat. Ini kerana ia sudah pun dibuat di Melaka. Cukup mudah kalau kita lihat secara pragmatis 38,400 ini kita boleh bagikan kepada dua kumpulan. *Economically productive* dengan izin, dan *economically not productive*. *Economically not productive* ini masih lagi boleh melahirkan anak itu sebabnya saya katakan *economically productive*. Jadi bagi mereka yang *economically not productive* ini biasanya terdiri daripada OKU dan juga terdiri daripada warga emas. Kalau mereka ini memang sudah tidak mampu bekerja kita bagikan sumbangan *cash*. Tidak ada pilihan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Apa yang susahinya? Tidak banyak, saya sudah kira sudah *not much*. Manakala baki tadi yang *economically productive* kita carikan kerja dan bagi dia gaji. Jadi dia tidak malu untuk dapat bantuan secara percuma. Ini kita sudah buat di Melaka termasuk membersihkan balai raya serta membersihkan masjid. Ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Menteri dan kita atasi ini. Jadi saya tidak nampak mengapa perlu tunggu sehingga tahun 2010 termasuk hendak membantu orang miskin tegar di kalangan Orang Asli.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Yang Berhormat minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Osman.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya amat tertarik terhadap hujah-hujah Yang Berhormat. Saya ingat selepas Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Ali Rustam, saya ingat ada penggantinya ada pelapis akan datang. Yang Berhormat saya memang rasa apabila sebut tentang perbezaan kaum tadi dari segi ekuiti. Nampaknya mungkin Yang Berhormat terlepas pandang sikit tentang Orang Asli ini. Kita ini sekampung, serumpun sebudaya.

Bak kata orang cubit paha kiri, paha kanan terasa. Jadi saya melihat tadi jurang kemiskinan memang jelas di kalangan masyarakat antara Melayu, Cina, India dan juga kaum yang

kita lihat majoriti di Sabah dan Sarawak. Saya rasa kita sama-sama berjuang untuk melihat sepertimana Yang Berhormat kata hendak menyediakan platform yang sama rata. Kalau kaya sama-sama kaya dan miskin sama-sama miskin. Akan tetapi saya rasa ini tidak mungkin. Jadi bagaimanakah cara kita hendak menghapuskan jurang perbezaan antara kaum-kaum yang tersebut seperti Yang Berhormat nyatakan tadi? Adakah kerajaan gagal dalam memperjuangkan rakyat terutama kaum-kaum minoriti? Pertama Orang Asli, penduduknya tidak ramai Yang Berhormat. Di Malaysia ini lebih kurang 141,000 seluruh Semenanjung.

Akan tetapi kemiskinan tegar hampir mencecah 50% dan kemiskinan keseluruhan akibat kerajaan tidak dapat menangani harga barang yang lepas. Harga minyak naik barang naik tetapi harga minyak turun, barang tidak turun ia tetap begitu. Harga barang bukan barang Yang Berhormat. Saya melihat perbezaan inilah sehingga pada hari ini untuk makluman Dewan, apabila PGK itu paras kadar kemiskinan ini dikira balik, Orang Asli miskin 80%. Jadi pada pandangan Yang Berhormat pada hari ini saya tengok, kebijaksanaan Yang Berhormat begitu terserlah ada kewibawaan dia. Saya harap bolehkah Yang Berhormat berikan pandangan atau syor-syor yang amat bernas supaya kerajaan pada tahun 2010 sebagaimana yang dijanjikan tahun 2010 orang miskin tidak ada.

Miskin tegar kalau ada pun 10% hingga 20%. Begitu juga infrastruktur-infrastruktur yang ada di kampung yang punca pendapatan untuk keluar masuk harga barang-barang yang masih lagi hampir 50%, 30% masih tidak dapat ditunaikan. Janji pilihan raya bukan main hebat lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat pun turun padang kampung Orang Asli berjanji begitu begini, saya tahu. Akan tetapi kadang-kadang janji serba janji. Yang Berhormat bila nanti Orang Asli cakup datang kampung saya bukan main hebat lagi. Akan tetapi datang kali kedua tidak dapat tengok pula kata dia, elektrik tidak ada waktu malam. Dia terpaksa hendak tengok bulan juga.

Jadi kita tidak hendak macam itu Yang Berhormat dapat memberi cadangan yang baik supaya Orang Asli kaum minoriti yang mana terutama kemudahan elektrik yang ada berserta dengan bajet tambahan yang disediakan oleh kerajaan ini dapat difikirkan bagaimana. Ini supaya tahun 2010 semua kaum yang ada di Malaysia ini elektriknya cukup menggunakan solar. Kalau menggunakan grid yang begitu mahal tetapi boleh gunakan solar Yang Berhormat. Saya sudah cakap sudah kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, apa salahnya bekalkan solar di kampung-kampung di kawasan pedalaman?

Tidak payahlah hendak ambil minyak daripada daratan hendak naik bot jauh-jauh. Harga di daratan satu liter lebih kurang RM1.70 sampai di sana harganya sampai RM3 ke RM4 seliter. So inilah yang saya lihat peranan Yang Berhormat di Dewan ini yang terserlah dapat memberi hujah-hujah dan juga memberi pandangan kepada kerajaan agar tahun 2010 perkara ini dapat diselesaikan sebaik mungkin. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat, boleh saya tahu berapa lama lagi Yang Berhormat?

**Datuk Akbar bin Ali:** Sepuluh muka surat dari segi nota bukan *speech*. Jadi sekarang saya baru habis muka surat tiga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini kerana kita cuma ada satu lagi hari esok untuk membolehkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya meminta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya hanya menyentuh perkara-perkara yang perlu hendak kita tekankan atau berikan tumpuan. Kalau sudah di bahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, kalau perkara itu sama mungkin kita tidak perlu mengulanginya lagi. Silakan.

■1550

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih atas nasihat Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sebahagian daripada jawapan kepada soalan Yang Berhormat ada dalam nota saya yang saya sediakan ini. Supaya saya tidak *repeat*, nanti saya jawab dalam susunan teks hari ini.

Satu lagi, kalau kita serius hendak membantu orang miskin termasuk Orang Asli, ialah membina rumah untuk mereka dan kita akui memang kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk membina 25 ribu buah rumah untuk orang miskin. Kita berterima kasih, tidak patut kita tidak menghargai apa yang dilakukan ini tetapi apa yang hendak saya tegaskan, 25 ribu ini dalam konteks *the bigger picture*, ia hanyalah lebih kurang 12% daripada keseluruhan isi rumah miskin.

Ini yang hendak saya katakan nanti ialah sejauh mana kita mengubah dasar adalah betul-betul *poor-centric* atau *rich-buyers* ataupun *poor-buyers*. Ini akan dapat menjawab secara langsung atau tidak langsung rintihan Yang Berhormat. Saya sarankan, kita kena tingkatkan komitmen untuk membantu orang miskin di bidang perumahan ini dengan menambah 25 ribu ini yang hanya sekadar 12%. Apa hendak jadi dengan 88% lagi?

Soalan akan timbul di mana hendak cari wang. Saya setuju. Semua boleh rancang, semua boleh syor tetapi isunya *implementability*, dengan izin, dan *implementability* itu antara lain yang menjadi kekangan adalah kewangan. Insya-Allah saya akan carikan lebih kurang RM1.6 billion daripada duit yang ada ini, cuma dia hanya perlu *reallocate* sahaja. Saya harap saya akan dapat menunaikan tanggungjawab itu.

Seterusnya, apa yang patut dibuat sekarang ialah pada hemah saya, dasar yang membantu orang susah ini, orang miskin cukup bagus cuma ia perlu diperbaiki dan ditingkatkan lagi. Begitu jelas supaya dia benar-benar *poor-buyers* atau *poor-centric*, dengan izin. Kita harus ingat kemakmuran sesebuah negara tidak akan bertahan lama kalau kita terus mengutamakan orang kaya. Ini realiti. Kita harap, sumber yang sedikit ini kita jangan terus lakukan tersalah mengalokasikannya, *misallocation of cash resources*, dengan izin.

Sehubungan dengan itu, saya merayu kepada EPU, kepada Kementerian Kewangan, kepada PEMUDA dan kepada Majlis Ekonomi Negara supaya lebih yang saya katakan tadi, mempunyai rasa dan perasaan jiwa orang miskin, *poor-buyers*. Kita mahu semangat DEB ini diteruskan dan tidak dijadikan sasaran untuk membunuhnya atas nama daya saing dan globalisasi kerana saya telah katakan tadi ekonomi masih mampu berkembang di bawah landskap atau pun DEB Architecture.

Sehubungan ini sebelum saya terlupa, saya ingin bertanya sekali lagi kerana saya telah timbulkan pada bulan Disember lalu, bagaimana seorang bukan warganegara Malaysia khususnya saya difahamkan rakyat Singapura, Tuan Yang di-Pertua, boleh berkhidmat di urus setia Majlis Ekonomi Negara. Tempat yang saya fikir begitu sensitif. Adakah rakyat Malaysia tidak mempunyai kepakaran yang dimiliki oleh bukan warganegara berkenaan. Saya tidak fikir..., saya rasa Profesor Datuk Dr. Ismail pun boleh buat saya rasa. Mungkin pihak kerajaan dapat menerangkan sesungguhnya perkhidmatan beliau itu diperlukan. Jadi kita boleh faham.

Now, bagaimana kita boleh save RM1.6 bilion tadi Yang Berhormat? Saya ambil contoh, baru-baru ini telah diumumkan sebanyak RM674 juta akan diperuntukkan untuk menangani kenaikan harga gula, tepung dan roti. Atas nama rakyat, atas nama orang miskin, sebanyak RM674 *million* ini diperuntukkan tetapi peratus orang miskin tidak sampai 4%. Sebanyak 96% adalah orang yang tidak miskin dan mereka turut dapat menikmati faedah ini termasuklah peniaga, usahawan, jutawan dan sebagainya.

Sekiranya kita hendak membantu hanya orang miskin, sekitar 209 ribu isi rumah dan sebahagian besar dari mereka ini telah pun mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sekiranya kita bagi lagi RM50 sebulan, maka kita akan dapat selamatkan RM662 juta. Saya sudah lihat *Household Expenditure Survey* atau HES, bagaimana secara purata perbelanjaan sesebuah isi rumah. RM50 ini dapat menampung dan meringankan beban isi rumah miskin.

Satu lagi, subsidi untuk nelayan dan telah diakui oleh Dato' Mustapha bahawa 80% diesel untuk nelayan dinikmati oleh 20% nelayan kaya. Sekiranya RM1 bilion subsidi diesel untuk nelayan ini diperuntukkan kepada masyarakat nelayan, bermakna RM800 juta nilai diesel di *expropriate* dengan izin, oleh 20% nelayan kaya. Ini bermakna, seorang nelayan kaya mendapat secara purata RM40 ribu seorang berbanding RM200 juta yang dapat dinikmati oleh nelayan miskin atau pun hanya RM2,500 seorang secara purata yang dapat turun ke kocek, masuk ke kocek nelayan tersebut. Itu pun kalau tidak berlaku ketirisan.

Satu lagi, daripada RM300 juta insentif tangkapan ikan, RM240 juta atau RM12 ribu seorang nelayan kaya mendapat daripada RM300 juta insentif ikan ini yang diperuntukkan kepada kaum nelayan dan hanya RM60 juta ataupun RM750 seorang nelayan miskin dapat. Kita lihat *gap*nya, jurangnya begitu luas antara RM12 ribu dengan RM750. Diesel tadi antara RM440 ribu dengan RM2,500.

Now, kita pergi kepada insentif ternakan pula. Jadi tadi, mula-mula kita sudah save atau selamatkan RM662 juta dan untuk nelayan tadi kita boleh selamatkan hampir RM800 juta. Ini sudah datang kira-kira RM1.6 *billion*. Mengenai insentif ternakan pula, ini berdasarkan angka sebenar Tuan Yang di-Pertua yang saya dapat daripada Melaka. Angka sebenar. Sehingga 19 Mac, sebanyak RM12 juta insentif ternakan telah diberi kepada penternak. Daripada RM12 juta ini, 94% pergi ke kocek penternak kaya. Hanya 6% yang dapat dinikmati oleh penternak miskin.

Sebagai contoh, seorang penternak ayam, dia dapat RM312,300.11 sebulan. Ini bersamaan 18 buah rumah PPRT, kalau buat rumah PPRT Orang Asli tetapi penternak kambing hanya dapat RM130.50 seorang sebulan.

#### ■1600

Ini cukup jelas bahawa yang salah ini bukannya orang lain Tuan Yang di-Pertua, yang salah ini kita, termasuk saya sebab kita yang meluluskan bajet ini. Jangan salahkan orang lain. Jadi dasar ini mesti diubah. Ia dirangka oleh pegawai kerajaan, tetapi kita yang meluluskan. Jadi kita juga bertanggungjawab, *and the buck must stop here*. Memburukkan lagi keadaan....

[Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** ...Memburukkan lagi keadaan dalam bidang ternakan ini ialah berlakunya ketirisan. Ketirisan dalam pembahagian minyak diesel di Besut dan di Kuala Perlis suatu yang merupakan rahsia umum, *an open secret*. Akan tetapi saya terperanjat kerana ini baru lagi, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali saya tahu, dalam pemberian insentif ternakan ini juga berlaku penipuan dan ketirisan dalam dua kaedah. Pertama, ternakan itu dijual dengan timbangan yang ditipu. Kalau 100kg, mungkin dikatakan 150kg dan tidak ada orang hendak tengok. Sebab dia jual 10,000 ekor ayam, 50,000 ekor ayam. Jadi ini adalah satu sumber untuk menipu. Kalau bahasa yang baik sedikit, ketirisan. Yang kedua, 'A' mempunyai ayam. Katalah, saya ataupun Datuk Wee pun sudah tidak ada. Saya jual 10,000 kepada Datuk Wira. Saya *claim* RM10,000 insentif ini. Datuk Wira bela ayam. Datuk Wira jual 50,000, campur 10,000 ayam yang saya jual ini.

Datuk Wira jual 60,000 ekor dan Datuk Wira juga *claim* insentif itu berdasarkan 60,000. Saya sudah *claim* berdasarkan 10,000. Inilah satu lagi punca ketirisan. Jadi tidak hairan kalau seorang penternak boleh menuntut sampai RM300,000 sebulan insentif sahaja. Kita haraplah Kementerian Pertanian dan Asas Tani melihat ini dan mungkin SPRM, kerana tidak boleh dilakukan oleh seorang *they must be working hand in the glove*. Mesti ada pakatan, tetapi bukan Pakatan itulah. Jadi saya harap benda ini dapat dilihat dan dikaji. So dalam keadaan sekarang kita boleh *extrapolate*, dengan izin, kita boleh *forecast*, kita boleh unjurkan bahawa jurang akan bertambah luas kerana kita membuktikan gunung dan mendalami lurah. Maka jurang itu akan bertambah besar dan ini terbukti berdasarkan angka yang dahulu pada tahun 1990, orang luar bandar memiliki RM1 tetapi orang bandar memiliki RM1.70. Akbar Ali ada RM1 orang luar bandar, Datuk Wira orang Cheras, orang bandar ada RM1.70. Pada tahun 2007, Akbar Ali masih ada lagi RM1 tetapi Datuk Wira sudah ada RM1.91 sen.

Jadi berdasarkan nisbah ini jurang bertambah luas. Maka kita tertanya-tanya, "*Baik budi mak si Randang, anak di pangkuan diletakkan, kera di hutan disusukan; dagang pergi awak terhutang, beras habis padi tidak jadi*". Jadi, salahkah kalau dikatakan kita bukan gagal merancang tetapi kita merancang untuk gagal. Kalau saya boleh petik dari satu ayat lain dalam bahasa Inggeris dengan izin, jika beginilah caranya kita akan menghala ke satu situasi ekonomi beberapa tahun akan datang. *Our economy will be badly affected, badly weaken, a consequence of greed*

*and irresponsibility on the part of some, but also our collective failure to make hard choices and prepare the nation for a new age.* Kesilapan itu, kesalahan itu, adalah kesalahan kita yang tamak, sebahagiannya kerana kita gagal untuk membuat keputusan yang sepatutnya kita buat tetapi kita mengelakkan diri daripada membuatnya. Kita *delay*, kita *delay* dan kita letak di bawah karpet. Sehubungan dengan ini, saya secara spesifik ingin menarik perhatian pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya ucapkan terima kasih kerana sebahagian pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat terutama di Melaka ada yang cemerlang. Namun sebahagian lagi saya rasa cukup memerlukan perubahan sikap. Harus sedar bahawa mereka berurusan dengan orang sakit, bukan orang sihat. Berurusan dengan warga emas, bukan orang muda. Berurusan dengan OKU, bukan dengan orang sihat. Bermakna mesti ada *urgency*. Mereka ini bukan fail-fail yang tidak bernyawa. Jadi pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat mesti ada *sense of urgency*. Saya cukup lemah apabila dengar '*tidak apa datuk, kalau tidak dapat bulan ini kita bagi bulan depan, kita bagi arrears*'. Sampai saya terpaksa bagi tahu mereka, RM10 hari ini lebih baik daripada RM1 juta esok. Kerana esok belum tentu ada untuk diri kita. Sesungguhnya ramai yang meninggal dan kadang-kadang tidak dapat dan ada yang dapat satu bulan, dua bulan sudah meninggal.

Ini bermakna, kita betul-betul kena ubah cara bekerja, peraturan kena ubah, *method* kena ubah. KPI kena ubah. Sebab, apa yang dikatakan, *if we do the same thing over and over and over again, and expecting the same result, is lunatic*, dengan izin. Melaksanakan sesuatu itu berulang-ulang, berulang-ulang yang sama tetapi mengharapkan keputusan yang berlainan, adalah satu yang gila. Jadi salah satu yang mesti diubah ialah KPI. Saya lihat KPI Jabatan Kebajikan Masyarakat, bagus nampaknya. Dari hari siasatan sehingga lulus adalah sebulan. Itu sahaja KPI dia. Ada satu *missing link* saya tanya, antara lulus ini dengan dapat duit, macam mana? '*Oh, tidak ada*'. *And how can* tidak ada. Yang penting bukan *you* siasat, bagi orang yang tidak ada duit ini, yang penting itu duit, bukan *you* siasat. Jadi saya sarankanlah menterinya tolong lihat, tambah KPI satu lagi *step*, bila mesti dapat cek setelah diluluskan dan mesti ubah kerana ada orang begitu memerlukan wang. Jangan tunggu cek baru hendak dapat.

Bagaimana kalau boleh *operate* dengan menggunakan *petty cash, impress*, ini semua ada tetapi tidak dilaksanakan oleh JKM kerana peruntukan tidak cukup. Satu lebih penting, saya lihat kenapa cek untuk orang miskin ini lambat kerana cek dikeluarkan oleh Akauntan Negara di negeri masing-masing. Akauntan Negara ada banyak jabatan hendak diuruskan. Bagi dia semua jabatan adalah sama. Orang miskin, orang kaya, orang hendak mati ke tidak, semuanya sama. Jadi saya cadangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat mesti *operate* menggunakan apa yang dikatakan *self...*, ada satu *term* dia ya. JKM boleh mengeluarkan ceknya sendiri. Dia ada PTJ.....

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Yang Berhormat yang membawa isu fasal Jabatan Kebajikan Masyarakat, fasal KPI dan sebagainya. Saya hendak berkongsi dengan Yang

Berhormat. Saya rasa bukan sahaja Jabatan Kebajikan Masyarakat, banyak lagi jabatan-jabatan kerajaan ataupun jabatan-jabatan berkanun.

■1610

Saya ambil contoh seperti Petronas, saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat, pengalaman saya dengan Petronas ini mengenai dengan isu *license* ataupun pembaharuan *license*. Kalau kita hendak membuat niaga dengan Petronas ini, kita memerlukan *license* daripada Petronas dan hendak mohon *license* ini punyalah teruk sampai setahun. Kita ingat dah ada *license*, hendak pembaharuan *license* senang tetapi rupa-rupanya teruk juga Tuan Yang di-Pertua sebab dia memerlukan perkara yang sama, *you* perlu *submit everything* macam yang sama dan mengambil masa antara enam bulan hingga setahun hendak membaharui lesen.

Ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat, KPI itu di mana? Kerana kalau tidak ada ini, ini menyusahkan rakyat. Ini saya ambil contoh Petronas, mungkin ada lagi badan-badan kerajaan lain yang perlu kita lihat kerana rakyat bila berurusan dengan kerajaan dia pun perlu ambil cuti, dia perlu pergi ke pejabat, kadang-kadang tunggu berjam-jam baru hendak dapat. Saya hendak puji Jabatan Imigresen sekarang, satu hari *settle*, passport boleh keluar. Syabas kepada Jabatan Imigresen. Kalau boleh kita hendak jabatan-jabatan lain juga, jangan menyusahkan orang. Macam di Petronas dia *charge license fees*, setahun katakan RM300 - RM500 setahun, dia dapat *income* tetapi dia menyusahkan orang hendak membuat pembaharuan lesen, kenapa?

Saya tidak faham, kerana hanya hendak memastikan itu ini dan sebagainya. Ini kita hendak minta *license* sahaja bukan hendak membuat projek, *license* sahaja dengan Petronas dan lepas itu hendak masuk tender dan sebagainya. Yang kita tidak mahu menyusahkan rakyat yang berurusan dengan jabatan-jabatan berkanun dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara-perkara ini perlu dilihat bukan sahaja di Jabatan Kebajikan Masyarakat, bukan sahaja di Petronas malah semua jabatan-jabatan yang berkaitan dengan kerajaan kerana kita hendak bagi *service oriented*, kita hendak rakyat mendapat khidmat daripada jabatan-jabatan tersebut. Terima kasih

**Datuk Akbar bin Ali:** Berkongsi pandangan jiwa dan sentimen. Saya setuju itu sebab dalam *World Competitiveness Report* yang dikeluarkan oleh IMD dan *competitiveness* yang dikeluarkan oleh *World Economy Forum* dan *The East of Doing Business* yang dikeluarkan oleh *World Bank*. Salah satu yang kita ketinggalan ialah dari segi pengeluaran lesen ini. Sesungguhnya kita lebih lambat dari satu pulau kecil di South Pacific Vanuatu, itu saya cukup ingat. Vanuatu memerlukan masa hanya lebih kurang 58 hari, kita tadi dekat luar ikut ini enam bulan pun tidak selesai tetapi kalau tidak silap saya Malaysia secara umum memerlukan masa 258 hari untuk meluluskan lesen mengikut kajian tadi.

Jadi yang saya sebut tadi, saya harap jabatan kebajikan Masyarakat dapat memindahkan urusan mengeluarkan cek ini daripada Jabatan Akauntan Negara ke jabatan sendiri ataupun dipanggil kalau betul *self accounting*, jadi tidak perlu bergantung kepada Jabatan lain. Yang ketiganya, Jabatan ini memanglah memerlukan sangatlah komputer, tidak guna tambah orang,

tidak guna hendak cakap e-Cari, e-Kasih kah apa, kalau kemudahan asas seperti komputer ini tidak dilengkapkan. Di bawah JKM ini, akhir sekali saya hendak menarik perhatian ucapan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 12 Mac 2009 di Dewan Rakyat. Saya kebetulan Tuan Yang di-Pertua bercakap, saya terdengar dari radio dan saya cukup tersayat hati saya dan saya cukup dukacita kerana apa yang dicakapkan itu berlaku kepada kawan saya kira-kira 15 tahun yang lalu.

Kata Timbalan Menteri kalau saya tidak silap dan harap-harap biarlah saya yang salah. Sebahagian sebab kenapa kelulusan tidak dapat diberikan kerana rumahnya tersengam, rumahnya besar, rumah batu, ada perabot yang mahal, ada kereta, kerana itulah khabarnya kelulusan tidak dapat diberikan. Inilah berlaku kepada kawan saya 15 tahun yang lalu. Pada masa itu saya bukannya orang yang air liur pun tidak masin. Saya merayu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak lulus.

Hari ini dia adalah seorang yang cukup kaya kerana suami dia kontraktor tetapi satu minit selepas kematian suaminya, seluruh keluarga itu menjadi orang miskin kerana dia tidak ada pendapatan. Isterinya tidak bekerja dia ada enam orang anak masih bersekolah, betul ada kereta, betul ada televisyen, betul ada *fridge*, betul ada rumah batu tetapi dia tidak ada pendapatan selepas itu. Dia tidak boleh makan kereta, dia tidak boleh makan televisyen, dia tidak boleh makan *settee*, kerana itu kelulusan tidak dapat diberikan. Pada 12 Mac tahun ini, cerita yang sama saya dengar, ini cukup menghayati hati, turunlah ke padang.

Seterusnya untuk memastikan kesamarataan tadi, untuk mempercepatkan rangsangan dibuat, maka salah satu CFS ialah besarkan MPPB (Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera). Malangnya dalam buku ini walaupun ada sasaran 150 ribu usahawan akan diwujudkan di bawah MPPB pada tahun 2010. Sebenarnya adakah pegawai yang merangka ini sedar berapa banyak 150 ribu orang ini. Mungkin dia nampak besar tetapi apabila kita faktor kan bilangan orang Melayu dan kalau saya hendak membantu lagi supaya ia nampak besar, hanya mengambil sebahagian saja daripada orang Melayu ia hanya 1.5% daripada seluruh 17 juta lebih orang Melayu.

Adakah 1.5% ini besar dan kalaulah 1.5% ini besar, bagaimana kita hendak mencapai sasaran, bukanlah kata komposisi kaum tadi, sasaran 30% ini pun kita tidak dapat capai kerana salah merancang, merancang untuk gagal. Bagaimana pula sasaran pada tahun 2020? 175 ribu, yes ia sudah meningkat 25 ribu daripada 125 ribu kepada 175 ribu tetapi apabila dinisbahkan kepada penduduk Melayu, rakyat Melayu, dia telah menurun kepada 1.4%. Sudahlah kecil dikecil-kecilkan lagi, salah kah kalau kita katakan kita merancang untuk gagal. Jadi benar kah kata pantun ini:

*Ambil galah jolok kedondong,  
Galah patah menimpa dahan,  
Bukanya salah ibu mengandung,  
Sudah nasib permintaan badan*

Yang bertanggungjawab itu KSU Melayu, KSN Melayu, Ketua Pengarah Melayu, Menteri Melayu, hendak salahkan siapa?

Seterusnya saya pergi ke wawasan 2020, jadi untuk huraian saya mengenai MPPB yang lebih panjang, tolong baca darah tuah, bukan dara tua di [www.darahuah.wordpress.com](http://www.darahuah.wordpress.com) dan tolong lihat penjelasan yang lebih di sana. Berkenaan dengan Wawasan 2020 ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib telah pun melaporkan pada 4 Januari yang lalu bahawa beliau mempunyai keyakinan tinggi bahawa Wawasan 2020 ini akan berjaya dicapai pada tahun 2020. Sesungguhnya keyakinan ini cukup penting kerana tempoh yang ada lebih kurang 11 tahun sahaja lagi. Dalam pada itu kebanyakan kita, saya rasa termasuk dalam Dewan ini Senator dan pegawai kerajaan, saya fikir ramai yang tidak tahu di mana tahap kita berhubung dengan wawasan 2020 ini berkaitan dengan sembilan cabaran itu. Di mana kita kerana di dalam buku ini tidak ada. Dalam yang tebal lagi RMK-9 tidak ada.

■ 1620

Kita juga tidak tahu apakah sasaran yang hendak dicapai kecuali GDP hendaklah tumbuh 7% setahun secara purata, seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir bin Mohamad semasa beliau menjadi Perdana Menteri dahulu. Akan tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pula kita hanya merancang untuk pertumbuhan 6% GDP kita. Kalau ikut Wawasan 2020 kita mesti mencapai 7% tetapi kita merancang untuk 6%. Satu lagi sebab ia penting kerana kita tidak tahu bagaimana hendak mencapainya.

Saya tidak pasti pegawai kerajaan tahu macam mana hendak buat sebab di mana dokumennya. Oleh itu kita haraplah EPU sebelum terlambat, sebelum terlupa *please revisit* Wawasan 2020 ini. Kita harus adakan sama ada persidangan meja bulat ataupun persidangan meja tidak bulat untuk mencari *consensus* kata sepakat tentang:

- (i) *benchmark* global yang hendak diguna pakai;
- (ii) sasaran yang hendak dicapai bagi setiap sembilan cabaran itu;
- (iii) petunjuk kuantitatif yang perlu diterima pakai untuk mengukur sembilan cabaran tadi; dan
- (iv) bagaimana hendak mencapainya.

Saya harap Pegawai EPU untuk keterangan lanjut sila rujuk [darahuah.wordpress.com](http://darahuah.wordpress.com). Begitu juga dengan penyediaan Bajet 2010, saya telah menuliskan dengan panjang lebar supaya tidak mengambil masa yang panjang di sini. Apa saranan saya supaya berubah, beranjak sama ada *you* hendak baca buku Stephen R. Covey ataupun hendak baca *the blue ocean strategy*. Beranjak daripada *rich buyer* kepada *poor buyers*, dan seperti mana yang saya telah huraikan tadi. Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan sektor pelancongan dan saya gembira di atas pengamatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Di mana beliau memberikan tumpuan yang agak lebih kepada sektor perkhidmatan termasuk pelancongan. Dalam suasana landskap ekonomi dunia yang sekarang termasuk Malaysia di mana antara masalah besar adalah pengangguran. Maka tumpuan yang lebih harus

diberikan kepada sektor perkhidmatan, khususnya pelancongan kerana sektor pelancongan menurut *World Tourism and Travel Counsel* atau WTTC, pelancongan adalah *job creator*. Pelancongan adalah merupakan satu bidang yang paling mudah menyerap *self employment*. Jadi ini sesuatu yang cukup baik, mengikut WTTC lagi pelancongan adalah *export driver*.

Jadi dalam suasana *external demand* yang lemah mungkin pelancongan dapat membantu sebagai *export driver*, dengan izin. Industri pelancongan ini memang sesuatu yang besar sumbangannya kepada GDP, kepada dunia yang mana ia menyumbang sebanyak 10% kepada GDP. Dia mempunyai *multiplier effect* kesan gandaan yang tinggi kerana setiap satu pekerjaan yang diwujudkan dalam sektor pelancongan ia membantu mewujudkan 12 pekerjaan lain, *one is the twelve*. Seterusnya ia membantu mengisi tabung pendapatan kerajaan kerana dalam keadaan kita hendak mengurangkan cukai, hendak menambahkan subsidi dan sebagainya, maka kesan yang perlu diberi perhatian ialah banyak mana hasil yang kerajaan ada.

Sektor pelancongan adalah satu sektor yang boleh membantu menjana *revenue* kerajaan sebagai mana kajian yang dibuat di UK. Setiap satu paun pelaburan dalam bidang pelancongan kerajaan mendapat lima paun dalam bentuk hasil. Setiap 1% meningkatnya *revenue* dalam pelancongan, kerajaan UK mendapat 118 *million* dalam bentuk cukai. Jadi tumpuan Seri Paduka kepada sektor pelancongan ini adalah sesuatu yang bijaksana. Dalam pada itu kita sibuk dengan pemanasan dunia yang mempunyai kesan kepada 18 industri termasuk pelancongan.

Kita bercakap fasal *green* teknologi, *green* ekonomi dan *green tourism* tetapi di Malaysia saya mendapati *tourism* Malaysia dan Kementerian Pelancongan Malaysia senyap sunyi berkenaan perkara ini. Ini lah masa untuk kita bergerak ke depan dalam bidang baru kepada *smart tourism* sebagai contoh, tetapi apa yang jadi dengan Kementerian Pelancongan ini selain daripada *Zoom Malaysia*. Itu adalah perkara yang biasa dibuat, benda yang sama dibuat. Kita kena buat lain daripada itu terutamanya untuk menangani *global warming* yang mempunyai kesan yang paling teruk antaranya ke atas industri pelancongan.

Sehubungan dengan itu juga saya ingin tanya ada banyak *billboard* di lebuhraya tentang produk pelancongan yang dipaparkan dan terdapat tiga gambar Perdana Menteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri. Kita berminat hendak tahu berapa kos tiap-tiap satu *billboard* ini? Dan seluruhnya berapa banyak? Apa jadi bila Perdana Menteri bertukar, Timbalan Perdana Menteri bertukar? Tidak tahulah Menteri bertukar atau tidak tetapi yang dua ini macam sudah sah bertukar so apa akan jadi dengan *billboard* itu? Tidak sampai setahun, apa yang akan terjadi? Ini akan mengundang rakyat untuk mengkritik kita.

Saya haraplah supaya kita akan lebih berhati-hati lagi tentang perkara seperti ini di masa hadapan. Tentang pelancongan ini saya ingin menyarankan tentang MAS, supaya membantu mempromosikan produk pelancongan. Dia buat, bukan tidak buat, kalau kita naik *long hall* punya *trip* kita akan lihat balik-balik tiga gambar yang ditayangkan semasa hendak mendarat. Gambar air terjun Langkawi, gambar tarik beca di Pulau Pinang, Pantai Rhu Sabah. Ini sahaja apa salahnya

tunjukkan lebih banyak produk supaya mereka tahu selain daripada tiga ini ada tempat-tempat lain lagi tempat yang menarik.

Sama ada hendak *take off* ataupun semasa *take seeing* itu jadi mereka akan tertarik untuk datang ke Malaysia dan yang untung MAS bukan Datuk Akbar Ali ataupun Datuk Syed. Jadi saya haraplah MAS akan memberikan perhatian dan saya telah maklumkan kepada MAS, tidak tahulah dia buat ataupun tidak buat. Menyahut salah satu saranan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu kawan saya. Berkenaan dengan tenaga solar, saya rasa sudah sampai masanya kerajaan bukan sahaja sudah selesai peringkat merancang tetapi sekarang untuk mendapatkan *participation*, penyertaan daripada *public* tentang *alternative energy* ini. Supaya kita semua tahu dan kita tahu bahawa kerajaan sesungguhnya merancang untuk masa hadapan.

Jadi sekarang kita bimbang, saya bimbang dan semua rakyat patut bimbang kerana kita sedang mengalami 30% defisit dalam penggunaan tenaga. Jika kita tidak tangani dengan betul defisit ini akan membesar dan akan mempunyai kesan buruk dan impak yang besar terhadap kehidupan kita sama ada isi rumah ataupun industri. Jadi daripada komposisi tenaga yang ada sekarang berapa banyak guna gas, guna arang batu, hidro dan sebagainya. Kita hendak tahu apa komposisi tenaga kita pada tahun 2020 dan pada tahun 2030.

Sekiranya ada *big gap*, jurang yang besar antara *supply and demand*, penawaran dan permintaan apa yang akan dibuat oleh kerajaan supaya jurang itu dapat diatasi demi *survival* negara kita. Dalam jangka pendek *alternative energy* seperti angin dan tenaga suria patut dibekalkan kepada kawasan-kawasan yang pendalaman. Sama ada di Sabah, Sarawak dan Orang Asli di Johor ataupun di Pahang. Sudah tentu ia lebih murah daripada TNB menarik kabelnya ke kampung yang lima itu. Kalaulah jawapan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi mengatakan hendak *supply* tenaga menggunakan solar, menggunakan angin ini lebih mahal. Itu saya rasa budak sekolah tadika pun boleh jawab mahal, tidak payah lebih tinggi. Apa yang kita perlukan jawapan bagaimana dapat bekalkan *at affordable price*. Mahal, budak tadika boleh jawab.

#### ■1630

Sekarang saya beralih kepada peralihan kuasa kepimpinan. Kita ingin merakamkan bersama kawan-kawan kita yang lain terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh Pak Lah selama beliau menganggotai kerajaan, menjadi MP sejak 1978 lalu. Tidak ada perkataan yang dapat saya hambur kan, saya luahkan untuk menyamai sumbangan besar beliau kepada negara. Akan tetapi benarkanlah saya merangkumkan itu semua dalam sebuah pantun ini.

*Dari Bentong pergi ke Rengit,*

*Tanjung Belah airnya tenang,*

*Langit tergantung bumi tersengit,*

*Budi Pak Lah tetap ku kenang... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan mengucapkan tahniah juga kepada beliau kerana telah

dinobatkan pada minggu lalu sebagai Presiden UMNO Malaysia, parti keramat bagi kami. Insya-Allah dikhabarkan berita bahawa beliau mungkin diangkat sebagai Perdana Menteri pada hari Jumaat nanti. Penghulu hari dan hari keramat dan kita harap ia bukan sahaja memberikan berkat kepada beliau, keluarga beliau, tetapi kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, kalau boleh saya sarankan kalau kita mengambil peruntukan Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan dan amalan yang dibuat di negara-negara Komanwel izinkan saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya seluruh Kabinet Pak Lah meletakkan jawatan bagi membolehkan Dato' Sri Mohd Najib melantik pasukan Kabinet beliau yang baru... [Tepuk] Dengan 100% kebebasan dan prerogatif nya. Ia bukan tanda hilang keyakinan dan kepercayaan kepada Dato' Sri Mohd Najib, tetapi semata-mata melaksanakan suasana baru yang kita laung-laungkan ini, supaya dia bermula daripada Menteri yang ada sekarang.

Kita harap juga Kabinet yang akan dibentuk oleh Dato' Sri nanti akan dapat mengubat sebahagian daripada penyakit yang sedang dialami dihadapi oleh sebahagian rakyat Malaysia sekarang. Penyakit itu ialah hilang keyakinan *lack of confidence*, yang merupakan ia satu *deadly virus* sekarang. Ia merupakan lebih mahal, lebih berharga daripada emas. Oleh itu kita *endors*, kita setuju, kita sokong empat kriteria berhubung pemilihan Kabinet yang beliau telah gariskan, iaitu setia, berintegriti, kompeten dan berdedikasi. Saya seronok juga kalau hendak lihat kalau beliau membentuk Kabinet ala *Lincoln the team of rivals*. Jadi kita lihat bagaimana Dato Seri Najib dapat menggembeleng semua kebijaksanaan ini untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Akan tetapi saya ingin *highlight* sedikit mengenai setia. Kerana setia inilah tunggak kelancaran kelicinan perjalanan Kabinet itu nanti. Dalam hal ini kalau boleh saya orang Melaka, saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, kesetiaan itu seperti setianya Hang Tuah kepada Rajanya. Beliau sanggup dihukum bunuh walaupun kerana fitnah dan lebih besar lagi kesetiaan beliau itu kepada Raja. Beliau sanggup menggadai nyawa berlawan dengan Hang Jebat untuk mempertahankan maruah Raja untuk menghilangkan arang yang terconteng di muka Raja. Itulah ia kesetiaan yang kita harapkan. Seterusnya...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Tentang kesetiaan ini Yang Berhormat, pada pandangan Yang Berhormatlah ramai kah orang yang setia ini pada pemimpin dia, apabila pemimpin itu menghadapi kesusahan. Yang kita tahu dia setia bila dia senang. Masa susah ada pemimpin sendiri yang akan lari meninggalkan pemimpin atau ketuanya yang suatu hari di menyokong. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Akbar bin Ali:** Ini Dato Musa hendak geletek saya kot? Akan tetapi saya sebagai *straight forward person* Dato' Musa ya. Dato' Musa hidup saya rasa lebih lama daripada saya. Akan tetapi dalam tempoh saya yang lebih muda ini, saya telah melihat sejarah apa yang berlaku kepada Tun Ghaffar? Saya sudah melihat sejarah apa berlaku kepada Tan Sri Sanusi? Saya

sudah melihat sejarah apa yang berlaku kepada Tun Dr. Mahathir? Sejarah yang berlaku kepada tiga tokoh ini menjawab soalan Dato' Musa.

Selain daripada kesetiaan itu, terutama untuk menghapuskan kebimbangan yang ada kepada Dato' Musa dan bersarang di dada saya, kita harap Kabinet yang baru dibentuk ini adalah umpama sekumpulan angsa yang sedang berterbangan. Dalam Bahasa Inggeris *geese*. Dan saya rasa Melayunya bukan angsa, tetapi itik air sebab angsa di kampung saya tidak boleh terbang. Kalau kita lihat, ini kajian sains sudah dibuat. Kalau kita lihat itik air ini terbang, *the geese* ini terbang dalam bentuk V, *inverted V* ataupun *the normal V*, dengan izin. Mengapa angsa itu terbang dalam *formation V*? Apabila sekumpulan angsa terbang dalam *formation V*, ia mempunyai kuasa dengan kombinasi kepak itu, ia boleh terbang 71% lebih jauh kalau banding ia terbang seekor sahaja. Itu satu.

Yang kedua tabii angsa ini, ia bila terbang sekumpulan, angsa yang di belakang akan berbunyi *honking*. Akan tetapi *honking* itu bukan memperli, bukan menyorak-nyorakkan. Ia *honking* itu dengan tujuan yang di hadapan terbang lebih pantas lagi. Yang ketiga apabila ada angsa yang lemah, ia macam ada satu tarikan untuk menarik ia ke hadapan dan terus terbang. Yang keempat, jika ada angsa ini yang sakit, angsa yang sakit ini akan turun ke air dan bersama-sama dengan angsa ini akan turun dua ekor angsa lain mengiringinya, menjaganya sehingga ia selamat dan baik pulih dan terbang semula untuk menyertai sekumpulan angsa yang baru lepas ataupun *joint* kumpulan asalnya. Apa pengajaran yang kita boleh dapat daripada sini sebagai orang yang bekerja sebagai satu kumpulan?

Pertama kita akan lebih cepat sampai ke satu destinasi kalau jika kita berkongsi arah dan kalau kita ada kekitaan *esprit de-corp*. Kedua pemimpin juga memerlukan sokongan dari orang bawahan. Ketiga kita perlu bekerja sebagai satu pasukan melaksanakan tugas berat secara bergilir-gilir dan berkongsi kepimpinan. Akhir sekali pengorbanan diperlukan dan pengorbanan itu dihargai. Inilah yang kita harap kalau binatang yang tidak ada fikiran ini boleh melaksanakan satu sifat tabii yang cukup baik, bagaimana kita yang dikatakan makhluk yang terbaik di kalangan makhluk yang diwujudkan oleh Tuhan. Kita juga harap dengan pelantikan Dato' Sri sebagai Perdana Menteri yang baru sesuatu yang lebih baik akan berlaku kepada negara kita.

#### ■1640

Sesungguhnya ramai di antara kita saya difahamkan telah pun merasa mempunyai harapan yang tinggi seudah terasa seolah-olah ada semangat yang baru yang mempunyai aura yang tersendiri. Bukan kata Mawi sahaja yang ada aura. Jadi kita memang menjangkakan akan berlaku suntikan baru. Kita rasakan bahawa Dato' Sri menjadi satu tali pengikat yang keramat. Yang jauh ditarik dekat, yang dekat bertambah rapat, yang rapat semakin erat. Antara tidur dan jaga kita melihat tanpa sedar berjuta-juta hati akan terpicat. Sesungguhnya rakyat menaruh harapan menggantungkan harapan kepada Dato' Sri Najib kerana beliau diyakini merupakan seorang pemimpin yang condong ditongkat yang rebah ditegakkan. Inilah harapan yang disangkutkan kepada Dato' Sri Najib. Kita jangka di bawah payungan Dato' Sri juga rakyat yakin

akan dapat berlingdung dan berteduh. Rakyat dan negara akan terasa berada dalam keadaan yang selamat.

*Pergi ke huma pergi ke ladang,  
Tanam nanas di rumpun buluh,  
Dato' Sri umpama pohon nan rendang,  
Hujan dan panas tumpang berteduh.*

Dengan kasih yang padu, kesetiaan yang kental, sokongan yang kukuh dan kepimpinan yang mantap maka UMNO, Barisan Nasional dan negara akan dapat bangkit semula dengan wajah, semangat dan nafas baru. Dengan berbekalkan azimat ini, maka kita rakyat Malaysia akan mampu mendaki gunung, meredah hutan, mengharung lautan dan membelah awan. Kita akan berani memberitahu kepada kawan dan lawan.

*Padang orang jangan berlari,  
Jika padang sendiri hendak berjengket,  
Nanti mereka akan tahu bahawa langit itu tinggi,  
Dan bumi ini berbukit-bukit.*

Dengan itu saya menyokong ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin]:** Dipersilakan Tuan Ahmad bin Hussin.

**4.43 ptg.**

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertama sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana ucapan ini yang kita nanti-nantikan. Saya rasa inilah ucapan yang cukup telus, jelas dan bertanggungjawab dalam menegakkan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Saya amat menunggu-nunggu ucapan ini. Isi kandungannya amat menyentuh hati rakyat negara Malaysia. Pertama sekali saya ambil apa yang dikatakan oleh Mufti Kerajaan Negeri Perak, tidak taat kepada Raja adalah derhaka. Maka penderhaka tidak boleh jadi pemimpin. Raja adalah payung negara, menjunjung Perlembagaan, mematuhi Rukun Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kemas kini senarai kemiskinan. Inilah perkara yang penting yang harus diberi perhatian serius oleh kerajaan. Ini kerana banyak kita dapati *figure* yang berbeza-beza sehingga saya ambil contoh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga meragui tentang senarai rakyat termiskin di negara ini. Katanya, tidak akan lah di Kedah hanya terdapat 1,134 orang sahaja yang termiskin. Kita tidak mahu terjadi sebagaimana yang telah berlaku kepada seorang penuntut yang mendapat RM20,000. Penuntut ini kalau sekiranya tidak mendapat pangkat yang cemerlang sudah pasti sampai kiamat pun kita tidak akan tahu bahawa dia adalah penuntut miskin. Hanya berbekalkan roti, rumahnya...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana menyentuh isu yang insya-Allah saya akan sentuh sekejap lagi. Walau bagaimanapun, isu ini adalah perkara yang melibatkan pelajar sekolah saya sendiri. Antara perkara yang dipaparkan dalam akhbar-akhbar seharusnya sebelum kita keluarkan sebarang kenyataan perlu kita selidik terlebih dahulu. Ini kerana cerita-cerita yang dipaparkan dalam akhbar dalam kebanyakan hal tidak semestinya adalah cerita yang sebenar.

Jadi saya pohon sebelum perkara ini dilanjutkan untuk makluman Dewan yang mulia ini pelajar yang dimaksudkan tersebut adalah pelajar yang dibantu sepenuhnya oleh pihak sekolah dari sudut yuran dan keperluan-keperluan asas. Jadi kalaulah cerita sekali sekala itu ingin dibangkitkan atau dengan cara yang tidak sesuai. Saya rasa perkara ini perlu kita fikirkan dengan lebih baik kerana cerita ini kadang-kadang tidaklah benar sebagaimana yang dipaparkan dalam akhbar. Ini kerana dalam kes Nik Nor Madidah di Kelantan itu pelajar ini adalah pelajar yang ditaja oleh pihak sekolah daripada tingkatan satu sehinggalah kepada peperiksaan. Jadi, ini menunjukkan bahawa tidak pernah berlaku sebarang keter lupakan atau pun pengabaian oleh pihak sekolah kepada pelajar-pelajar miskin kerana ini merupakan sekolah yang ditanggung sepenuhnya oleh Yayasan Islam Kelantan di bawah Kerajaan Kelantan. Itu sahaja. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat sebelum membuat sebarang ulasan berkenaan dengan kes ini.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya bangkitkan perkara ini kerana di dalam Islam jika sekiranya kita hidup senang, kita dapat makan, kita dapat kenikmatan, makan, pakai dan tempat tinggal, kesihatan dan perubahan sikap. Akan tetapi di sebelah rumah kita ada mereka yang patut dibantu tetapi kita tidak membantu mereka maka tidak ada syurga bagi orang-orang Islam. Ini niat saya. Oleh sebab itulah, saya berharap senarai kemiskinan ini hendaklah disemak semula oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak pendaftaran dibuat secara besar-besaran di seluruh negara. Sebagaimana yang dibuat pada tahun 1987 dahulu apabila kita memperkenalkan Program Pembangunan Rakyat Termiskin di mana Jabatan-jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Baitulmal, LKIM, perikanan dan sebagainya menyatukan kesemua sekali senarai-senarai yang terdapat dengan kebajikan masyarakat. Kita hendakkan hanya satu *list* sahaja untuk negara kita. Sebab itulah saya tidak hendak seorang pun yang benar-benar miskin benar-benar perlu dibantu tetapi telah tercicir dari *list* untuk kita bantu dan kita tidak akan lupa Orang-Orang Asli.

■ 1650

Seterusnya saya masuk tentang masalah air. Oleh sebab air adalah perkara yang amat mustahak dan pada hari ini saya dapati Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah pun membuat penjelasan tentang penstrukturan semula bekalan air Selangor. Saya ingin supaya janganlah gajah dengan gajah bergaduh, pelanduk mati di tengah-tengah. Kasihanlah kepada rakyat Selangor, Kuala Lumpur, Lembah Klang dan sebagainya. Kalau boleh untuk memendekkan

perkara ini kita buat pengkhususan di mana keadaan sekarang SPAN yang bertanggungjawab telah pun menjalankan tugas yang begitu baik.

Menterinya, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi pun Menteri yang mempunyai kewibawaan dan kita membuat pengkhususan dalam erti kata Kerajaan Persekutuan menjalankan kerja-kerja persekutuan dan pihak penswastaan diteruskan sebagai mana yang ada sekarang. Pihak kerajaan negeri menjaga sungai-sungai yang tercemar. Saya rasa ini jelas kerana masing-masing bekerja sepasukan untuk memberi nikmat kehidupan kesempurnaan kepada rakyat negara ini.

Kalau ada masalah personal antara jaguh-jaguh di Selangor perkara itu harus diketepikan dan ambillah iktibar bahawa jika kita sudah janji dan kita tidak dapat tunaikan janji kita minta maaf sahajalah. Apa yang kita hendak mencari masalah demi masalah. Saya rasa perkongsian urus sumber air ini adalah hak bersama dan kita gunalah kebijaksanaan yang ada untuk kita agih-agihkan tugas masing-masing.

Masih ada pintu untuk berunding dan tidak timbul masalah kerana Kerajaan Persekutuan bukanlah kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Sampai sekarang, walaupun sudah masa untuk dibincangkan, Kerajaan Persekutuan masih lagi membuka peluang dan membuka pintu untuk berbincang dengan kerajaan negeri khasnya Kerajaan Negeri Selangor.

Seterusnya ialah tentang masalah, masalah tentang yang dihadapi oleh SME selama ini. Saya ingin membenteng perkara ini kerana diminta oleh pihak-pihak SME untuk di *highlight* kan, dengan izin, tentang permasalahan masa kini iaitu:

- (i) tentang kesukaran memperoleh dana dari institusi kewangan dan agensi kerajaan dan kadar faedah yang dikenakan oleh institusi kewangan ke atas pinjaman kepada SME adalah tinggi;
- (ii) terlalu banyak agensi atau saluran untuk SME tanpa koordinasi berkesan dan ketidaktelusan;
- (iii) dasar tender tertutup kerajaan mengutamakan kroni dan syarikat gergasi tempatan; dan
- (iv) tidak ada rangka kerja komprehensif berhubung dasar kerajaan terhadap pembangunan SME.

Saya hendak sentuh tentang masyarakat global yang telah minat makanan halal. Perkara halal ialah perkara yang pokok. Kalau kita makan makanan halal, keluarannya juga halal. Tan Sri sudah sebut jangan melakukan rasuah, jangan bawa balik rasuah kerana ini menjejaskan keluarga kita. Makanan halal bukan hak orang Islam semata-mata malah telah menjadi jenama global kerana kaitan dengan aspek iaitu:

- (i) keselamatan;
- (ii) kesihatan; dan
- (iii) kebersihan.

Saya berharap HDC yang kekal di bawah Jabatan Perdana Menteri melihat perkara halal secara lebih serius lagi supaya kita dapat segala makanan dalam negara kita halal, bersih, sempurna ibadat kita khasnya sebagai seorang Islam. Soal halal juga harus pihak JAKIM yang kini memperkenalkan standard Sijil Halal Domestik 2008 supaya apa yang dipakai, apa yang diguna adalah halal untuk orang-orang Islam. Apabila standard halal sudah diterima oleh dunia, maka dengan mudah kita dapat menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita kerana aspek halal adalah dicari-cari oleh semua kita. Kalau kita sendiri ke luar negara, kita juga akan mencari benda-benda yang halal. Jadi gunakanlah halal ini mengikut undang-undang yang ada.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang apa yang disebut tentang penyediaan untuk biasiswa khasnya untuk bumiputera Sabah dan Sarawak. Inilah kali pertama yang saya dengar yang ada di dalam ucapan yang menyentuh hal-hal yang begini. Maka dengan itu, sekiranya kita menggunakan merit maka susahlah bagi Orang-orang Asli, orang-orang Sabah dan Sarawak dan juga bagi penuntut- penuntut yang datang dari negeri yang tidak mendapat kemudahan-kemudahan yang terbaik khasnya *levelling field* tidak sama. Sebab itulah soal merit harus dilihat sekali lagi tentang semasa kerajaan hendak *award*, dengan izin, biasiswa kepada penuntut-penuntut kita. Bagi pegawai-pegawai tadbir, saya ingin memberi pandangan saya iaitu pegawai-pegawai khasnya saya hendak sentuh tentang Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik. Saya, ini kali yang kedua dan ketiga saya sebut.

Kursus untuk pra-kadet PTD saya berharap dapat balik semula sebagai mana yang dilakukan dalam tahun 1981. Sebelum seseorang itu dilantik dalam perkhidmatan tadbir dan diplomatik, mereka harus dahulu mengikuti kursus Diploma Pengurusan Awam selama setahun. Bila mereka mendapat diploma tersebut, barulah mereka diletakkan di kementerian, jabatan-jabatan kerajaan negeri hatta menghantar mereka ke luar negara. Saya rasa ada tiga sahaja kursus yang dibuat pada masa itu tetapi selepas itu kerajaan hendak banyakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

#### ■1700

Akhirnya kursus itu sudah tidak diikuti lagi. Hanya selepas menjalankan tugas, baru mereka dihantar kursus dan sebagainya. Yang ini menjadi masalah kerana Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik mesti unggul, mesti yakin pada diri sendiri, mesti mempunyai akauntabiliti yang tinggi, mesti boleh membuat sesuatu dengan maksimumnya. Jika sekiranya mereka tidak mendapat latihan, antibodi di dalamnya tidak kuat, maka susah mereka hendak menjalankan tugas kerana tugas Pegawai Tadbir dan Diplomatik ini bukan satu tugas yang senang kerana mereka juga pengurus kepada kewangan, mereka juga menjadi pegawai-pegawai daerah, mereka juga menjadi duta-duta kita ke luar negara, *third secretary*, *second secretary* dan menjadi duta akhirnya.

Jika sekiranya mereka tidak mendapat latihan yang unggul, saya rasa inilah yang menyebabkan ada masalah apabila kita nak tempatkan di Jabatan Pendidikan Negeri, negeri dah tolak. Ada sebabnya. Jadi oleh sebab itu saya rasa kita harus balik kepada untuk memberi setahun. Biar mereka betul-betul faham, biar betul-betul mereka ada ilmu, biar mereka mempunyai

kekuatan, imuniti dalaman sebelum mereka keluar bertugas di kementerian-kementerian. Satu lagi saya nak cadangkan kepada kerajaan, oleh sebab banyak sangat ditimbulkan masalah perkhidmatan awam khasnya kakitangan kerajaan dan sudah sampai masanya untuk kita mewujudkan satu suruhanjaya untuk mengkaji kelemahan pentadbiran awam.

Kita kena berani, kita kena telus, kita kena ikhlas. Sekarang bukan masa kita hendak berpura-pura lagi. Kita mesti ikhlas, kita cari jalan macam mana nak mengatasi perkara-perkara kelemahan yang ada dalam perkhidmatan awam. Menjanjikan kenaikan pangkat sahaja, menjanjikan *perks* dan sebagainya. CUEPACS meminta berbagai-bagai insentif, COLA dan sebagainya. Itu tidak cukup tetapi kita hendak satu perkhidmatan yang terbaik. Sekarang kita ada polisi. Tuan Yang di-Pertua, polisi yang terbaik. *First class policy* tetapi ada mengatakan *third class delivery*. Itu kita tak nak dengar lagilah sebab perkhidmatan awam di Malaysia adalah yang terbaik di Asia khasnya, saya angkat topi. Yang terbaik. Kita nak *maintain* saja. Semua sekali kakitangan kerajaan, semua sekali pegawai kerajaan baik di *Federal*, baik di negeri, baik dalam GLC, baik dalam kerajaan tempatan, semuanya kita hendak yang terbaik, nombor satu. *We want the best among the best!*

**Dato' Yip Kum Fook:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Ya.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi *you* bernafas sedikit. Saya tertarik dengan percakapan ucapan Yang Berhormat. Saya ingin tanya sedikit. Tadi Yang Berhormat Datuk Akhbar pun ada kata berkenaan dengan kementerian yang tidak begitu *responsive* dengan izin, terhadap sesuatu masalah. Saya sendiri di sini dua kali bangkit berkenaan dengan masalah wang tidak dituntut, *unclaimed moneys*. Terlebih dahulu saya mahu ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II, telah menolong saya sendiri punya masalah sudah *settled* tetapi perangai dan tabiat yang diamalkan di jabatan berkenaan masih tidak berubah.

Orang-orang saya telah maklum kepada saya bahawa mereka pergi mahu tuntutan wang itu, setelah periksa didapati ada wang yang tidak dituntut di situ tetapi mereka diminta untuk pergi mengemukakan bukti-bukti, itu yang susah. Bukan bukti-bukti dialah orang itu tetapi kena kemukakan bukti bahawa wang adalah dia punya. Itu saya sudah cakap itu adalah salah daripada segi *common sense* dengan izin. Apakah pendapat Yang Berhormat mengenai perkara seperti ini?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat, yang jelas daripada hati sanubari Yang Berhormat, bermakna ikhlas. Saya ingin bacakan tentang ucapan Perdana Menteri dalam Dimensi Strategi Baru ke Arah Abad 21 anjuran INTAN, MAMPU, KAPAM pada tahun 1995. Saya hendak semua kakitangan kerajaan menghayati ucapan sekarang mantan Perdana Menteri. *"Kakitangan perkhidmatan awam perlu berkhidmat kepada rakyat dan negara sesuai dengan kedudukan mereka sebagai kakitangan kerajaan. Mereka hendaklah melaksanakan tanggungjawab pentadbiran secara berkesan bagi mencapai pertumbuhan dan perubahan pada struktur asas negara. Kerajaan sudah menyemak semula serta mempermudah pelbagai prosedur*

dan fungsi perkhidmatan awam untuk memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat dan negara. Perkhidmatan awam sebagai rakan dalam konsep persyarikatan Malaysia harus menggunakan seluruh perkhidmatan untuk mencapai pertumbuhan dan perubahan”.

Statement yang last ini saya nak dengar. “Perkhidmatan awam kini adalah hamba kepada rakyat dan bukan semata-mata sebuah perkhidmatan awam”. Inilah yang saya nak tekankan. Kita sebagai hamba kepada rakyat, kita bukan tuan kepada rakyat. Harus meletakkan diri kita kalau nak jadi perkhidmatan awam, kalau nak jadi kakitangan kerajaan, kalau nak jadi Senator pun kita mesti ingat kita adalah hamba kepada rakyat. Baru kita boleh mentadbir dengan baik, sempurna dan berkesan!... [Tepuk]

Oleh itulah, wujudnya Dasar Persyarikatan Malaysia. Inilah. Kalau dulu, kalau ada syarikat nak jumpa kerajaan, oh susah, payah. Nampak macam musuh. Takut-takut syarikat ini jadi kaya. Dulu, pengalaman sebagai pegawai kerajaan. Jadi, sebab itulah kita *tune* kan balik, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita lembutkan balik. Kita kongsi balik bahawa kita ini dalam sebuah kapal yang nak menuju satu matlamat sahaja dan akhirnya kita ada kesempurnaan. Tugas pegawai kerajaan memudahcarakan. Ha, ini maka takkan timbullah apa Yang Berhormat sebut tadi. Memudahcarakan. Jadi tak payah, jangan memayahkan rakyat, jangan menyusahkan rakyat.

Kalau DO, turun ke bawah. Buat perbincangan atau bagi geran di kampung-kampung. Apa nak buat? Tak payah buat di *office*, bukan salah. Boleh buat di tempat kampung-kampung yang kita lawati, kita boleh turun. Apa kita buat? Cop saja. DO, pegawai daerah, barulah akan naik balik imej. Sekarang pegawai daerah dah mati dah.

#### ■1710

Orang tidak sebut dah pegawai daerah, siapa pun tak nak sebut pegawai daerah. Kalau dahulu penghulu cukup besar Tuan Yang di-Pertua. Penghulu sudah besar dah, ketua kampung sudah besar dah tetapi sekarang pegawai daerah pun orang tidak peduli. Sekarang, kita hidup kembali. Saya hendak minta seminar DO-DO satu Malaysia ini, Perdana Menteri baru masuk, bagi semangat, bagi keyakinan, hidupkan balik, naikkan balik DO sebagai tangan kanan Raja.

**Datuk Maijol Mahap:** Minta laluan. Saya setuju Yang Berhormat kita harus memperhebatkan prestasi kakitangan kerajaan. Itu adalah memang dijangka sebab mereka ini adalah mata dan telinga kerajaan, haruslah mereka ini memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan juga kepada semua orang. Akan tetapi, apa pendapat Yang Berhormat tentang sesetengah kakitangan terutamanya guru-guru yang sudah tidak mempedulikan kerjanya di pejabat sebab terlalu asyik dengan benda-benda lain. Sudah masuk politik. Kadang-kadang apabila kita pergi jumpa dia di sekolah, tidak ada sebab asyik *meeting* politik. Sudah ada jawatan dalam politik, besar kepala pula. Hendak jadi bos, ini yang susah. Jadi, bagaimana kita hendak memperhebatkan perkhidmatan awam kalau beginilah sikapnya Yang Berhormat. Apa pendapat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah mempersoalkan tentang guru-guru terlibat dalam politik. Tuan Yang di-Pertua, akhbar hari ini, telah keluar satu *statement* daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia mengatakan bahawa adalah

tidak dibenarkan guru-guru untuk terlibat dalam politik. Ini kerana, jika sekiranya guru tadi terlibat dengan politik, maka dia akan pilih parti mana dia hendak. Akhirnya, dia akan mengajar ikut parti yang dia hendak.

Jadi, hilanglah kurikulum Kementerian Pendidikan. Saya angkat topi kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia kerana dia faham tentang *separation of power*, pengasingan kuasa yang ada dalam negara dan ada dalam Perlembagaan. Syabas! Apa makna pengasingan kuasa?

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon mencelah? Saya faham Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebut tadi bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam faham dengan kenyataan yang dinyatakan bahawa adalah tidak elok kalau guru-guru terlibat secara aktif dalam politik. Akan tetapi, tidakkah Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin juga faham bila dia merayu kepada kerajaan supaya guru-guru diberi peluang terlibat secara aktif dalam politik. Apa pandangan Yang Berhormat? Bagaimana kita hendak *reconcile* kan kedua-dua pandangan ini? Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya rasa kita mula buka minda semua orang. Saya, Ahli-ahli Parlimen, Ketua-ketua Eksekutif dan seluruh perundangan dan juga pihak *legislative*, hakim-hakim pun boleh dengar perbincangan kita. Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat dalam gender order, dahulu dipanggil *chapter 'D'*, memang ditulis, memang ditulis kalau kumpulan 'A' tidak boleh berpolitik. Kumpulan 'B' dahulu boleh tetapi mesti mendapat kebenaran ketua jabatan.

Jadi, saya minta hendak jadi *gentlemen* betul, kalau betul hendak berpolitik secara serius, dia bukan tumpang-tumpang bukan dedalu sahaja, hendak jadi betul-betul *politician*, dia kena fikir, dia kena pilih sama ada bekerja atau tidak bekerja. Dia mesti cari jalan, dia mesti tanya, tepuk dada tanya iman dia. Dia hendak apa, apa yang dia hendak, *what do you want?* Saya biasa tanya Karpal Singh, *what do you want*, dengan izin. Karpal Singh tidak jawab sampai hari ini.

Jadi, memudahkan cara, pengasingan kuasa, apa yang disebut *separation of powers* ialah soal-soal eksekutif, maka kita bagilah kepada pegawai-pegawai kerajaan. Soal-soal legislatif, soal-soal perundangan kita sendiri buat, Dewan Rakyat, Dewan Negara. Kemudian, hakim tentukan apa benar kah pertikaian yang berlaku, yang di bawa ke mahkamah. Selesai masalah walaupun tidak nampak sangat dia punya betul-betul *compartmentalize*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua tetapi nampak arah kita hendak bergerak. Kalau tidak, kita sudah berkecamuk dah. Maksudnya, kita tidak faham dah siapa kita.

Saya pun hendak jadi hakim juga. Macam Karpal Singh, dia hendak jadi hakim, dia hendak jadi pegawai penyiasat, lagi apa? Dia hendak dakwa, ini makna hakim buruk, ini bukan hakim. Ini mahkamah kanggaru. Kalau tidak saya hendak marah dah, tetapi sekarang saya tidak berapa marah. Sebab saya sudah marah dia dalam Dewan ini, kenapa Karpal Singh kita biarkan. Akan tetapi, apabila didakwa saya rasa alhamdulillah. Kena tidak kena, kita tidak peduli kerana menghiris hati, sanubari, jiwa rakyat Malaysia. Itu sahaja dan Karpal adalah orang-orang yang

tidak merasa nasib dan keadaannya yang begitu, patut dia insaf apa yang berlaku pada diri dia. Saya tidak mahu sebut lagi dah.

Saya hendak sebut satu benda tentang undang-undang. Saya hendak petik ini dengan izin, supaya Malaysia hendak jadi elok sedikit. Kalau tidak dia berkecamuk ini Tuan Yang di-Pertua iaitu Lord Denning ada mengatakan dengan izin, "*If the national security is at stake, the grand rule must change. Forget about the human rights, the Geneva Convention, forget about it*". Kalau sekiranya orang itu betul-betul menyusahkan kita, menderhaka dan orang itu betul-betul tidak faham bangsa-bangsa lain, tidak menghormati antara satu dengan lain, kita tangkap. ISA masih relevan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ISA masih relevan dan jangan sekali-kali ada komponen Barisan kah, pembangkang kah cuba hendak batalkan ISA. ISA relevan, itu *last* sekali. Jangan dengar cakap-cakap orang.

Pada saya, ia amat-amat diperlukan. Ini kerana, kalau di Thailand sudah masuk *jail* lama dah Karpal Singh. Kalau di negara China, Tiananmen, 13 tahun dah, masih duduk dalam *jail* lagi, dia orang tidak keluar, tetapi di Malaysia ini, macam-macam. Itulah tidak boleh, ini tidak boleh, *all the rights*, kita hendak cakap hak asasi itu tidak payah.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Minta laluan Yang Berhormat. Saya hendak *cool down* Yang Berhormat dengan izin... [Ketawa] Takut *mike* pecah, sistem baru ini habis. Jadi, Yang Berhormat saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat, adakah orang Malaysia, Karpal Singh kah, siapakah kah termasuk saya harus bersyukur duduk sebagai warganegara Malaysia di dalam negara yang aman damai.

Kalau di tempat lain, kalau atas nama *national security* tempat lain. Kalau Rusia dahulu masa zaman KGV, orang hendak bercakap sebarang pun tidak boleh. Kalau cakap lebih sangat, esok tidak tengok lagi, hilang. Di setengah-setengah negara Arab pun begitu juga. Ada yang hendak berpolitik, cakap politik sedikit sahaja, hilang. Akan tetapi di negara kita tidak hilang, masih tidak hilang. Di Great Britain masa zaman *Cold War* dahulu mereka ada MI5, begitu juga di Amerika, dia ada CIA dan sebagainya.

#### ■1720

Mereka jaga *national security* begitu hebat sekali. Saya rasa pandangan Yang Berhormat tadi perlulah diperelok lagi supaya *national security* kita lebih terjaga lagi dan ISA tidak patut dihapus sama sekali, tidak boleh. Kerana dialah insurans kita. Insurans wujudnya negara Malaysia yang beraja dan Raja Berparlimen. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak sebut satu perkara sahaja iaitu kalau hendak buat rumah pagar mesti kuat. Saya teruskan sedikit lagi.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan tentang IPP. Apa sudah jadi kepada cukai durian runtuh? Saya tengok dia masih tidak runtuh lagi Tuan Yang di-Pertua. Dia masih lagi tidak tahu di mana. Jadi saya minta kerajaan tolong jelaskan apa sudah jadi dengannya. Satu masa dahulu kita

perluan sebab mereka ini kaya-raya, yang amat kaya-raya. Pukul 12 pun masuk duit dah. Kalau 12.01 minit kena bayar *interest*. Jadi saya hendak tanya cukai durian runtuh ini apa sudah jadi?

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani saya cuma hendak tanya mengenai 10 metrik tan apa perkembangan untuk negara Malaysia dekat mana lagi negeri yang tak boleh capai 10 metrik tan satu hektar dan juga tentang kemajuan program pembangunan taman kekal pengeluaran makanan. Saya minta kerajaan jawab sedikit dan juga tentang PAC ada minta beras ST15 untuk ditambah tiga kali ganda. Kalau boleh lima kali ganda tidak apa sebab kita tak hendak beras ini terbantut kerana orang susah yang makan beras ini. Orang kaya makan beras lainlah mungkin. Taj Mahal dan sebagainya. Ini orang kampung. Ini kerana orang kampung suruh minta.

Kemudian Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah saya hendak tanya tentang apa jadi pada satu kampung satu produk. Kalau di Thailand, "*One tambun one product*." Saya rasa yang ini belum *pass*, dia tidak kuat lagi. Saya ingat kalau boleh semua sekali kampung di dalam negara mendapat satu kampung satu produk dan juga pemasaran tentang produk ini dibuat oleh pihak FAMA dan juga pengangkutan untuk kita hantar dengan harga yang munasabah oleh pengangkutan kapal terbang dan sebagainya.

Mengenai permit teksi ini sudah keluar besar-besaran hari ini dalam surat khabar dan kalau boleh samseng-samseng itu banyak. Dalam Kuala Lumpur ini mana-mana tempat yang besar-besar semua samseng-samseng itu kontrol. Dia tunggu hendak ngap sahaja, tunggu hendak sembelih sahaja. Jadi apa penguat kuasa JPJ tengah buat sekarang ini? Baik di KLCC, baik di Puduraya, baik di Lot 10, semua tempat strategik hotel-hotel dia tunggu *parking* di situ dan kita pun jadi masalah dengan pakaian dia pun menakutkan dan macam mana kita hendak tarik pelancong-pelancong. Kita pun takut, naik sahaja RM40, naik sahaja RM50. Meter tidak pakai.

Akhirnya, saya hendak mengucapkan terima kasih tidak terhingga. Sebelum itu *Untukmu Gaza* saya harap perkara ini dibawa oleh Wisma Putra kita tak hendaklah mereka yang tertindas tidak dibela. Anak, ibu, orang tua-tua yang ditindas oleh pihak Yahudi Zionis dan saya harap perkara ini kitalah, Malaysialah. Orang nampak Malaysia sekarang ini. Malaysia ini suara dia lantang. Dia kecil tapi suara dia besar. Itu sahaja dan banyak menunggu tentang tindakan gerakan daripada Malaysia sendiri.

Saya minta Wisma Putra lagilah bersemangat dalam hal ini dan saya hendak ucap *last* sekali tentang terukirnya satu sejarah lagi dalam beberapa hari lagi di mana kawan-kawan saya pun sudah sebut dan Pak Lah berhenti ini dia rasa macam batu di kepalanya dia buang. Dia ringanlah sedikit sebab kalau tidak batu atas kepala Pak Lah ini tak sangat saya tengok berserabut Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini saya nampak ringan macam layang-layang sudah sedikit. Suruhanjaya itu sudah buat, suruhanjaya kehakiman pun buat apa semua. Setidak-tidaknya kita pun rasa bernyawa sedikitlah dan saya hendak tinggalkan Pak Lah dengan dua rangkap pantun sebab Tuan tadi pantun.

*Sedang ditating, sedang ditajang,  
Rumpun delima berputik pauh,  
Sedang dikasih sedang disayang,  
Rupanya Pak Lah akan berjalan jauh,*

*Kalau dulang dulanglah Pak Lah,  
Pijak-pijak si batang padi,  
Kalau pulang pulanglah Pak Lah,  
Ingat-ingat kami di sini.*

Sekian, dengan ini saya menyokong.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi.

**5.26 ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut membenarkan saya membuat ucapan menjunjung kasih kepada ucapan Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Pertama saya ingin ucapkan tahniah kepada pelantikan Puan Yang di-Pertua selaku Tuan Yang di-Pertua yang dilantik untuk mempengerusikan Majlis Dewan Negara kerana ini merupakan satu simbol yang saya rasa patut dikekalkan dan patut digalakkan untuk pelantikan-pelantikan yang akan datang dan insya-Allah kita doakan agar pelantikan ini akan menjadi pelantikan yang kekal, insya-Allah... [*Tepuk*] Yang pertama.

Kedua, saya ingin mengambil satu lafaz daripada firman Allah SWT yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud: "*Dan ingatlah ketika Isa putera Maryam berkata, wahai Bani Israel sesungguhnya aku utusan Allah kepadamu yang membenarkan kitab yang turun sebelumku iaitu Kitab Taurat dan memberi khabar gembira dengan seorang Rasul yang akan datang setelahku yang namanya Ahmad iaitu Muhammad namun ketika Rasul itu datang kepada mereka dengan membawa bukti-bukti yang nyata mereka berkata ini adalah sihir yang nyata.*"

Kenapa lafaz saya pilih untuk menjadikan satu pembukaan kepada ucapan menjunjung kasih Yang di-Pertuan Agong pada hari ini ialah kerana kita baru sahaja melepasi bulan Rabiulawal iaitu bulan kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Manusia agung yang kita raikan kelahirannya yang kita adakan pelbagai sambutan di seluruh negara bagi menyambut kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Ayat ini saya pilih kerana bagaimana Islam telah menerangkan tentang penerimaan ketiga-ketiga bangsa dan ketiga-tiga agama utama di dunia bahawa akan turun seorang nabi yang bernama Muhammad. Nabi ini yang akan membawa segala asas perpaduan kerana bila semua kaum memahami persoalan ikon kehidupan akan menjadi teras perpaduan mereka. Kita akan memahami bahawa sebagai pemimpin apa yang telah kita ucapkan, akan ucapkan sebagai pemimpin apa yang kita buat sebagai program, pelbagai sambutan yang kita buat berkaitan

dengan kehidupan Rasulullah s.a.w. Sepatutnya dijadikan satu tanda aras untuk kita sebenarnya mengikut segala perilaku Rasulullah s.a.w yang meliputi kehidupan akhlak, politik dan pentadbiran khususnya dalam pentadbiran Islam di Malaysia.

Dengan kata lain kita sebenarnya menyedari bahawa kita diciptakan oleh Allah SWT daripada sperma yang dipertemukan dengan ovum ibu. Kita mesti dididik dengan cara yang sesuai dengan fitrah kelahiran. Kita melihat bagaimana hari ini dalam negara kita yang begitu dikagumi bagaimana tiga bangsa boleh bergabung, berpadu dengan begitu rupa sebelum ini. Kalau tidak dijaga dengan baik kita akan menghadapi masalah perkauman bilamana kita sebelum ini kadang-kadang banyak mengeluarkan perkataan-perkataan yang berbentuk perkauman. Saya rasa daripada pagi tadi kita melihat bagaimana rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini telah pun bersepakat dan bersetuju bahawa mulai daripada sekarang berhentilah untuk kita membangkitkan rasa perkauman dalam mana-mana perjuangan politik dan ekonomi yang sebenarnya tidak berasas dan membawa kepada perpecahan dan dendam yang tidak berkesudahan...

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 1 April 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***